05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

METAFORA DALAM *LEKA PELIAN BEBUNUH* DARI PERSPEKTIF LAKOFF DAN JOHNSON (1980)

YANTI ANAK BENSON

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

METAFORA DALAM *LEKA PELIAN BEBUNUH* DARI PERSPEKTIF LAKOFF DAN JOHNSON (1980)

YANTI ANAK BENSON

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sarjana Penyelidikan

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan telah dibuat pada 23 (hari bulan) 4 (bulan) 2024 .

i. Perakuan pelajar:

Saya **YANTI ANAK BENSON, M20192001221, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/ tesis yang bertajuk **METAFORA DALAM *LEKA PELIAN BEBUNUH* DARI PERSPEKTIF LAKOFF DAN JOHNSON (1980)** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar. Bagi maksud yang dibenarkan dan apa -apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. ROHAYATI BINTI JUNAIDI SELAKU PENYELIA UTAMA DAN PUAN SARIPAH BANSENG SELAKU PENYELIA BERSAMA** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **METAFORA DALAM *LEKA PELIAN BEBUNUH* DARI PERSPEKTIF LAKOFF DAN JOHNSON (1980)** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA SASTERA BAHASA IBAN.**

Dr. Rohayati Junaidi
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

6/5/2024

Tarikh

Tanda tangan penyelia utama

Tanda tangan penyelia bersama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: METAFORA DALAM LEKA PELIAN BEBUNUH DARI PERSEKTIF LAKOFF DAN JOHNSON (1980)

No. Matrik /*Matric's No.*: M2019221

Saya / *I* : YANTI ANAK BENSON
(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*
☒	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Dr. Rohayati Junaidi
(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 6/5/2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Mengucap syukur kepada Tuhan kerana dengan izinnya disertasi ini berjaya disiapkan. Ucapan terima kasih diucapkan kepada penyelia utama dan penyelia bersama Dr Rohayati binti Junaidi dan Puan Saripah Banseng atas tunjuk ajar yang diberikan. Tidak lupa juga kepada bekas penyelia yang membimbing dari awal kajian ini dijalankan iaitu Dr. Rosline Sandai. Ucapan terima kasih juga kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris atas panduan dan bimbingan dalam menyiapkan tesis ini. Ucapan penghargaan kepada Encik Jimbun Tawai atas usaha membantu dan memberi kerjasama dalam membuat penterjemahan data kajian. Tidak lupa juga kepada Ayah dan Bonda yang sentiasa memberi sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Leka pelian merupakan puisi tradisional masyarakat Iban dalam kategori invokasi yang berfungsi dalam ritual perubatan tradisional Iban. Setiap perkataan yang dilagukan oleh *manang* dalam *leka pelian* digayakan dengan bahasa kiasan metafora bagi menambahkan lagi keindahan seni berpuisi sekali gus menjadi medium komunikasi antara manusia dengan alam ghaib. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis maksud metafora yang membentuk *leka pelian bebunuh*. Selain itu kajian ini juga menganalisis penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980) untuk menganalisis kategori metafora yang terdapat di dalam *leka pelian bebunuh*. Analisis kandungan dan juga temu bual separa struktur digunakan untuk menganalisis setiap kategori metafora. Dapatan kajian menunjukkan bahasa kiasan *leka pelian bebunuh* terdiri daripada metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora berunsurkan haiwan, metafora alam dan metafora perbandingan yang disesuaikan dicipta dan menjadi budaya dalam kehidupan masyarakat Iban. Kajian menunjukkan bahawa metafora alam paling banyak digunakan berbanding dengan metafora yang lain. Ini menunjukkan penggunaan bahasa kiasan yang digunakan dalam *leka pelian bebunuh* di pengaruhi oleh persekitaran dan juga penempatan masyarakat Iban yang tinggal di kawasan pendalaman. Kategori metafora ini digunakan sebagai medium komunikasi alam manusia dengan alam ghaib. Implikasi kajian ini menunjukkan penggunaan kategori metafora dalam menambahkan pengetahuan pengamal dan masyarakat Iban khususnya tentang kemahiran berbahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

METAPHORA IN *LEKA PELIAN BEBNUH* FROM THE PERSPECTIVE OF LAKOFF AND JOHNSON (1980)

ABSTRACT

Leka pelian is a traditional poem of the Iban community in the invocation category that functions in traditional Iban medical rituals. Every word sung by *manang* in *leka pelian* is styled with metaphorical language to add to the beauty of poetic art, thus becoming a medium of communication between humans and the supernatural. This study aims to analyze the meaning of metaphors that make up *leka pelian bebunuh*. Besides, this study also analyzes metaphor as a mediator between the human and supernatural worlds. This study is qualitative by using the conceptual metaphor theory of Lakoff and Johnson (1980) to analyze the categories of metaphor found in *leka pelian bebunuh*. Content analysis and semi-structured interviews, were used to analyze each metaphor category. The study's findings show that the figurative language of *leka pelian bebunuh* consists of abstract metaphors to reality, simile metaphors, animal-based metaphors, nature metaphors and comparative metaphors that are adapted to be created and become a culture in the life of the Iban community. Studies show that nature metaphors are used the most compared to other metaphors. This shows that the figurative language used in *leka pelian bebunuh* is influenced by the environment and the settlement of the Iban community living in the inland areas. This metaphor category is used as a medium of communication between the human world and the supernatural world. The implications of this study show the use of metaphor categories in increasing the knowledge of practitioners and the Iban community, especially about language skills.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xi

SENARAI RAJAH xiv

SENARAI LAMPIRAN xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 4

1.2.1 Perubatan tradisional *Pelian* dan Kosmos Iban 4

1.2.2 *Pelian* dan *Leka Pelian* 8

1.2.3 *Semengat* (roh) dan *ayu* (semangat) 10

1.3 Pernyataan Masalah 11

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4	Objektif Kajian	14
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Kerangka Teori Kajian	15
1.7	Definsi Operasional	17
1.7.1	Metafora	17
1.7.2	*Leka Pelian*	18
1.7.3	*Manang*	19
1.7.4	Alam Ghaib	19
1.8	Batasan Kajian	20
1.9	Kepentingan Kajian	21
1.10	Rumusan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Kajian Lepas yang berkaitan Metafora	24
2.3	Kajian Lepas yang berkaitan Puisi Iban	33
2.4	Kajian Lepas yang berkaitan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980))	39
2.5	Rumusan	47

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	48
3.2	Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980)	49
3.3	Reka Bentuk Kajian	52

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Populasi dan Sampel 52

3.5 Sumber Data 53

3.4.1 Informan 54

3.4.2 Buku *Pelian* 54

3.6 Instrumen Kajian 55

3.6.1 Temu bual separa Berstruktur 56

3.6.2 Analisis Kandungan 57

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan 58

3.8 Prosedur Pengumpulan data 59

3.9 Tatacara Analisis Data 61

3.10 Rumusan 62

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 64

4.2 Kategori Metafora dalam *Leka Pelian* 65

4.3 Maksud Metafora yang Membentuk *Leka Pelian* 78

4.3.1 Analisis Metafora Abstrak ke realiti dalam *Leka Pelian* 78

4.3.2 Analisis Metafora Perumpamaan dalam *Leka Pelian* 83

4.3.3 Analisis Metafora berunsurkan haiwan dalam *Leka Pelian* 91

4.3.4 Analisis Metafora alam dalam *Leka Pelian* 100

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	4.3.5	Analisis Metafora perbandingan dan metafora analogi dalam *Leka Pelian*	117
4.4		*Leka Pelian* sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib	120
	4.41	Penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib dalam *Pelian orang sakit ditunang utai*	122
	4.4.2	Analisis Penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib *Pelian Kara Pejuang*	127
4.5		Rumusan	130
BAB 5		**PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**	
5.1		Pengenalan	132
5.2		Kategori dan Maksud Metafora yang membentuk *Leka Pelian* berdasarkan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980)	133
	5.2.1	Perbincangan metafora abstrak ke realiti	133
5.3		Penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib	149
5.4		Sumbangan Kajian	154
5.5		Implikasi Kajian	155
5.6		Cadangan Kajian Seterusnya	156
5.7		Kesimpulan	157
RUJUKAN			159
LAMPIRAN			167

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
3.1	Tatacara Penganalisisan Data	61
4.1	Bilangan Metafora	66
4.2.1	Metafora Abstrak Ke Realiti	67
4.2.2	Metafora Perumpamaan	68
4.2.3	Metafora Haiwan	69
4.2.4	Metafora Alam	72
4.2.5	Metafora Perbandingan dan Analogi	76
4.2.1	Contoh 1	79
4.2.2	Contoh 2	80
4.2.3	Contoh 3	82
4.2.1	Contoh 1	84
4.2.2	Contoh 2	85
4.2.3	Contoh 3	86
4.2.4	Contoh 4	87

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.5	Contoh 5	88
4.2.6	Contoh 6	89
4.3.1	Contoh 1	92
4.3.2	Contoh 2	93
4.3.3	Contoh 3	94
4.3.4	Contoh 4	95
4.3.5	Contoh 5	96
4.3.6	Contoh 6	97
4.3.7	Contoh 7	98
4.4.1	Contoh 1	102
4.4.2	Contoh 2	103
4.4.3	Contoh 3	103
4.4.4	Contoh 4	104
4.4.5	Contoh 5	105
4.4.6	Contoh 6	106
4.4.7	Contoh 7	107
4.4.8	Contoh 8	108
4.4.9	Contoh 9	109
4.4.10	Contoh 10	110
4.4.11	Contoh 11	111

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.12	Contoh 12	113
4.4.13	Contoh 13	114
4.4.14	Contoh 14	115
4.5.1	Contoh 1	117
4.5.2	Contoh 2	118
4.6.1	Contoh 1	121
4.6.2	Contoh 2	122
4.6.3	Contoh 3	123
4.6.4	Contoh 4	124
4.7.1	Contoh 1	126
4.7.2	Contoh 2	127
5.1	Rumusan Hasil Dapatan	132
5.2	Rumusan hasil dapatan *pelian belanchar ba wung*	138
5.3	Rumusan hasil dapatan *pelian kara pejuang*	141
5.4	Metafora sebagai pengantaraan alam manusia dan alam ghaib	148

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teori (diadaptasi daripada teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson,1980)	16
3.1	Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980)	51
3.2	Prosedur Pengumpulan Data	60
4.1	Senarai Metafora Abstrak ke Realiti	79
4.2	Metafora Perumpamaan	84
4.3	Metafora Haiwan	91
4.4	Metafora Alam	100
4.5	Metafora Perbandingan dan Analogi	117
4.6	Penggunaan Metafora Sebagai Pengantaraan Alam Manusia Dengan Alam Ghaib	120

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A *Pelian orang sakit ditunang utai*

B *Pelian belanchar ba wung*

C *Pelian kara pejuang*

D Borang senarai semak *Pelian ditunang utai*

E Borang senarai semak *Pelian belanchar ba wung*

F Borang senarai semakP*peian kara pejuang*

G *Borang temu bual separa struktur*

H Contoh pengekodan terbuka *Pelian orang sakit di tunang utai*

I *Pelian kara pejuang*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Kaum Iban ialah kaum terbesar yang tinggal di negeri Sarawak dan mempunyai peratusan majoriti iaitu lebih daripada 30 peratus daripada 2.81 juta penduduk di Sarawak (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Masyarakat Iban telah berhijrah ke Borneo pada pertengahan abad ke 16. Mereka berhijrah menggunakan dua laluan yang berbeza iaitu dari bahagian ulu Kapuas (Indonesia) manakala laluan yang seterusnya ialah Batang Ai (Bahagian kedua dalam Sarawak)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakan masyarakat Iban berhijrah melalui sungai utama dari arah utara ke timur Pulau Borneo (Juliza Kennedy, 2007). Akibat daripada penghijrahan tersebut, sebilangan besar masyarakat Iban tinggal di kawasan pendalaman. Oleh itu, kehidupan masyarakat Iban dipengaruhi oleh kejadian setempat termasuklah kepercayaan dan sistem perubatan.

Orang Iban percaya bahawa terdapat tiga kategori perubatan tradisional. Kategori pertama ialah Gawai Sakit iaitu upacara yang dilakukan untuk meraikan pesakit. Jenis kedua ialah *begama* iaitu menggunakan jari untuk merawat penyakit dalam badan pesakit. Kategori ketiga ialah *Belian,* iaitu ritual penyembuhan tradisional Iban menggunakan khidmat *manang* (pengamal ritual) atau pengamal ritual. *Manang* (pengamal ritual) menggunakan mantera semasa ritual *pelian* bergantung kepada jenis penyakit yang dialami pesakit. Dalam ritual *Pelian, manang* (pelaksana ritual) menggunakan mantera yang dipanggil *leka pelian* (Robert Menua Saleh et al., 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini memberi tumpuan kepada metafora yang terdapat dalam *leka pelian bebunuh* semasa ritual perubatan dan perantaraan alam manusia dengan alam ghaib. Menurut Abdul Wahab (1995) terdapat lima kategori metafora yang menimbulkan kesan keindahan dan nilai estetika dalam karya. Lima kategori metafora itu ialah metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora berunsurkan haiwan, metafora alam, metafora perbandingan dan metafora analogi. Kategori tersebut menggambarkan keadaan tersirat dalam karya bagi mengelakkan penggunaan bahasa kasar (Siti Noraien Razali, 2016). Kajian ini dijalankan untuk membantu generasi masa kini memahami dengan lebih mendalam maksud yang tersirat dalam *leka pelian bebunuh* bagi mengekalkan warisan adat dan budaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tiga *leka pelian bebunuh* iaitu *Pelian orang sakit ditunang utai*, *Pelian belanchar ba wung dan Pelian kara pejuang.* Tujuan *Pelian orang sakit ditunang utai* adalah untuk mengubati pesakit yang diganggu oleh makhluk halus di mana pesakit telah di tunang oleh makhluk halus atau *spirit*. Pesakit yang diganggu oleh *spirit* dipercayai ada kaitan dengan binatang seperti kijang, labi-labi, buaya dan ular besar yang tinggal di dalam air. *Leka pelian* dilagukan untuk sampai ke dunia binatang yang menunang pesakit. (Robert Menua Saleh et al., 2002).

Pelian seterusnya ialah *Pelian belanchar ba wung* di mana *pelian* ini bertujuan menyembuhkan orang sakit yang bermimpi perahu karam yang sangat menakutkan sehingga berteriak dan mengigau. Masyarakat Iban percaya bahawa mimpi adalah satu petunjuk sama ada baik ataupun sebaliknya. Dalam aspek *pelian belanchar ba wung* ini, ia menandakan mimpi yang tidak baik. Mimpi yang sedemikian akan mengganggu kehidupan harian orang tersebut dan boleh menyebabkan orang yang bermimpi jatuh sakit. Orang yang mengalami mimpi tersebut hendaklah menjalankan ritual perubatan *pelian* bagi membatalkan kesan buruk daripada mimpi tersebut. Tambahan pula, sekiranya tidak menjalani ritual akan jatuh sakit kerana rohnya akan meninggalkan jasadnya (ibid).

Pelian kara pejuang pula untuk menyembuhkan pesakit yang mengalami sakit tenat. Pesakit akan berperilaku dan berbunyi seperti khinzir di dalam kandang kerana menahan kesakitan. Ini kerana roh pesakit diambil oleh roh jahat yang dikenali sebagai *antu Gerasi* (jin). Maka, ritual perubatan tradisional *pelian* hendaklah dijalankan bagi tujuan untuk menyembuhkan penyakit si pesakit, menolak bala serta membayar nazar (Robert Menua Saleh et al., 2002). Setiap *leka pelian* akan dianalisis bagi mendapatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

metafora yang digunakan dan mendapatkan maksud bagi setiap metafora yang digunakan. Bagi membincangkan secara terperinci, bab ini meliputi latar belakang kajian. Selain itu disertakan juga pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian dan definisi operasional serta kerangka teori.

1.2 Latar Belakang Kajian

Masyarakat Iban ialah etnik yang terbesar di Sarawak dan sebilangan besar mereka tinggal di kawasan pendalaman Sarawak. Justeru itu, kehidupan dan kepercayaan mereka dipengaruhi oleh kejadian setempat. Mereka mempercayai burung khitanan atau Auguri (omen) iaitu bunyi dan penerbangan burung menjadi satu petanda amaran baik ataupun sebaliknya (Sandin, 1980). Pengaruh kepercayaan ini dapat dilihat melalui kosmos Iban dan *pelian* sebagai puisi invokasi.

1.2.1 Perubatan tradisional *Pelian* dan Kosmos Iban

Perubatan tradisional *pelian* berkait rapat dengan kepercayaan lama nenek moyang masyarakat Iban. Orang Iban percaya bahawa dunia ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu *Dunya di atas langit* (Dunia di atas langit), *Tisau langit* (Dunia di tepi langit), *Dunya di baruh langit* (Dunia di bawah langit), *Dunya di dalam bumi* (Dunia di dalam bumi) dan *Menua sebayan* (Alam roh) (Asmah Omar, 2012). Namun begitu, hanya terdapat tiga kosmos Iban yang berkait rapat dengan perubatan tradisional Iban iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dunya di atas langit (Dunia di atas langit), *Dunya di dalam bumi* (Dunia di dalam bumi) dan *Dunya sebayan* (Alam roh).

Menurut Asmah Omar (2012), Dunia di atas langit merupakan bahagian yang paling utama dan mempunyai tujuh lapis pintu. Setiap pintu dikawal bagi melindungi dari diserang oleh orang dalam bumi. Dunia di atas langit dijaga oleh *Bunsu Petara* dan *Petara* (Dewa-Dewa) yang boleh diseru untuk membantu manusia. Dewa utama di atas langit ialah Dewa *Raja Durung bejuluk Lumpung Tibang Bebaring* dan isterinya, *Endu Dara Talun Pelangka di begela Kuta Dinding Hari.* Pasangan tersebut melahirkan anak yang bernama *Jembu ke duduk di Batu Tinggi Dedinggai* yang dikenali sebagai *Meta Raja Pengibai* dan isterinya ialah *Endu Kumang Baku Pelimbang.* Pasangan ini melahirkan dewa yang paling terselah iaitu *Aki Lang Sengalang Burung* (Dewa Perang) dengan nama keduanya *Aki Jugu Menaul Tuntung*. Adik-beradik beliau iaitu *Raja Menjaya* (Dewa Perubatan) ataupun *Manang Langgung*, *Raja Biku Bunsu Petara* (Dewa Segala Sumber) juga dikenali sebagai *Panta Inan Raja Jadia*, *Raja Selempeta* ataupun *Selempetuh* (Dewa Pencipta) dan nama lainnya ialah *Selempandai. Gangga Ganggai* (Dewa Keadilan) atau nama keduanya ialah *Gangga Ganggung. Anda Mara* (Dewa Kekayaan) atau dikenali sebagai *Ini Rabung Hari* atau *Ini Inda Rabung Menua*. Seorang lagi dewa yang terselah dalam masyarakat Dunia di atas langit ialah *Rangkang Kirai Raja Sua* yang dikenali sebagai *Sempulang Gana* (Dewa Tanah).

Masyarakat Iban juga percaya bahawa *Panggau Libau* (Alam kayangan) juga berada di dunia atas langit. Dewa-dewa seperti *Keling, Bunga Nuing, Sempurai* adalah antara dewa yang disanjung oleh masyarakat Iban. Selain daripada itu, kediaman dewi-dewi di *Gelung Batu Nakung Nyingit Nyingung Nyundang Nerabang* seperti *Kumang*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan Lulung juga berada di dunia atas langit. Kewujudan dewa-dewi ini sama seperti entiti di *Dunya sebayan* (Alam roh) dan *spirit* di mana mereka tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Namun begitu, kehadiran entiti tersebut boleh ditafsir melalui bunyi burung, bunyi haiwan, dan mimpi manusia. Dewa-dewi juga sentiasa memantau dan menjaga manusia melalui setiap nafas, jasad dan *semengat* (roh) serta *ayu* (semangat) manusia. Justeru, jika manusia jatuh sakit, masyarakat Iban akan mengadakan ritual *pelian* supaya *manang* menyeru dewa-dewi untuk meminta pertolongan daripada *Raja Menjaya (*Dewa Perubatan*)* yang berperanan menjaga kesihatan manusia. Selain daripada itu, terdapat juga dewa-dewi lain yang berkait rapat dengan kesihatan masyarakat Iban iaitu *Selempetuh* atau dikenali sebagai *Selempandai* (Dewa Pencipta) yang selalu membantu manusia. Dewa-dewi yang membantu *manang* mengubati pesakit biasanya memberi ubat tradisional dikenali sebagai *sakang* meskipun mereka tidak dapat datang secara langsung (Asmah Omar, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dunia di dalam bumi pula didiami oleh manusia, haiwan dan tumbuhan (Asmah Omar, 2012). Selain daripada itu, Dunia di dalam bumi juga dipercayai didiami oleh bermacam jenis *spirit* meskipun mereka tidak dapat dilihat dengan menggunakan mata kasar. Kehidupan dan kepercayaan *spirit* juga sama seperti kehidupan manusia di dalam bumi. S*pirit* juga boleh menjelma dalam bentuk haiwan seperti burung, kera dan pelbagai bentuk haiwan yang lain. Selain daripada itu, *spirit* tersebut juga boleh muncul di dalam mimpi seseorang (Robert Menua Saleh et al., 2002). Tambahan pula, perkahwinan di antara manusia dengan *spirit* di Alam roh (*Dunya sebayan*) adalah bersyarat. Perang di antara alam boleh berlaku sekiranya syarat-syarat tidak dipatuhi. Namun demikian, kedua-dua pihak boleh mengalah atas dasar belas kasihan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hormat. Mereka percaya bahawa setiap manusia mahupun haiwan mempunyai alam kehidupan masing-masing dan perlu menghormati antara satu sama lain (ibid).

Dunia dalam bumi juga dihuni oleh *spirit* yang datang dari Alam roh *(Dunya sebayan)*. Dalam kehidupan masyarakat Iban, *spirit* dipercayai mengganggu manusia kerana keliru dalam membezakan antara manusia dengan haiwan. Hal ini disebabkan oleh perbuatan salah manusia seperti biadap dalam perbicaraan, melanggar pantang dan kempunan makanan. Perkara tersebut akan menyebabkan pertembungan diantara manusia dan *spirit* yang mungkin menyebabkan manusia sakit kerana roh manusia dikurung oleh *spirit.* Oleh itu, pesakit boleh disembuhkan oleh *manang* sahaja dengan mengambil *semengat* (roh) pesakit dari *spirit* ataupun dari Alam roh (*Dunya sebayan)* dengan cara ritual perubatan tradisional *pelian* (Robert Menua Saleh et al., 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dunia yang ketiga ialah *Dunya sebayan* iaitu Alam roh (Asmah Omar, 2012). Masyarakat Iban percaya bahawa Alam roh ini dijaga oleh semua roh yang sudah meninggal dunia. Meskipun jasad mereka sudah mati tetapi roh mereka masih boleh bersama manusia di Dunia dalam bumi dan roh mereka tidak dapat dilihat. Roh mereka boleh mengganggu kesejahteraan hidup saudara mara yang masih hidup. Justeru, roh yang sudah mati mesti dipisahkan dalam satu ritual iaitu *beserara bunga.* Selain itu, roh orang yang masih hidup juga boleh berada di Alam roh atau *Dunya sebayan* sekiranya mereka hilang atau sesat dalam perjalanan menuju ke alam lain. Roh ini boleh diketahui keberadaannya melalui tilikan *manang* (pengamal ritual) (Robert Menua Saleh et al., 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat Iban percaya bahawa Alam roh (*Dunya sebayan*) ini berada di perairan Sungai Batang Mandai di Kalimantan yang merupakan kemasukan ke Alam roh iaitu satu dunia di dalam tanah. Penempatan kehidupan Alam roh (*Dunya sebayan)* ini mengikut keadaan kematian mereka. Oleh itu, roh orang yang mati muda akan tinggal di satu kawasan yang berasingan. Sama juga dengan roh orang yang mati melahirkan akan tinggal di kawasan yang lain. Masyarakat Iban juga percaya bahawa di Alam roh (*Dunya sebayan)* mempunyai ketua seperti *Raja Niram, Lenggah Lenggan, Dara Rambai Geruda* dan *Indai Bilai.* Roh orang yang mati akan diiringi oleh *manang* (pengamal ritual) ke Alam roh dengan nyanyian rintihan (*Sabak*) (Asmah Omar, 2012).

Dalam ritual perubatan tradisional Iban ini, jasad *manang* masih di dunia dalam keadaan tidak sedarkan diri dan rohnya berada di *Dunya sebayan* (Alam roh) kerana mencari roh pesakit dalam ritual *pelian. Manang* juga akan meminta pertolongan daripada *Petara* yang tinggal di atas langit untuk menyembuhkan pesakit. Justeru itu, tempat dan alam yang dilalui oleh *manang* akan disebut dalam *leka pelian.*

1.2.2 *Pelian* dan *Leka Pelian*

Pelian merupakan puisi invokasi untuk menyembuhkan orang yang sakit, yang dilagukan oleh *manang* (pengamal ritual). Ritual *pelian* diadakan untuk mengalahkan atau mengusir roh jahat (*Antu*) yang menyebabkan manusia mengalami sakit. Ritual perubatan tradisional *pelian* ini juga bertujuan untuk mengejar, menangkap dan mengembalikan roh (*semangat)* yang pergi ke Alam roh (*Dunya sebayan)* atau berada jauh dari badan pesakit (Sather, 2001). Kain akan direntang atau digantung di rumah pesakit ialah tanda penerimaan sedekah daripada pelawat yang datang. Tujuan sedekah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut untuk menampung kos perubatan yang dijalankan oleh *manang*. Kemudian semasa *leka pelian* dilagukan, sekatan (*pelepa*) akan dibuat menggunakan benang merah, duri limau dan sebagainya bagi tujuan menghalau roh jahat. *Manang* akan menilik ke dalam batu azimat (*batu ilau*) untuk melihat keberadaan roh pesakit. *Manang* juga mencari roh pesakit yang lari dari jasadnya dengan menggunakan batu azimat tersebut. *Manang* menggunakan papan sebagai tempat duduk semasa mengubati pesakit. Papan tersebut dikenali sebagai *wa* yang melambangkan penerbangannya ke Alam roh untuk mengejar dan menangkap roh pesakit. Oleh itu, *manang* (pengamal ritual) hendaklah memiliki tangkal (*engkerabun*) sebagai pelindung untuk tidak dilihat oleh roh jahat di Alam roh (*Dunya sebayan*) semasa mengambil roh pesakit (Sandin, 1980).

Leka pelian berbentuk magis dan berfungsi untuk memulihkan semangat, menyembuhkan penyakit, menghilangkan ketakutan dan sebagai ubat penawar. Perjalanan dan pengalaman *manang* (pengamal ritual) juga akan dilagukan dalam *leka pelian*. Semasa *leka pelian* dilagukan, roh *manang* masuk ke dalam Alam roh (*Dunya sebayan)* iaitu dimensi yang tidak dapat dilihat. *Manang* (pengamal ritual) juga menghantar utusan ke Dunia atas langit jika perlu. Maka, *petara manang* iaitu *Raja Menjaya* (Dewa Kesihatan) dijemput turun ke Dunia dalam bumi sebagai pengunjung ritual (*pengabang*) (ibid).

Kedatangan para dewa diharapkan dapat membantu *manang* (pengamal ritual) dalam penyembuhan pesakit semasa ritual *pelian*. Maka, nyanyian dalam *leka pelian* menggambarkan perjalanan para dewa dan *yang* (Pendamping *manang*) melalui kosmos ke Dunia di dalam bumi. Garis naratif atau *jalai leka pelian*, merangkumi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jemputan para dewa dari Dunia atas langit dan tindakan para dewa membantu *manang.* *Leka pelian* juga menceritakan roh *manang* (pengamal ritual) bersama pendamping (*yang*) menjalani ritual perubatan *pelian*. *Leka pelian* masih berpengaruh dalam membantu mengubati penyakit yang tidak dapat diubati secara moden, seperti sakit disebabkan gangguan roh, mimpi buruk, di tunang oleh makhluk ghaib dan sebagainya (Sandin, 1980).

1.2.3 *Semengat* (roh) *dan ayu* (semangat)

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, setiap manusia mempunyai roh (*semengat*) dan semangat (*ayu*). Roh *(semengat)* seharusnya bersama dengan jasad manusia. Jika roh (*semengat)* itu berpindah atau jauh meninggalkan jasad manusia maka, orang tersebut akan jatuh sakit. Hal ini berkemungkinan roh tersebut dimarahi, dikacau atau dilarikan oleh *spirit.* Selagi roh (*semengat)* pesakit tidak kembali ke jasadnya maka pesakit akan terus sakit dan ditimpa musibah. Roh (*semengat)* yang tidak Kembali juga boleh menyebabkan kematian (Robert Menua Saleh et al., 2002).

Robert Menua Saleh et al. (2002) menyatakan bahawa istilah semangat (*ayu*) juga sama seperti roh (*semengat)*, jika seseorang tersebut lemah semangat (*alah ayu*) maka dia akan jatuh sakit. Mengikut kepercayaan masyarakat Iban, semangat (*ayu*) ini tumbuh seperti pokok pisang atau buluh yang tumbuh di Bukit Merebung Jawa. *Pokok ayu* (pokok semangat) tersebut dijaga oleh ketua *manang* (pengamal ritual) yang dikenali sebagai *Matai Tuai Raja Menjaya* (Dewa Kesihatan)*, Manang Langgung Ngembuan Puchung Penyaga Nyawa.* Jika manusia menghidap penyakit atau lemah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semangat hanya *Raja Menjaya* sahaja yang boleh menghidupkan semangat (*ayu)* mereka.

Oleh itu, perubatan tradisional dengan menggunakan khidmat *manang* sangat penting sebelum kedatangan agama Kristian. Hal ini kerana, masyarakat Iban sangat bergantung akan kebolehan *manang* dalam mengubati penyakit. Hanya *manang* sahaja yang mempunyai kuasa dalam ritual penyembuhan secara tradisional.

1.3 Pernyataan Masalah

Penggunaan bahasa yang kompleks dan bahasa kiasan sering dijadikan isu utama dalam mengetepikan karya sastera (Mala Varadan, 2018). Lim (2002), berpendapat bahawa, jika pembaca tidak memahami dan menghayati maksud metafora maka metafora yang terdapat di dalam sesuatu karya hanya menjadi hiasan semata-mata serta tidak bermakna. Justeru itu, pembaca perlu memahami makna sebenar metafora untuk menghayati sesebuah karya khususnya *leka pelian bebunuh.*

Pada zaman kontemporari kini, agama Kristian khususnya dilihat telah mendominasi pemikiran masyarakat Iban. Kewujudan agama Kristian yang mula tersebar luas dalam kalangan masyarakat Iban dilihat telah meresap masuk ke seluruh sanubari dan cara hidup masyarakat setempat (Asmah Omar, 1981). Asasnya kerana ketetapan hukum hakam di dalam agama Kristian itu sendiri yang telah menetapkan undang-undang khusus bagi para penganutnya, di mana para penganutnya dilarang sama sekali menyembah mana-mana entiti ghaib. Umatnya perlu meninggalkan ajaran-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ajaran yang lama apabila sudah menjadi umat Kristian. Oleh sebab itu, perubatan tradisional dalam masyarakat Iban juga turut terkesan dengan perubahan tersebut kerana asas sistem ilmunya selama ini dipacu oleh kepercayaan tersebut. Kesannya, kebergantungan kepada *manang* (pengamal ritual) semakin berkurangan. Peranan *manang* (pengamal ritual) tersebut digantikan dengan doktor dan ritual perubatan tersebut juga digantikan dengan majlis doa-doa atau sembahyang di tempat berkenaan.

Hal yang sama juga berlaku apabila berlakunya perubahan budaya. Budaya kontemporari sejak kebelakangan ini telah meresap masuk ke dalam sanubari masyarakat luar bandar (Abdul Halim at el., 2019). Hasilnya, lahirnya masyarakat yang berpegang teguh kepada norma-norma budaya massa. Justeru, amalan yang kian lama diterapkan oleh nenek moyang juga turut terkesan, dengan kurang diberi perhatian walau sebahagiannya tidak bertentang dengan agama Kristian. Hanya generasi yang lebih tua sahaja yang terus-menerus mempraktikkan amalan nenek moyang itu. Hal ini secara tidak langsung telah menghakis warisan nenek moyang dan juga tahap kefahaman generasi muda terhadap amalan serta tidak memahami *leka pelian* yang dinyanyikan oleh *manang* (pengamal ritual) dalam mengubati sesuatu penyakit tersebut. Dalam masa yang sama generasi yang akan datang juga akan menghadapi kesukaran untuk memahami isi kandungan puisi tradisional lama khususnya *leka pelian*.

Faktor ketiadaan generasi kesinambungan juga menjadi penyebab utama kenapa perubatan tradisional *pelian* itu semakin menyusut daripada masyarakat Iban. Masyarakat Iban khususnya kekurangan golongan arif berkenaan dengan perubatan tradisional *pelian* ini bagi memperkenalkan perubatan tradisional *pelian* ini kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

generasi muda. Justeru, ini menyebabkan ritual perubatan ini kurang diamalkan sekali gus menyebabkan kesukaran kepada generasi muda untuk lebih memahami *leka pelian* yang dilagukan oleh *manang* dalam ritual tersebut (Rosline Sandai, 2011). Generasi kini sukar untuk memahami menyampaikan dan mendalami maksud yang terdapat di dalam *leka pelian* (Rosline Sandai, 2015)

Perkembangan bidang ilmu pengetahuan sejak penjajahan Barat hingga kini turut mengubah cara berfikir masyarakat Iban untuk mempercayai atau menolak kepercayaan tradisi (Emping Jabu, 1989). Transformasi perubatan tradisional ke perubatan moden juga menyebabkan berlakunya kurang pengamalan bagi perubatan tradisional. Menurut Ab. Razak Ab. Karim (2018) terdapat perbezaan umum perubatan tradisional dan moden. Yang pertama ialah pengamal perubatan moden mendapat ilmu perubatan secara khusus, iaitu badan yang diiktiraf oleh kerajaan. Kaedah rawatan yang digunakan di hospital mahupun di klinik adalah berbeza dengan cara perubatan tradisional. Sekiranya pesakit mengalami penyakit yang serius maka pesakit akan dibedah dan jika pesakit tidak mengalami penyakit yang serius akan di beri ubat-ubatan. Berbeza dengan sistem perubatan tradisional yang tiada istilah kritikal. Perkara ini menyebabkan ramai pesakit akan memilih untuk pergi ke hospital berbanding menggunakan perubatan tradisional *Pelian* (Ab Razak Ab Karim, 2018).

Pelian adalah satu-satunya cara perubatan tradisional yang diamalkan sejak turun-temurun bagi mengubati sebarang penyakit. Ritual perubatan tradisional ini masih dijalankan sehingga kini meskipun kian menyusut dari hari ke hari. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk membantu generasi yang akan datang bagi memahami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan lebih mendalam isi kandungan dalam *leka pelian* yang dilagukan oleh *manang* (pengamal ritual) semasa mengubati penyakit.

1.4 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian yang hendak dicapai di dalam kajian ini:

1. Mengenal pasti kategori metafora yang membentuk *leka pelian bebunuh* dalam perubatan tradisional Iban.
2. Mengenal pasti penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib dalam *leka pelian bebunuh.*
3. Menganalisis maksud metafora menggunakan teori metafora konseptual dalam *leka pelian bebunuh*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah kategori metafora yang membentuk *leka pelian bebunuh* dalam perubatan tradisional Iban?
2. Bagaimanakah metafora dalam *leka pelian bebunuh* digunakan sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib*?*
3. Bagaimanakah maksud metafora dalam *leka pelian bebunuh* dianalisis menggunakan teori metafora konseptual Lakoff fan Johnson (1980)?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Kerangka Teori Kajian

Perkataan metafora dalam bahasa Yunani terdiri atas dua perkataan iaitu *meta* yang membawa maksud "di atas" dan *pherein* bermaksud "membawa" (McGlone, 2007). Teori metafora mempunyai dua jenis iaitu metafora tradisional dan teori metafora konseptual. Kajian ini, menggunakan teori metafora konseptual yang dikemukakan oleh Lakoff dan Johnson (1980, 1993, 2003) untuk mengenal pasti kategori metafora yang terdapat dalam tiga buah *leka pelian*. Berpandukan teori metafora konseptual juga maksud metafora dalam *leka pelian bebunuh* akan dianalisis penggunaannya sebagai pengantaraan alam manusia dan alam ghaib dalam *leka pelian bebunuh*.


Menurut Lakoff (1993), metafora konseptual dapat juga disebut teori metafora konseptual/teori metafora konseptual/teori kognitif metafora/metafora kontemporer. Teori metafora konseptual menyatakan bahawa metafora hadir dalam kehidupan seharian kita bukan sahaja sebagai fenomena bahasa semata-mata, namun ia juga mempengaruhi daya pemikiran dan tindakan manusia (Lakoff dan Johnson, 1980). Teori konseptual dirancang untuk memberi gambaran secara konseptual tentang teori yang digunakan untuk mengkaji maksud kategori metafora yang terdapat di dalam tiga buah *leka pelian bebunuh.*

Perbincangan berdasarkan kerangka ini bertujuan untuk menunjukkan melalui teori metafora konseptual bahawa setiap kategori bahasa kiasan metafora yang digunakan di dalam tiga buah *leka pelian bebunuh* mempunyai makna sebagaimana pemikiran masyarakat penuturnya melalui teori metafora konseptual. Kajian ini mengenal pasti kategori metafora yang terdapat dalam *leka pelian.* Lima kategori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

metafora dikenal pasti dan dibahagikan kepada lima kategori iaitu, metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora unsur haiwan, metafora alam, metafora perbandingan dan metafora analogi. Kemudian kategori metafora akan dianalisis maksudnya untuk menunjukkan kepada penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib dalam *leka pelian bebunuh.* Aplikasi teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980, 1993, 2003) dalam kajian ini ditunjukkan dalam rajah 1.1.



Rajah 1.1. Kerangka Teori (diadaptasi daripada teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson, 1980).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Definisi Operasional

Beberapa definisi dan konsep yang berkaitan dengan kajian dengan kajian dibincangkan untuk memberi penjelasan berkenaan dengan kajian Metafora dalam *leka pelian bebunuh* dari perspektif Lakoff dan Johnson (1980). Kajian ini mengaplikasikan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Konsep – konsep yang berkaitan dengan metafora, *leka pelian, manang* dan alam ghaib akan diperjelaskan secara umum bagi memberi gambaran awal berkenaan kajian ini.

1.7.1 Metafora

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abdul Wahab (1995) menyatakan metafora mempunyai lima kategori iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora berunsurkan haiwan, metafora alam, metafora perbandingan dan metafora analogi. Metafora abstrak ke realiti merupakan pembentukan maksud secara metaforikal dengan melihat metafora sebagai keadaan sebenar antropologi manusia. Abdul Wahab (1995) juga menyatakan bahawa metafora perumpamaan melibatkan penggunaan benda sebagai imej sebagai gambaran untuk menampilkan maksud yang tersirat dalam sesuatu karya. Metafora berunsurkan haiwan pula menjadikan haiwan sebagai alat dalam pembentukan metafora. Sifat haiwan akan menjadi gambaran kepada pembentukan metafora dalam satu-satu karya. Metafora alam pula menjadikan unsur alam sebagai alat untuk menyampaikan pemikiran, nasihat, kritikan dan sebagainya dalam pembentukan metafora. Metafora perbandingan pula peribahasa yang menyebut sesuatu maksud dengan diumpamakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau dikiaskan kepada sesuatu perkara lain. Oleh itu, metafora perbandingan mempunyai dua lapisan. Metafora analogi menggambarkan keadaan suka, duka, benci sindiran dan kasih sayang Abdul Wahab (1995). Ke lima-lima kategori metafora tersebut diguna pakai sebagai rujukan pengkaji dalam menjalankan kajian. Dalam kajian ini, enam kategori metafora iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora berunsurkan haiwan, metafora alam, metafora perbandingan dan metafora analogi dikenal pasti. Cara metafora membentuk maksud *leka pelian bebunuh* serta metafora sebagai pengantaraan alam manusia dan alam ghaib dianalisis.

1.7.2 *Leka Pelian*

Leka pelian adalah satu puisi invokasi yang digunakan oleh *manang* dalam ritual perubatan Iban. Setiap *leka pelian* disusun dan mempunyai isi yang tersirat serta maksud yang mendalam. *Leka pelian* ini adalah satu puisi invokasi yang magis di mana bentuk pengucapannya yang terhasil daripada imaginasi, daya cipta dan realiti budaya mereka yang mempunyai estetika, tema serta bentuknya yang unik (Sather, 2001). Dalam kajian ini, tiga *leka pelian bebunuh* dikaji iaitu *Pelian orang sakit ditunang utai, Pelian belanchar ba wung* dan *Pelian kara pejuang.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 *Manang*

Manang bertindak sebagai perantaraan yang mahir dalam ritual penyembuhan. Mereka menyembuhkan pesakit melalui *leka pelian* yang dinyanyikan. *Leka pelian* menggambarkan tindakan roh *manang,* pendamping roh (*yang*), atau roh utusan, dalam menjalankan ritual penyembuhan bagi pihak si pesakit di Dunia dalam bumi dan Alam roh (*sebayan)* (Satther, 2001). Setiap perkataan yang dilagukan oleh *manang* dalam *leka pelian* tersebut adalah simbolik dan mewakili perjalanan roh *manang* dalam proses menyembuhkan penyakit di Alam roh yang tidak dapat dilihat oleh pendengar di Dunia dalam bumi. Dalam kajian ini *manang* berperanan melagukan *leka pelian bebunuh* untuk mengubati pesakit dalam tiga buah *pelian* iaitu *Pelian orang sakit ditunang utai, Pelian belanchar ba wung dan Pelian kara pejuang.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.4 Alam Ghaib

Menurut Ahmad Farid et al. (2017) dalam kajiannya alam ghaib ialah hantu jahat dan bomoh sihir. Alam ghaib juga membawa maksud kepada semangat yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Alam ghaib adalah alam ideal, seperti alam kebaikan dan keindahan yang juga tidak dapat ditanggapi pancaindera manusia rupa bentuk. Dalam kajian ini, alam ghaib dikenali sebagai Alam roh (*sebayan).* Dalam *leka pelian* yang dilagukan oleh *manang* banyak menunjukkan Alam roh (*sebayan*) sebagai laluan untuh mengambil roh pesakit dalam proses penyembuhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Batasan Kajian

Kekangan yang dihadapi dalam kajian ini adalah mempunyai sumber maklumat yang terhad mengenai *pelian.* Kajian ini terhad kepada tiga *leka pelian bebunuh* yang terdapat dalam buku *Pelian* susunan Robert Menua Saleh, Jantan Umbat, Janang Ensiring dan Clifford Sather (2002) keluaran The Tun Jugah Foundation. Maka, dapatan kajian dibataskan kepada tiga buah *leka pelian* sahaja iaitu *Pelian orang sakit ditunang utai, Pelian belanchar ba wung* dan *Pelian kara pejuang*. Data sekunder ini dipilih atas sebab kekurangan pengamal ritual. Data sekunder hanya menggunakan buku tersebut kerana memenuhi sistem perubatan tradisional Iban.

Dalam tiga buah *leka pelian bebunuh* yang dipilih itu, hanya lima kategori metafora iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora berunsurkan haiwan, metafora alam, metafora perbandingan dan metafora analogi. Pengkaji memilih tiga buah *leka pelian bebunuh* tersebut kerana terdapat unsur metafora yang berbagai-bagai jenis dan menarik. *Leka pelian bebunuh* yang dikaji dalam konteks kajian ini merujuk kepada apa sahaja yang tertulis dan terkandung di dalam *leka pelian bebunuh* tersebut.

Kajian ini hanya menemu bual seorang informan sahaja iaitu Encik Jimbun Tawai di mana beliau pernah bekerja di Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS). Beliau juga mempunyai kepakaran dalam Bahasa Iban khususnya dalam *leka pelian* dan juga mempunyai pengalaman dalam sistem perubatan tradisional Iban iaitu *pelian.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan supaya dapat memberi kesedaran kepada masyarakat Iban khususnya golongan muda bagi mempertahankan tradisi lisan yang merupakan asal usul kepercayaan nenek moyang zaman dahulu. Kajian ini penting untuk memupuk generasi muda lebih memahami maksud metafora *leka pelian bebunuh.* Melalui kajian ini juga diharapkan, lebih ramai generasi muda terutamanya masyarakat Iban sendiri berminat untuk memahami dengan lebih dalam berkenaan *leka pelian bebunuh* supaya sistem perubatan tradisional ini kekal seiring dengan arus pemodenan.

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat menambah pengetahuan para pelajar yang belajar dalam Bahasa Iban, khususnya mengenai metafora serta diharapkan dapat memotivasikan generasi baharu melahirkan karya-karya mereka agar menjadi sasterawan-sasterawan muda yang kreatif dan berprestasi.

Sedikit sebanyak kajian ini diharapkan dapat menerangkan kategori dan maksud metafora yang terdapat di dalam *leka pelian bebunuh* yang dilagukan oleh *manang.* yang selama ini telah terhakis perubahan kepercayaan dalam agama, perubahan sosiobudaya, penyusutan generasi kesinambungan serta perubahan sistem perubatan tradisional ke sistem perubatan moden.

Selain itu, ilmu yang terhasil daripada kajian diharapkan dijustifikasikan sebagai autoriti untuk dijadikan sebagai rujukan penting di masa hadapan mengenai kategori metafora dan makna metafora yang terdapat di dalam buku *Pelian.* Kajian ini diharapkan menjadi rujukan yang berguna kepada para ahli linguistic yang berminat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tentang metafora dan diharapkan mampu membantu mereka yang ingin membuat kajian mengenai metafora dalam konteks yang lain. Hal ini kerana tidak semua sistem perubatan tradisional Iban tidak relevan untuk diamalkan pada masa kini. Ilmu dalam *leka pelian* ini elok disampaikan kepada generasi muda supaya sistem ilmunya terus berkesinambungan dalam masyarakat.

1.10 Rumusan

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk menganalisis metafora dalam *leka pelian bebunuh* iaitu *pelian orang sakit di tunang utai, pelian belanchar ba wung* dan *pelian kara pejuang.* ketiga-tiga *leka pelian* yang dipilih dianalisis menggunakan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Berdasarkan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980) terdapat beberapa metafora yang terlibat iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora haiwan, metafora alam, metafora perumpamaan dan metafora perbandingan. Kesimpulannya ketiga-tiga *leka pelian bebunuh* dianalisis dengan menggunakan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Justeru semua perkara yang dibincangkan dalam bab ini menjadi landasan asas dan garis panduan kepada kajian yang kan dilakukan dalam penyelidikan ini. Bab 2 pula akan membincangkan sorotan literatur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Kajian ini meneliti *leka pelian* dari aspek metafora yang digarap dalam buku Pelian disusun oleh Robert Menua Saleh, Jantan Umbat, Janang Ensiring dan Prof Clifford Sather (2001) dengan menggunakan Teori Metafora Konseptual Oleh Lakoff dan Johnson (1980). Dalam bab ini, membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan metafora, *leka pelian* atau puisi Iban dan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(1980). Kajian ini meneliti *leka pelian* dari aspek metafora dengan menggunakan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Justeru kajian lepas yang ditinjau dalam kajian ini terbahagi kepada tiga subtopik yang merangkumi kajian lepas berkaitan metafora, kajian lepas berkaitan puisi Iban dan kajian lepas berkaitan Teori Metafora Konseptual Bahagian ini diakhiri dengan rumusan.

2.2 Kajian Lepas yang berkaitan Metafora

Chece Djafar (2020) dalam *Kajian Diksi dan Gaya Bahasa Metafora pada Puisi Ininawa karya Lakon Sang Kelana Modies Palopo* menunjukkan penggunaan diksi (pilihan kata). Penelitian ini menganalisis penggunaan diksi (pilihan kata) dalam puisi *Ininawa*. Selain itu, penelitian ini juga menganalisis penggunaan gaya bahasa metafora dalam puisi yang sama. Dalam puisi *Ininawa* di atas, terlihat jelas tema cinta, kerinduan, dan pesan batin mendalam yang diungkapkan di setiap barisnya. Gaya bahasa metafora yang digunakan tergolong gaya bahasa kiasan. Gaya bahasa dalam puisi *Ininawa* yang dikaji dibentuk berdasarkan perbandingan atau persamaan kerana memiliki nilai estetika yang tinggi karya moden. Pesan mendalam yang menggambarkan perasaan penulis dan juga menunjukkan ketabahan menahan cinta yang belum terbalas di nyatakan di setiap diksi pada baris perkataan puisi *Ininawa karya Lakon Sang Kelana Modies Palopo*.

Kajian metafora oleh Akastanga (2020) dalam "Puisi Kerinduan" Ibnu Arabi (kajian semiotik-pragmatik) menunjukkan metafora dalam puisi rindu Ibn Arabi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terbahagi kepada dua kategori besar: berdasarkan metafora Linguistik dan metafora berasaskan sastera. Pada peringkat kod bahasa, metafora dibahagikan kepada tiga jenis: metafora nominatif, metafora predikatif dan metafora ayat berdasarkan unsur fungsi sintaksis; pada peringkat kod sastera, metafora dibahagikan lagi kepada tiga jenis berdasarkan tiga mod ekspresi. Metafora ditemui iaitu metafora perbandingan, metafora manusia dan metafora alternatif. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mendedahkan unsur-unsur metafora, jenis-jenis metafora, makna metafora dan fungsi metafora dalam puisi hasrat Ibn Arabi. Kajian ini menggabungkan dua teori iaitu teori semiotik-pragmatik. Semiotik digunakan untuk mendedahkan makna metafora, manakala pragmatik digunakan untuk mendedahkan peranan implikasi dalam ayat. Ini berdasarkan fakta bahawa karya sastera merupakan sistem tanda yang bermakna dan tanda-tanda tersebut hanya mendapat makna apabila diberi makna oleh pembaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Muhammad Fadzllah Zaini et al. (2020) dalam kajian "Represntatif Leksikal Ukuran Sebagai Metafora Linguistik Berdasarkan Teks Klasik Melayu" dari Universiti Pendidikan Sultan Idris membuktikan bahawa leksikogrammatikal metafora menunjukkan rangsangan leksikal berkolokasi dengan node *ukuran* terdiri daripada leksikal *tiang* dan *bendul* (struktur rumah). Kolokasi leksikal ini merupakan pola leksikal metafora yang berlaku dan dikodkan sebagai bukan literal (metafora). Kajian ini menunjukkan bahawa kebarangkalian metafora leksikal penjelasan metafora (MUW) berlaku dengan mengukur hubungan kejadian bersama nod dan kolokasi leksikal. Seterusnya, kajian ini menunjukkan dimensi variasi metafora, dengan mengambil kira metafora perkataan (MUW), metafora yang melibatkan subjek dan cara, seperti orang, abstrak, tindakan/lokasi, objek/bangunan, dan lain-lain. Ketiga-tiga dapatan menunjukkan bahawa ukuran kosa kata digunakan sebagai metafora

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berdasarkan KPMR (MUW). Oleh itu, penerokaan data frekuensi merupakan paradigma kajian metafora Melayu berdasarkan linguistik korpus.

Norjietta Julita Taisin (2019) mengkaji "Unsur Metafora Dalam Puisi Lisan Tradisional Kadazandusun" dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti beberapa perkataan unsur metafora dalam puisi tradisional (pantun) masyarakat Kadazandusun dari konteks telatah. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan unsur metafora untuk menjelaskan fungsi tersirat sajak Kadazandusun dalam konteks kenakalan. Aliran metafora kognitif berdasarkan Lakoff dan Johnson digunakan untuk meneliti unsur metafora dalam puisi lisan tradisi Kadazandusun. Kajian ini mendapati bahasa dalam puisi lisan tradisional khususnya pantun menggunakan unsur alam sebagai wadah dalam seni reka pantun. Ini kerana kehidupan masyarakat Kadazandusun sangat dekat dengan alam semula jadi, kerana alam semula jadi merupakan sumber pendapatan utama. Kebanyakan puisi yang ditulisnya mengandungi unsur nasihat, teguran dan sindiran untuk kanak-kanak khususnya generasi muda. Menurut kajian sedia ada, penggunaan bahasa metafora untuk menyampaikan sesuatu makna dalam masyarakat tidak dapat dipisahkan. Kajian yang akan dijalankan turut menunjukkan bahawa *leka pelian* sarat dengan unsur-unsur semula jadi yang menjadikan simbolik dalam perubatan tradisional masyarakat Iban.

Kajian yang dijalankan oleh Manggai Tugai, Mohammad Maulana Mugiman dan Franklin Ragai Kudat, (2019) yang bertajuk "Ritual *Sabak* Dalam Budaya Masyarakat Iban di Daerah Sebauh, Sarawak" dari Universiti Putra Malaysia. Kajian ini memfokuskan untuk mengkaji tentang beberapa ritual yang berhubung dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sabak bebuah di Daerah Sebauh. Simbol- simbol dianalisis dan elemen-elemen dalam ritual *sabak bebuah* yang dijadikan sebagai identiti masyarakat Iban dikenal pasti bagi mendapatkan data kajian. Kaedah kualitatif (etnografi) digunakan yang terdiri daripada *Field Research/Fieldwork, Participant Observation*, Temu bual dan Kaedah Perpustakaan di beberapa Kawasan di Daerah Sebauh. Kajian ini mendapati ritual *Sabak Bebuah* yang dilaksanakan semasa ada kematian adalah bertujuan untuk memberikan satu jalan kesejahteraan kepada si mati. Selain itu, simbol yang terkandung di dalam ritual menjelaskan bahawa setiap yang hidup pasti akan menemui hari mati dan untuk pengekalan pusingan kehidupan perlu ada permuafakatan dalam kalangan masyarakat. Nilai kemasyarakatan yang terkandung bukan untuk individu tetapi merangkumi keseluruhan kalangan masyarakat yang membentuk identiti masyarakat Iban khasnya di Daerah Sebauh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Subet (2018) dalam kajian “Analisis Teori Relavans dalam Metafora” dari Universiti Malaysia Sarawak menunjukkan bahawa aplikasi teori relevans dapat membantu pemahaman makna sebenar. Objektif kajian adalah untuk menganalisis gaya bahasa untuk mencari makna sebenar. Kajian ini juga meneliti BF (Bahasa Figuratif) metafora dari sudut pragmatik dengan menggunakan kerangka TR (Teori Relavans). Kajian kualitatif ini diasaskan oleh Sperber dan Wilson dalam bidang linguistik disiplin pragmatik. hasil analisis menunjukkan kewujudan leksikal lain sama ada jenis bahasa figuratif atau yang bukan jenis bahasa figuratif membantu dalam pengesanan makna sebenar. Baris dan leksikal tersebut berperanan sebagai konsep *ad hoc* yang dibina oleh pendengar untuk mengukuhkan lagi pemahaman mereka. Penginterpretasian makna didapati menjadi lebih mudah dan sahih dengan Teori Relevans. Teori Relevans menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selvi (2018) telah mengkaji unsur metafora dan simile yang terdapat dalam lirik-lirik lagu tempatan dari Universiti Malaya. Kajian tersebut berfokus kepada jenis-jenis metafora yang digunakan dalam lagu-lagu tempatan. Kajian mendapati penggunaan metafora dan simili digunakan dalam penulisan lagu tempatan Tamil. Metafora digunakan untuk menyampaikan pengajaran dan menghiasi sesuatu karya di dalam sesebuah lirik lagu. Penggunaan metafora dan simili digunakan secara terancang dalam lagu tersebut. Dari aspek kajian *leka pelian* pula menunjukkan persamaan dari segi penggunaan metafora sebagai medium komunikasi manusia dengan alam ghaib.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Shamalah (2017) dalam kajian "Metafora Dalam Puisi Klasik Tamil Muthurai" dari Universiti Malaya menekankan penggunaan metafora dalam *muthurai.* Kajian berfokus kepada pemetaan fikiran mahasiswa terhadap maksud metafora dalam *muthurai*. Shamalah (2017) menggunakan teori Lakoff dan Johnson (1980) dalam kajian. Beliau mengkaji 17 *muthurai* dan mendapati kesemua *muthurai* mempunyai metafora seperti metafora ontologi dan oreintasi.

Sather (2016) dalam kajian nya "*The Sugi Sakit Ritual Storytelling in a Saribas Iban rite of healing"* dari University of Indonesia menerangkan bahawa ritual penyembuhan Saribas Iban yang disebut *Sugi* sakit melibatkan sebuah teks naratif yang panjang. Oleh hal yang demikian, *Sugi* berbeza dengan bentuk penyembuhan yang lain. Walaupun menghiburkan tetapi berfungsi sebagai alat penyembuhan yang serius. Perkara yang membezakan upacara ini dengan upacara *pelian* ialah ia memasukkan sebuah epik naratif panjang yang berkaitan dengan pengembaraan dan hubungan cinta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seorang pahlawan Iban bernama Bujang Sugi. Bahasa yang digunakan oleh *manang* dalam menceritakan perkara yang berlaku semasa proses ritual Sugi. Bahasa yang digunakan bergantung kepada perkara yang berlaku semasa ritual *Sugi*. Oleh itu, *Sugi* berfungsi sebagai hiburan, disatukan ke dalam drama dan diceritakan kembali oleh *manang* atau *lemambang* ketika mereka melakukan ritual, sehingga tidak hanya menghiburkan pendengar mereka, tetapi juga berfungsi sebagai alat penyembuhan serius (Sather, 2016).

Nurul Sabrina (2015), telah mengkaji penterjemahan metafora dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dari Universiti Malaya. Kajian ini bertujuan meneliti strategi-strategi penterjemahan yang digunakan dalam penghasilan makna metafora. Di samping itu, kajian ini juga mencari unsur metafora bagi konsep kemiskinan berdasarkan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan metafora personifikasi mendominasi penggunaan penulis novel *Ranjau Sepanjang Jalan* untuk menerangkan konsep kemiskinan yang terdapat dalam cerita novel tersebut. Dapatan kajian membuktikan bahawa pemetaan telah dibuat untuk konsep kemiskinan iaitu sebagai ujian, kemiskinan sebagai cerminan hidup, kemiskinan sebagai kesedaran dan kemiskinan itu ialah keindahan. Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa kemiskinan turut dianggap sebagai simbol kenikmatan dan kemiskinan menjadi dorongan.

Bahasa kiasan metafora terbentuk daripada unsur tumbuhan (Resa Sindi Harja, 2014) dari Universitas Pendidikan Indonesia. Dalam kajian beliau iaitu “Bentuk dan makna peribahasa Bahasa Indonesia yang terbentuk oleh unsur tumbuhan unsur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tumbuhan, jenis-jenis tumbuhan, dan hal-hal yang berkaitan dengan tumbuhan" dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu struktur atau unsur tumbuhan, jenis-jenis tumbuhan dan perkara yang berkaitan dengan tumbuhan berdasarkan tajuk kajian. Penggunaan unsur dalam peribahasa Bahasa Indonesia ini adalah untuk menyatakan sikap manusia dan budaya yang dipraktikkan dalam masyarakat mereka. Kajian ini bertujuan mengungkapkan fungsi sintaksis berdasarkan unsur, jenis dan perkara yang berkaitan dengan tumbuhan dalam peribahasa-peribahasa Bahasa Indonesia. Kajian tersebut menyatakan bahawa penggunaan unsur tumbuhan ini kemudiannya disesuaikan dengan benda bukan alam untuk menyerlahkan lagi keindahan bahasa kiasan metafora. Dapatan kajian menunjukkan daripada 126 peribahasa mendapati 19 unsur tumbuhan, 18 jenis tumbuhan dan 7 perkara berkaitan dengan tumbuhan yang terkandung di dalam peribahasa yang di analisis. Hal ini menunjukkan daripada unsur tersebut, fungsi sintaksis yang mendominasi adalah fungsi subjek. Justeru itu, struktur atau unsur tumbuhan, jenis-jenis tumbuhan dan perkara yang berkaitan dengan tumbuhan dianggap penting oleh orang Melayu. Dalam konteks kajian ini pula unsur tumbuhan digunakan dalam *leka pelian* sebagai perantaraan alam manusia dan alam ghaib.

Saidatul Nornis dan Mohd. Rasdi Saamah (2013) daru Universiti Kebangsaan Malaysia, dalam kajian bertajuk "Haiwan Sebagai Perlambagaan Dalam Peribahasa Orang Semai" mendapati kebanyakan maksud tersirat dicipta berasaskan alam dan budaya dalam ruang lingkup kehidupan. Objektif kajian ini ialah untuk meneliti unsur haiwan yang terdapat dalam peribahasa sukuk aum Semai. Kaedah temu bual digunakan berlandaskan penyesuaian terhadap kerangka etnografi komunikasi yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikemukakan oleh Hymes (1972) dengan memberi focus kepada empat perkara asas iaitu huraian situasi, pemakaian, struktur dan fungsi aktiviti sesuatu pertuturan. Bahasa kiasan masyarakat Semai dipengaruhi oleh pemikiran seharian. Bahasa kiasan Semai berteraskan alam seperti haiwan, manusia, tumbuh-tumbuhan dan bentuk muka bumi sebagai analogi mengikut fungsinya iaitu tahap kemasakan buah, ukuran, keluasan, kecantikan wanita, sifat manusia, jarak, masa, kepimpinan, sumpah, adat dan kepercayaan. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini membantu melihat penggunaan alam dan budaya dalam mempengaruhi bahasa kiasan metafora yang terdapat di dalam *leka pelian*.

Daud (2007) dari Universiti Malaya menganalisis pantun Melayu yang bertajuk "Unsur Metafora Dalam Pantun: Suatu Pendekatan Semiotik menggunakan Teori Semiotik". Method kajian ini berdasarkan Model Segi Tiga Semiotik oleh Charles Sanders Peirce (2002). Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai kategori lambang yang ada dalam pantun Melayu iaitu lambang (kata nama, kata nama konkrit, kata nama abstrak) yang mempunyai makna perlambangan yang berbeza iaitu makna literal, makna bukan literal dan campuran makna literal dan bukan literal. Pemantun cenderung menggunakan gaya dualisme iaitu keadaan yang berasaskan dua hal yang bertentangan. Unsur-unsur seperti padi-lalang, kumbang-bunga, enggang-pipit, dan gading-tanduk. Dua unsur pelambang yang bertentangan contohnya gading-tanduk. Tanduk adalah suatu objek yang mempunyai nilai komersial yang tinggi sedangkan tanduk merujuk kepada nilai yang rendah. Antara pelambang dengan unsur lambang yang digambarkan tidak mempunyai kaitan dari segi jenis tetapi mirip dari segi sifat dalaman. Penggunaan lambang bukan literal yang dipinjamkan oleh pemantun daripada alam yang memberi siratan makna kepada sesuatu lambang sebenarnya tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai kaitan dengan objek sebenar. Dalam erti kata lain, tiada hubungan antara pelambang (bentuk) dengan unsur lambang (makna) yang menjadi rujukan. Kajian ini membuktikan bahawa ciri-ciri estetika dalam bahasa pantun memang tidak boleh dipertikaikan, sekali gus melambangkan keunikan bahasa yang mempunyai pelbagai versi, khususnya dalam bidang semantik (Daud, 2007).

Menurut Zainal Abidin (2002), metafora perbandingan ialah peribahasa yang menyebutkan sesuatu maksud dengan diumpamakan atau dikiaskan kepada sesuatu perkara yang lain. Oleh sebab itu maknanya menjadi dua lapisan (Zainal Abidin, 2002). Lapisan pertama membawa makna harfiah dan lapisan kedua membawa makna metafora. Berdasarkan kajian lepas yang mengkaji aspek metafora menunjukkan bahawa metafora menjadi wadah dalam menzahirkan sesuatu karya yang lebih kreatif. Justeru, kajian ini akan mengkaji lima kategori metafora iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora haiwan, metafora alam, metafora perumpamaan dan metafora analogi atau metafora perbandingan. Pengkaji menganalisis setiap maksud metafora yang terdapat di dalam *leka pelian* yang telah dipilih.

Berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa metafora digunakan dalam berkomunikasi. Terdapat pelbagai jenis metafora digunakan berdasarkan teori dan berdasarkan ahli. Justeru kajian ini pula, mengkaji kategori puisi invokasi iaitu *leka pelian.* Tiga buah *leka pelian* dipilih daripada buku *Pelian* (Robert Menua Saleh et al., 2002) untuk dikaji. *Pelian* ini berkenaan dengan ritual perubatan tradisional masyarakat Iban di mana mereka menggunakan *leka pelian* dilagukan semasa proses perubatan tersebut dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Kajian Lepas yang berkaitan Puisi Iban

Mangai Tugai et al. (2022) dalam kajian "Ritual *Pelian* Budaya Masyarakat Iban di Daerah Sebauh, Bintulu Sarawak" bertujuan mengkaji proses ritual *Pelian* dan menganalisis simbol yang berkaitan. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti unsur-unsur dalam *Pelian* yang telah menjadi identiti Masyarakat Iban di Daerah Sebauh. Kaedah kualitatif (etnografi) yang merangkumi kajian lapangan, pemerhatian peserta, temu bual dan kajian perpustakaan digunakan bagi mendapatkan data kajian. Data yang diperoleh, dianalisis berdasarkan tafsiran, deskriptif, induksi, Grounded Theory dan juga kepercayaan dan pemahaman masyarakat yang dikaji. Antara dapatan kajian ini ialah, *Pelian* ialah ritual penyembuhan untuk menguatkan *ayu* (core being) seseorang dan memisahkan roh orang mati dengan masyarakat hidup. Setiap *Pelian* mempunyai fungsinya mengikut jenis penyakit yang dialami oleh pesakit. Pelantikan *Manang* (pengamal ritual) terdiri daripada dua cara iaitu pelantikan yang dibuat oleh *Petara* atau Tuhan melalui mimpi dan pewarisan daripada ibu bapa atau ahli keluarga yang lain. Manang mempunyai kelebihan semasa proses ritual *pelian* iaitu kebolehannya berkomunikasi dengan *Petara* atau Dewa di *Sebayan* (Dunia Kematian) dan di langit. Terdapat banyak jenis simbol yang digunakan dalam proses *Pelian* seperti piring (persembahan kepada Tuhan), *pua kumbu* (selimut tenunan), pisau, *anak kebuk* (balang kecil), *manuk* (ayam), kain sarung (jalur kain yang dipakai bulat badan) dan *pagar api* (struktur yang sangat simbolik yang membentuk pusat ritual). Keunikan proses dan simbol yang digunakan dalam *Pelian* ritual perubatan tradisioanal menjadikan ia sebagai identiti kepada Masyarakat Iban dalam sistem perubatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Laura Beruin dan Chemaline Osup (2021) dalam kajian "*Geliga* Sebagai Puisi Adat Dalam Komuniti Iban" dari Universiti Pendidikan Sultan Idris menunjukkan berkaitan dengan tingkah laku yang perlu dipatuhi oleh para tetamu sepanjang perayaan atau majlis yang diadakan di rumah panjang. Sebagai contoh, hari gawai dan perayaan perkahwinan. Apabila tamu melanggar adat istiadat tersebut, maka akan dikenakan denda sesuai adat istiadat rumah panjang masing-masing. Tujuan penelitian ini adalah mengenal pasti jenis-jenis *geliga* dalam puisi tradisional, mengenal pasti fungsi *geliga* berdasarkan teori budaya, dan mendeskripsikan gaya bahasa *geliga* dengan kata-kata yang diulang-ulang. Kajian kualitatif ini mengkaji aspek konteks budaya teks, memanfaatkan teori budaya dan teori stilistika untuk mengkaji budaya dan pemahaman pembaca. Hasil penelitian membuktikan bahawa kedua *Geliga* iaitu Geliga Gawai Dayak dan Geliga Nikah mempunyai fungsi mengingatkan adat istiadat rumah panjang dan membentuk akhlak yang luhur. Gaya linguistik pengulangan kata yang diterapkan dalam geliga adalah anafora dan mesoforik. Penelitian ini menjelaskan geliga sebagai salah satu kesenian masyarakat Iban, selain sebagai wadah pemeliharaan adat dan budaya masyarakat Iban serta pembentukan dan pendidikan masyarakat yang sah.

Dalam kajian Katoi (2021) yang bertajuk "Bentuk Puisi Tradisional Iban *Timang Jalung*" dari Universiti Pendidikan Sultan Idris menganalisis bentuk puisi *timang jalung* dalam upacara *gawai antu.* Kajian ini menggunakan teori strukturalisme untuk mengenal pasti bentuk puisi *timang jalung* bagi daerah Beting dan Saratok. Dapatan bagi kajian menunjukkan bahawa bentuk bahawa puisi *timang jalung* distrukturkan oleh baris dan rangkap serta diolah berdasarkan pengulangan suku kata pada akhir perkataan dalam baris dan di akhir baris dalam sesuatu rangkap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Dato et al. (2020) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris yang bertajuk "Unsur Yang Membentuk Metafora Dalam *Biau*" menunjukkan unsur yang membentuk metafora dalam struktur *biau* terdiri daripada berteraskan benda hidup, benda bukan hidup dan alam semula jadi yang disesuaikan dengan kehidupan dalam masyarakat Iban. *Biau* ialah puisi tradisional kaum Iban dalam bentuk Invokasi. *Biau* digunakan dalam persembahan ritual untuk memanggil *Petara* (dewa-dewi). Tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisis unsur-unsur yang membentuk metafora dalam struktur *biau.* Kajian ini menunjukkan unsur-unsur yang digunakan untuk menyatakan warisan tradisi, kehadiran entiti atau roh, persembahan sajian (*piring*), jenis ayam, perwatakan tetamu yang menghadiri persembahan sajian piring dan keindahan alam. Unsur membentuk bahasa kiasan yang membentuk metafora *biau* dianalisis menggunakan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Empiang Liman et al. (2019) dari Universiti Malaysia Sarawak dalam kajian "Tradisi Lisan Timang Gawai Kelingkang Nanga Dalam Masyarakat Iban Di Sarawak: Satu Penelitian Awal" menunjukkan kebanyakan tradisi lisan yang digunakan dalam masyarakat Iban mempunyai tujuan dan fungsi yang tertentu. *Timang* digunakan oleh individu tertentu dalam perlaksanaan *gawai. Timang* merupakan tradisi lisan yang bersifat folklore. Oleh itu, timang hanya digunakan oleh masyarakat Iban dalam perlaksanaan *gawai* yang berkaitan dengan kepercayaan mereka seperti *Gawai Kelingkang Nanga. Gawai Kelingkang Nang* merupakan *gawai* yang paling tinggi tarafnya berbanding dengan *gawai* yang dirayakan oleh masyarakat Iban. Ini ada kaitan dengan keberanian orang Iban yang perkasa apabila mereka pulang dari *ngayau* (memburu kepala). *Gawai* tersebut hanya boleh dilaksanakan oleh individu yang telah mengetuai rombongan ngayau yang dikenali sebagai *Tuai Kayau* atau *Tuai Serang*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Leka timang. Gawai Kelingkang Nanga ialah puisi rakyat yang mendalam menggambarkan keberanian lelaki Iban. Hasil kajian ini menunjukkan setiap perkataan yang dinyanyikan dalam *timang* dipersembahkan dalam bentuk sindiran dan merendahkan martabat musuh. Selain itu, *timang gawai* juga mengisahkan perjalanan ekspedisi *ngayau*. *Lemambang* menggunakan istilah yang terdapat dalam proses bertanam padi untuk menggambarkan keadaan di rumah musuh.

Seterusnya dalam kajian Saripah Banseng dan Rosline Sandai (2017) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, menganalisis unsur kiasan metafora dalam *Sampi* Iban. *Sampi* atau mantera merupakan puisi tradisional Iban yang berbentuk Invokasi di mana ia berfungsi sebagai permohonan doa untuk mendapatkan pertolongan atau perlindungan dari *Petara* (Dewa-Dewi). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur yang membentuk bahasa kiasan metafora dalam mantera perhumaan (*sampi umai*) masyarakat Iban.Perkataan yang dilafazkan digayakan dengan bahasa kiasan bagi menambahkan lagi keindahan seni berpuisi dalam kalangan masyarakat Iban. Berasaskan pendekatan secara kualitatif, kaedah deskriptif digunakan untuk mengkaji dua buah *sampi* perhumaan yang diambil daripada buku *Sampi Enggau Biau*. Dapatan kajian menunjukkan bahasa kiasan dalam *sampi* terdiri daripada unsur alam seperti tumbuhan, haiwan, dan manusia. Unsur alam tersebut disesuaikan dengan unsur bukan alam yang dicipta dan menjadi budaya dalam kehidupan masyarakat Iban. Unsur-unsur tersebut digunakan untuk menyatakan warisan tradisi, merendahkan diri, persembahan sajian (*piring*), kehebatan perwira, kecantikan wanita dan hasil padi. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan unsur alam dan bukan alam dalam bahasa kiasan metafora menambahkan pengetahuan pengamal tentang kemahiran berbahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Patricia Ganing dan Asmiaty Amat (2017) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris yang bertajuk "Watak Dewi Kumang dalam *Entelah* (teka-teki) Iban: "Pentafsiran Makna Kuasa Sakti" menunjukkan bahawa *Entelah* ialah satu bentuk sastera lisan yang kaya dengan simbol. Simbol-simbol ini merupakan salah satu aspek yang membentuk nilai keindahan. Salah satu simbol yang sering digunakan dalam *Entelah* ialah watak Dewi *Kumang*. Dewi *Kumang* adalah simbol kekuatan sakti dalam kepercayaan Iban. Kajian ini menggunakan teori semiotik Charles Sander Peirce (1965) untuk menjelaskan maksud kuasa magis yang dimiliki oleh Dewi *Kumang.* Dipercayai kuasa magis yang disampaikan melalui mimpi membawa petanda tertentu kepada golongan Iban dan turut mempengaruhi kehidupan golongan Iban dari segi perburuan kepala dan perkahwinan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Patricia Matusky (2012) dari Universiti Malaya yang bertajuk *Timang (pengap), pelian, and sabak: Iban leka main singing styles* menekankan bahawa terdapat jalur komunikasi yang kuat antara dunia yang dilihat dan yang dunia yang tidak dapat dilihat dijalin melalui nyanyian teks puisi ritual khusus dalam masyarakat Iban Sarawak. *Lemambang* (bard) yang menyanyikan puisi yang disebut timang atau pengap, *manang* (pengamal ritual) melantunkan puisi ritual yang disebut *pelian*, dan tukang sabak (pemandu roh) menyanyikan puisi sabak untuk upacara pengebumian. Kekuatan yang ada pada kata-kata yang diungkapkan oleh setiap dukun tidak dapat dipertikaikan. Cara kata-kata diungkapkan menjadikan teks-teks tersebut sangat berkesan dalam proses penyembuhan. Transkripsi dan penentuan ciri-ciri muzik, pandangan perbandingan gaya nyanyian mengungkapkan perbendaharaan kata muzik yang berbeza untuk setiap dukun. Nyanyian timang (pengap), sabak dirge, atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nyanyian penyembuhan *pelian* memberikan gambaran tentang hubungan dibuat dari dunia nyata dan tempat yang tidak dapat dilihat (alam roh).

Sather (2011) dalam kajiannya yang bertajuk *Multiple Voices, Reportive and Reported Speech in Saribas Iban Shamanic Chants* menunjukkan penggunaan suara *manang atau lemambang* (pengamal ritual) dalam proses perubatan. Suara atau lantunan *leka pelian* yang dilagukan oleh *manang atau lemambang* (pengamal ritual) mencerminkan peranannya sebagai perantaraan antara alam ghaib dan alam manusia. Tahap keberkesanannya dapat dirasakan oleh pesakit tersebut.

Peter (2011) dari *Institute of Ethnology, Academica Sinica, Taiwan* dalam kajiannya yang bertajuk *Beguiling Minan: The Language, Gesture, and Acoustics of Disease-Spirit Extraction in Temoq Shamanic Ritual* menunjukkan upacara penyembuhan atau pengekstrakan penyakit oleh dukun Temoq *(smyum.* Upacara penyembuhan tersebut melibatkan proses dukun mengambil badan pesakit menuju ke gunung-gunung awan dan dibersihkan di kolam mandi di alam kosmos untuk mengeluarkan penyakit dari tubuh pesakit. Manakala dalam masa yang sama Dukun Temoq *(puiyang)* mengubah pengaturan ritual kosmos itu menjadi keindahan kiasan yang luar biasa dan sangat meyakinkan bahawa penyakit sudah keluar dari badan pesakit. Dari aspek kajian ini menunjukkan komunikasi alam manusia dengan alam ghaib semasa proses pengubatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kajian Lepas yang berkaitan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980)

Derry dan Latifa (2022) dari Universitas PGRI Semarang dalam kajian *Tinjauan atas Relasi Bahasa dan Pikiran serta Implikasinya Terhadap Penerapan Teori Metafora Konseptual* menunjukkan hipotesis Sapir-Whorf menyatakan bahawa terdapat relasi tertentu antara bahasa dan fikiran. Hipotesis tersebut mempengaruhi perdebatan berkaitan dengan tahap pengaruh fikiran oleh bahasa. Kajian kualitatif yang bersifat deskriptif digunakan dalam kajian ini. Teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980) merupakan salah satu teori yang digunakan berkaitan dengan relasi antara bahasa dan fikiran. Teori metafora konseptual digunakan untuk mengetahui bagaimana penutur data yang dianalisis berfikir. Daripada analisis data kajian tersebut dalam sejarah perdebatan, andaian bahawa minda boleh dipengaruhi oleh bahasa adalah andaian awal yang dicadangkan oleh Sapir dan Whorf. Dalam teori metafora konseptual, bahasa dan pemikiran diandaikan bersama pengaruh. Andaian dalam Teori Metafora Konseptual secara konsisten dipegang oleh pengguna. Daripada hasil semakan penemuan terkini dalam sains kognitif tentang hubungan antara bau dan persepsi warna dan bahasa, andaian tersembunyi dalam kajian yang menggunakan teori metafora konsep adalah mudah, kerana ia mengandaikan bahawa hubungan reflektif bahasa dengan pemikiran. Implikasi penemuan sains kognitif menunjukkan timbulnya keperluan dalam kajian metafora kepada bukan sahaja meneliti data linguistik, tetapi juga melibatkan data dan penemuan daripada bidang sains kognitif yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nuryadin, dan Nur (2021) dari Universitas Padjadjaran dalam kajian *Metafora Konseptual Bertema Rihlah (Jalan-Jalan) pada Majalah Gontor: Analisis Semantik Kognitif* merupakan suatu analisis semantik kognitif dan menggunakan metode kualitatif yang bersifat deskriptif. Teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (2003) digunakan sebagai teori utama dalam kajian tersebut. Namun begitu, skema citra dari teori Cruse dan Croft (2004) juga digunakan dalam kajian tersebut. Dapatan kajian berdasarkan analisis yang dilakukan menunjukkan sebanyak 11 data metafora konseptual ditemukan. Tujuh metafora struktural konsep makna hiasan, pelindung, dahan, rasa makanan, pengeluaran, sifat, dan terkenal. Satu metafora orientasi dengan konsep makna kualiti. Tiga metafora ontologi dengan konsep makna terkenal, turun temurun, dan kualiti barang. Skema citra yang ditemukan sebanyak 1 skema kekuatan/pengendalian, 2 skema keberadaan/proses, 2 skema identiti atau kesesuaian, dan 6 skema keberadaan atau objek.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Janinta Br Ginting dan Mulyadi (2020) dari Universitas Sumatera Utara dalam kajian “Emosi dalam Bahasa Karo: Teori Metafora Konseptual menunjukkan bahawa perkataan ceda ate 'sedih' mempunyai makna dalam konteks yang berbeza iaitu 'berita sedih' dan 'sedih'. Kajian ini merupakan penelitian deskriptif kualitatif yang mengkaji makna verba emosi dalam Bahasa Karo dengan Teori Metafora Konseptual. Kajian ini memfokuskan kepada ranah kata kerja emosi di Karo iaitu ceda ate 'sedih', mbiar 'takut', keleng 'cinta', merawa 'marah' dan rancak mengukur 'gembira'. Perkataan mbiar 'takut' mempunyai istilah lain iaitu nggirgir. Perkataan keleng 'cinta' mempunyai istilah lain iaitu ngena ate. Dalam kata merawa 'marah' ada istilah lain iaitu nembeh. Dalam kata perayaan yang mengukur 'gembira', terdapat istilah ntabeh dan malem makan. Apabila orang Karo meluahkan atau meluahkan emosi dengan beberapa istilah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

makna kata-kata ini masih mempunyai perkara yang sama, cuma bergantung kepada konteks yang digunakan

Rachmawati (2020) dari Universitas Dian Nuswantoro menggunakan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980) dalam kajian yang bertajuk "Metafora Tangan dalam Idiom Bahasa Jepang berdasarkan Teori Metafora Konseptual". Kajiannya menganalisis unsur . te â€˜handâ€™ dalam simpulan bahasa Jepun. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui skema imej 'tangan' dalam simpulan bahasa Jepun dan menganalisis berdasarkan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Dapatan kajian menunjukkan simpulan bahasa dengan unsur utama tangan dipenuhi dengan kiasan metafora kerana tangan merupakan anggota badan yang paling banyak digunakan untuk menjalankan aktiviti. Hasil analisis kajian menunjukkan lapan konsep tangan iaitu tangan sebagai pekerjaan, pemilikan, link, sikap, taktik, keupayaan atau kemahiran, sokongan dan kepakaran. Kajian ini juga menunjukkan bahawa untuk memahami konsep tangan, adalah berguna untuk bukan sahaja menggunakan analisis metafora ontologi, tetapi dari segi tangan yang mempunyai orientasi ruang mesti dianalisis dengan metafora orientasi.

Ghassani dan Saifudin (2020) dari Universitas Dian Nswantoro dalam kajian bertajuk "Studi Metafora Konseptual pada Idiom Bahasa Jepun yang mengandungi Bahagian Tubuh dan Bermakna Emosi" membincangkan pemetaan makna simpulan bahasa Jepun yang berkaitan dengan emosi dalam kognisi manusia dengan menggunakan teori metafora Knowles dan Moon dan teori metafora konseptual oleh Lakoff dan Johnson. Kajian ini menggunakan 28 simpulan bahasa yang berkaitan dengan emosi asas manusia seperti marah, gembira, sedih, takut, cinta, malu, bangga,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan terkejut. Emosi asas diperoleh daripada kamus Jepun dalam talian Goo Jiten. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kognisi manusia melihat konsep emosi sebagai satu entiti dan mewakili emosi ke dalam tubuh manusia. Dalam kognisi orang Jepun, kemarahan diwakili sebagai perut, dada, dan kepala; ketakutan diwakili sebagai lidah, hati, dan kaki; kebahagiaan diwakili sebagai pipi, dada, dan hati; kesedihan diwakili sebagai bahu, dada, dan hati; cinta diwakili sebagai mata dan hati; kebanggaan diwakili sebagai dada; malu diwakili sebagai muka dan pipi; dan kejutan diwakili sebagai mata, lidah, dan hati. Kognisi manusia mewakili konsep emosi sebagai badan manusia untuk mengukur tahap emosi. Kajian ini memetakan konsep emosi sebagai entiti konkrit: entiti sebagai cecair dalam bekas atau entiti sebagai bahagian badan.

Aulia dan Nur (2020) dari Universitas Padjajaran mengkaji "Metafora Konseptual dalam Rubrik Unak-Anik Kahirupan Majalah Online Manglé Analisis Semantik Kognitif" yang bertujuan untuk mendedahkan jenis metafora konseptual, makna konseptual, dan skema imej dalam penulisan inspirasi kanak-kanak dari majalah online magle. Kajian ini menggunakan Teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (2003) serta Cruse dan Croft (2004) semantik kognitif bagi menghuraikan dan menganalisis data yang diperoleh daripada data bertulis dalam majalah berkenaan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua belas (12) data yang dikategorikan mengikut jenis metafora. Pertama, terdapat empat (4) keping data metafora struktur dengan makna konseptual kader, dorongan, tahap pendidikan, dan pakar. Kedua, terdapat empat (4) data metafora orientasi dengan makna konsep pengaruh, perasaan, dan proses; dan terakhir, terdapat empat (4) keping data metafora ontologikal dengan makna konseptual hubungan, pesona, proses, dan pertahanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dessiliona dan Nur (2018) dari Universitas Padjadjaran mengkaji "Metafora Konseptual Dalam Lirik Lagu Band Revolverheld Album In Farbe (Conceptual Metaphor In Songs Lyric Revolverheld Band Album In Farbe)". Kajian ini merupakan analisis semantik kognitif dan menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Data diambil daripada sembilan lirik lagu Jerman dari Band Revolverheld sebuah band dari Jerman. Teori yang digunakan ialah metafora konseptual Lakoff dan Johnson (2004) sebagai teori utama dan skema imej teori Cruse dan Croft (2004). Masalah yang dibincangkan dalam kajian ini ialah jenis metafora konsep yang digunakan dalam lirik lagu kumpulan Revolverheld dan skema imej. Hasil kajian menunjukkan bahawa lagu-lagu kumpulan Revolverheld menceritakan tentang perjalanan hidup, kisah cinta, dan kesedihan. Data yang ditemui ialah 27 data metafora konseptual dengan 11 metafora ontologikal, 2 metafora orientasi, dan 14 metafora struktur Skema imej yang ditemui ialah 1 skema ruang, 2 skema skala, 4 skema daya, 4 skema identiti, 3 skema perpaduan/multiplicity, 5 skema kontena, dan 8 skema kewujudan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zheng (2015) dari Universiti Malaya dalam kajian *The metaphorical meaning of Hong Red and Bai White in Chinese* menunjukkan makna bagi warna merah dan putih dalam kalangan masyarakat Cina. Tujuan kajian ini adalah untuk memahami maksud dan metafora merah putih dengan menggunakan teori metafora linguistik Lakoff dan Johnson (1980). Kajian kualitatif ini menggunakan dua buku kamus Cina, Xz "Kamus Xinhua" dan XHC "Kamus Cina Moden", serta harian Cina "China Daily" sebagai sampel penyelidikan. Kajian ini mengenal pasti merah dan putih sebagai digunakan untuk memaparkan konsep seperti emosi, sosial, politik, dan ekonomi. Perkara yang digunakan untuk merujuk kepada warna ini termasuklah. Pemetaan warna dilakukan dengan merujuk kepada sifat dan ciri sesuatu seperti susu, itik, kain sutera,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kasut, darah, bunga, kayu, dan lain-lain. Kajian beliau turut menjelaskan konsep metafora warna dengan merujuk kepada domain sumber (SD) dan sumber sasaran (SS) yang diterangkan oleh Lakoff dan Johnson (1980) menggunakan teori metafora konsep (1980).

Nurul (2015) dari Universiti Malaya mengkaji penterjemahan metafora dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*. Tujuan kajian ini adalah untuk menggunakan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980) untuk mengkaji strategi terjemahan yang digunakan dalam menghasilkan makna metafora. Kajian ini menggunakan 66 sampel yang telah dianalisis untuk mencapai objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa metafora antropomorfik paling kerap digunakan untuk menerangkan konsep kemiskinan. Pengkaji memetakan konsep kemiskinan iaitu "kemiskinan sebagai ujian";"kemiskinan adalah cermin kehidupan", "kemiskinan adalah kesedaran", "kemiskinan adalah rahmat", "kemiskinan adalah keindahan", "kemiskinan adalah kenikmatan" dan "Kemiskinan adalah motivasi." Objek dan kejadian alam seperti tangisan hati, pokok, banjir dan sebagainya digunakan untuk menerangkan konsep kemiskinan.

Dalam kajian berjudul “Skema Imej dan Metafora Konsepsi dalam Skrip Teater Wangi Jadi Saksi” telah meneliti maksud tersirat metafora konseptual yang terdapat dalam “Skrip Teater Wangi Jadi Saksi” (Ruzanna & Rozaimah, 2014) dari Universiti Teknologi MARA. Maksud metafora dianalisis dengan menggunakan Teori semantik kognitif yang melibatkan skema imej Johnson dan metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga jenis metafora konseptual iaitu antologi, orientasi dan struktural yang menunjukkan bahawa metafora

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ontologi yang paling dominan. Di samping itu, 10 jenis skema imej wujud dalam "Skrip Teater Wangi Jadi Saksi". antara jenis metafora konseptual yang paling banyak digunakan dalam skrip tersebut ialah metafora ontologi. Metafora antologi berfungsi dalam menerangkan benda-benda abstrak seperti emosi, idea dan kejadian yang berlaku di persekitaran. Metafora antologi sangat penting dalam penghasilan skrip teater yang memerlukan perasaan. Hasil analisis dapat mengenal pasti perasaan yang terdapat dalam skrip tersebut ialah marah, kasih, malu, dendam, sedih dan benci. Manakala, metafora orientasi yang terdapat dalam skrip tersebut dapat dilihat dengan pembahagian antara tatatingkat golongan yang perintah diletakkan di atas dan diperintah pula di letakkan di bawah.

Nurul dan Sabariah (2014) dari Universiti Putra Malaysia mengkaji penggunaan metafora haiwan iaitu kucing dalam peribahasa Melayu dan Inggeris dalam kajian "Cat Metaphors in Malay and English Proverbs" dengan menggunakan Teori Metafora Lakoff dan Turner (1989). Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka persamaan dan perbezaan makna yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan Inggeris yang menggunakan kucing sebagai metafora. Berdasarkan kajian ini, 28 peribahasa (iaitu 15 peribahasa Inggeris dan 13 peribahasa Melayu) telah dianalisis untuk menjelaskan beberapa persamaan dan perbezaan makna metafora kucing dalam peribahasa Inggeris dan Melayu. Dapatan menunjukkan bahawa kucing dianggap berwibawa, berbahaya dan tidak boleh dipercayai, sedangkan perbezaan makna dalam bahasa Inggeris ialah kucing dianggap pengecut, tidak berguna dan malas. Makna kiasan kucing dalam bahasa Melayu dianggap mengambil kesempatan, sambil lewa dan tidak tahu malu. Perbezaan dalam memahami maksud perkara yang digunakan sebagai metafora bergantung kepada faktor sosial dan budaya kaum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Delbaere (2013) dari University of Saskatchewan mengkaji metafora yang digunakan untuk merujuk ubat dan penyakit dalam kajiannya yang berjudul *Metaphors and Myths in Pharmaceutical Advertising.* Teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980) digunakan dalam kajian. Kajian ini melukis gambaran baru tentang perubatan dan penyakit dengan menganalisis data daripada kajian terdahulu. Pemetaan ini telah digunakan untuk melihat persamaan dan perbezaan yang wujud dalam kajian lepas. Penemuan mendedahkan persamaan antara konsep perubatan dan penyakit yang dibina oleh pengguna dan pakar perubatan. Walau bagaimanapun, beberapa konsep juga mempunyai pemetaan yang berbeza, seperti perubatan sebagai sihir. Konsep ini juga mempunyai pemetaan positif dan negatif. Pada pandangan pesakit yang sembuh dengan ubat, ubat adalah sihir yang menyembuhkan penyakit. Sementara itu, pesakit yang bergelut dengan mengambil ubat menjelaskan ubat itu sebagai sihir jahat. Kajian Delbaere (2013) menunjukkan bahawa pemahaman metafora dan konsepnya akan ditentukan oleh konteks dan pengalaman hidup manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang mengaplikasikan Teori metafora konseptual menunjukkan bahawa teori tersebut digunakan dalam menganalisis maksud metafora atau bahasa kiasan. Hal ini membuktikan bahawa Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980) sesuai untuk menganalisis aspek metafora dengan terperinci. Justeru, kajian ini mengaplikasikan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980) untuk mengenal pasti dan menganalisis metafora yang terdapat di dalam tiga *leka pelian*. Lima kategori dikenal pasti melalui teori ini iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora unsur haiwan, metafora alam, metafora perbandingan dan metafora analogi. Kemudian setiap enam kategori tersebut akan dianalisis untuk mengetahui maksudnya di dalam *leka pelian.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Rumusan

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang menganalisis puisi Iban aspek yang banyak kajian metafora yang menggunakan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980) bagi menganalisis maksud kiasan dalam kajian. Dapat disimpulkan bahawa unsur metafora dalam bahasa komunikasi setiap bangsa dan masyarakat melambangkan kebijaksanaan penutur menggunakan alam sekitar sebagai perbandingan dengan watak dan perwatakan manusia. Metafora yang terdapat dalam puisi atau teks dijadikan alat linguistik untuk berkomunikasi dengan alam ghaib bagi tujuan penyembuhan penyakit dan masalah kesihatan yang tidak dapat diubati oleh perubatan moden mengikut kepercayaan masyarakat Iban. Selain itu, intonasi suara dan ritma dukun atau pembaca teks mantera mempengaruhi kadar kesembuhan dalam perubatan tradisional. Hal ini menunjukkan bahawa metafora melambangkan kebijaksanaan penutur bahasa, yang mampu menembusi dunia ghaib dengan teknik dan bacaan tertentu yang ditunjukkan melalui peranan dukun atau bomoh dalam perubatan tradisional masyarakat Iban.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian adalah sangat penting supaya kajian yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Aspek-aspek yang dibincangkan meliputi reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, sumber data, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan. Prosedur yang digunakan semasa pengumpulan data akan diterangkan berdasarkan jadual kerja yang disediakan. Kajian ini bersifat deskriptif yang menganalisis penggunaan metafora dalam tiga buah *leka pelian bebunuh* dalam buku *Pelian.* Pengkaji menemu bual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seorang informan yang mempunyai kepakaran dalam *leka pelian* bagi mencapai tujuan kajian ini. Pendekatan kualitatif digunakan dalam menjalankan kajian ini. Bukti yang sah daripada pelbagai sumber maklumat adalah sangat penting bagi memastikan data kualitatif lebih tepat. Data yang dikumpul dari satu sumber boleh disahkan dengan merujuk kepada data yang sama dari sumber yang lain. Penggunaan kaedah ini membantu pengkaji memahami dengan jelas tentang gambaran fenomena yang dikaji.

Pemilihan kaedah kajian untuk menjalankan kajian ini dengan penerangan pelbagai protokol kajian kualitatif seperti analisis dokumen yang berkaitan yang digunakan untuk mendapatkan data dan temu bual separa struktur (formal dan tidak formal). Protokol digunakan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data diterangkan secara terperinci di dalam bab ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980)

Kajian ini menggunakan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Metafora merupakan salah satu cara yang berkesan dalam berkomunikasi. Penggunaan metafora dalam sesuatu karya berkait rapat dengan pemikiran, sistem kepercayaan, sikap dan nilai masyarakat penghasilannya. Menurut Richard (1967), metafora bukan sahaja wujud dalam bidang bahasa, malah kewujudan metafora dapat dilihat dalam bidang-bidang lain termasuk bidang sains. Metafora bahasa terbentuk daripada kognisi manusia yang mentafsir sesuatu metafora.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lakoff dan Johnson (1984), juga bersependapat dengan Richard (1967) iaitu kata frasa disamakan untuk membentuk satu konsep atau makna yang baharu. Lakoff dan Johnson (1984) menegaskan bahawa kehidupan seharian kita juga menunjukkan penggunaan pelbagai metafora. Struktur metafora melibatkan gabungan antara cara manusia fikir, lihat dan bertindak dalam sesuatu keadaan. Oleh itu, wujudnya pemikiran bersifat metafora dari sistem konseptual manusia berdasarkan perlakuan seharian yang dijalani.


Lakoff dan Jonson (1984), menyatakan bahawa pemahaman terhadap metafora yang digunakan bergantung kepada konteks seperti latar tempat, latar masa dan sebagainya bagi memudahkan seseorang memahami mesej yang hendak disampaikan melalui sesebuah karya. Konteks latar masa dan latar tempat yang berbeza akan membawa makna tafsiran yang berbeza. Bertepatan dengan penyataan Lakoff dan Johnson (1984), dalam kajian ini pengkaji membuktikan unsur-unsur metafora yang digunakan dalam *leka pelian bebunuh* yang memberi pelbagai interpretasi. Budaya dan konteks memainkan peranan penting dalam memahami makna sesuatu metafora. Contohnya, pemahaman terhadap unsur alam penting bagi memahami bahasa kiasan khasnya metafora yang digunakan dalam *leka pelian bebunuh* yang banyak menggunakan metafora alam sebagai pengantaraan manusia dengan alam ghaib.

Dalam membuktikan pernyataan ini, Lakoff dan Johnson (1984) menggunakan konsep *bigger is better.* Pemahaman tentang konsep ini berubah mengikut budaya masyarakat yang berbeza. Dalam menerangkan kategori-kategori metafora, pengkaji juga menganalisis makna metafora dengan merujuk kepada penggunaan kata-kata mengikut konsep, kognisi, konteks dan pengalaman hidup manusia sepertimana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikemukakan oleh Lakoff dan Johnson (1980). Seterunya, pengkaji akan membuat pemetaan metafora berdasarkan sumber domain (SD) dan sumber sasaran (SS) yang terdapat dalam Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Perbezaan konteks yang memberi impak dalam pemahaman metafora pula akan dianalisis dari segi pemetaan *leka pelian* dalam kajian ini. Berikut adalah kerangka Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980)



Rajah 3.1. Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sumber domain (SD) bermaksud sumber atau konsep yang bersifat konkrit digunakan untuk menunjukkan persamaan dengan sumber sasaran (SS). Manakala, sumber sasaran (SS) bersifat abstrak merujuk kepada konsep atau benda yang diterangkan, dibincangkan, dilambangkan atau dibandingkan dengan sumber domain (SD). Menurut Lakoff dan Johnson (1984), metafora wujud dalam bahasa daripada fikiran manusia dalam mentafsir makna berdasarkan cara fikir tersendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian penting bagi sesuatu kajian sebagai panduan untuk memastikan objektif kajian tercapai seterusnya menjawab persoalan kajian yang dikemukakan dalam setiap kajian. Menurut Creswell (2005) ciri-ciri pendekatan kualitatif ialah masalah hendaklah di eksplorasi untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam dan kaedah kajian ini dapat menghasilkan satu kajian yang mempunyai kebenaran yang holistik dengan menerokai fenomena daripada pelbagai sudut. Kajian kualitatif mempunyai bentuknya yang tersendiri yang berbeza dengan kajian kuantitatif (Kamarul Azmi Jasmi, 2012).

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti kategori dan menganalisis metafora yang terdapat di dalam *leka pelian bebunuh*. Oleh itu, reka bentuk kajian yang paling sesuai digunakan untuk kajian ini ialah menggunakan kaedah deskriptif. Sehubungan dengan itu, pengumpulan data dibuat dengan menggunakan pendekatan kualitatif untuk menghuraikan fenomena yang berlaku dalam *leka pelian bebunuh* berdasarkan analisis dan penerangan berkaitan metafora sebagai pengantaraan antara alam manusia dengan alam ghaib.

3.4 Populasi dan Sampel

Menurut Azizi Yahaya et al. (2007), populasi merujuk kepada keseluruhan kumpulan orang, objek atau peristiwa dengan sedikit umum, yang mesti ditakrifkan secara khusus. Sampel ialah sebahagian daripada populasi, sama ada ia mewakili populasi atau tidak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Populasi jarang digunakan dalam penyelidikan kerana bilangannya yang agak besar mengakibatkan perbelanjaan masa, wang dan usaha yang besar. Menurut Fraenkel dan Wallen (1995), pensampelan membantu menjimatkan masa.

Dalam kajian ini, sampel kajian yang merupakan informan yang akan ditemu bual ialah Jimbun anak Tawai. Menurut Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999), sampel bertujuan adalah keadaan pengkaji sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi. Pengkaji memilih informan yang mempunyai kepakaran dalam Bahasa Iban dan pengetahuan komponen kesusasteraan Iban khususnya berkaitan dengan *leka pelian bebunuh.* Justeru, informan memahami kehendak soalan. Jadual 3.1 menunjukkan maklumat informan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Sumber Data

Sumber data akan diambil dari dokumen, hasil temu bual, catatan lapangan dan hasil dari pemerhatian. Sumber data yang diperoleh seharusnya asli, namun apabila susah di peroleh, cetakan juga tidak menjadi masalah selagi dapat dibuktikan pengesahan yang kuat kedudukannya. Menurut Lofland (2013) sumber data utama dalam penelitian kualitatif ialah kata-kata, dan tindakan, selebihnya adalah tambahan seperti dokumen dan lain-lain. Justeru, sebahagian besar sumber data yang dimanfaatkan dalam kajian ini meliputi orang (*people*) dan kertas (*paper).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Informan

Orang iaitu sumber data yang boleh memberikan data berupa jawapan lisan melalui temu bual. Dalam aspek kajian ini data primer diambil secara langsung daripada informan yang telah di pilih iaitu Jimbun anak Tawai yang merupakan bekas penolong pegawai penyelidik, seksyen penyelidikan Iban, Majlis Adat Istiadat Sarawak.

3.5.2 Buku *Pelian*

Kertas merupakan data yang berasal dari sumber kedua yang dapat diperoleh melalui buku-buku, artikel yang berkaitan dengan kajian serta bahan cetakan yang lain (Burhan Bungin, 2005). Buku *Pelian* disusun oleh Robert Menua Saleh, Jantan Umbat, Janang Ensiring dan Prof Clifford Sather (2002) merupakan data sekunder dalam kajian ini. Sistem ejaan lama dalam *leka pelian bebunuh* dialihkan kepada sistem ejaan Bahasa Iban standard. Terdapat 3 buah *leka pelian bebunuh* iaitu:

1. *Pelian orang sakit ditunang utai*,
2. *Pelian belanchar ba wung* dan
3. *Pelian kara penjuang.*

Buku *Pelian* ini dipilih kerana data tersebut merangkumi semua proses ritual perubatan tradisional masyarakat Iban. Buku tersebut juga merangkumi pelbagai jenis *leka pelian bebunuh* yang diamalkan oleh masyarakat Iban. Selain itu buku *pelian* tersebut adalah hasil daripada ritual yang sebenar yang dijalankan oleh Mendiang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manang Bangga anak Anggat dari Muton di Debak, Sri Aman. Beliau salah seorang *manang* yang mempunyai ilmu yang tinggi dam ritual perubatan tradisional Iban. Maka setiap *leka pelian bebunuh* yang dilagukan oleh *manang* mempunyai tujuan yang sama meskipun *leka pelian* yang dilagukan berbeza.

Kajian lapangan tidak diaplikasikan di dalam kajian ini kerana *leka pelian bebunuh* yang dikaji tidak mempunyai perbezaan yang ketara dari sumber yang diterbitkan. Tambahan pula amalan ritual perubatan tradisional *pelian* ini semakin berkurangan diamalkan dalam masyarakat Iban pada masa kini akibat daripada kekurangan generasi kesinambungan yang mengamalkan ritual perubatan tradisional ini. Selain itu, pada masa kini masyarakat Iban mempunyai perubahan sistem perubatan tradisional ke sistem perubatan moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Instrumen Kajian

Terdapat beberapa instrumen atau alat kajian yang digunakan untuk mendapatkan data iaitu analisis kandungan dan temu bual separa struktur. Data dikumpul melalui analisis skrip invokasi menggunakan analisis kandungan dan temu bual. Teknik tersebut digunakan ketika meneliti teks ucapan *leka pelian bebunuh.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1 Temu bual separa berstruktur

Temu bual merupakan teknik pengutipan data yang melibatkan interaksi bersemuka atau melalui percakapan telefon antara pengkaji dengan responden. Soalan disediakan terlebih dahulu oleh pengkaji berdasarkan keperluan dalam mencapai objektif kajian. Kemudian soalan susulan berdasarkan jawapan informan akan diajukan bagi mengukuhkan dan menambahkan maklumat dalam mencapai objektif kajian.

Terdapat tiga teknik temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa struktur dan temu bual tidak berstruktur (Fotana & Frey, 1994). Dalam kajian ini pengkaji menggunakan temu bual separa struktur. Tujuan temu bual diadakan ialah untuk mendapatkan pandangan tentang maksud metafora yang terdapat di dalam *leka pelian*. Temu bual ini menyentuh maksud metafora dan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dan alam ghaib. Menurut Merriem (1998) penggunaan temu bual separa struktur bertujuan mengumpulkan maklumat yang tepat. Temu bual separa struktur bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada pengkaji.

Temu bual dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara langsung untuk menjelaskan sesuatu perkara atau situasi dan syarat-syarat tertentu. Tujuan temu bual adalah untuk menyelesaikan kajian saintifik dan untuk mendapatkan data untuk mempengaruhi keadaan atau orang tertentu. Seorang informan yang mempunyai pengetahuan mendalam dalam perubatan tradisional *pelian* akan ditemu bual. Informan tersebut pernah berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Penyelidikan Seksyen Penyelidikan Iban dalam Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS). Senarai semak yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah disediakan semasa analisis kandungan digunakan (Lampiran G). Senarai semak yang digunakan oleh pengkaji sebagai alat pengawasan yang mudah dirujuk. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis cara metafora membentuk maksud dalam *leka pelian bebunuh.* Kaedah ini juga digunakan untuk menganalisis penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dan alam ghaib.

3.6.2 Analisis Kandungan

Analisis kandungan merupakan salah satu cara bagi mendapatkan data dalam kajian kualitatif. Analisis kandungan merangkumi segala bahan bertulis, visual dan fizikal yang sedia ada dan relevan dengan kajian (Merriam, 1998). Mengikut Yin (2003) analisis kandungan digunakan sebagai sokongan dan bukti tambahan untuk data yang di peroleh daripada sumber lain. Data yang tidak dapat diterokai melalui pemerhatian dan temu bual, mungkin boleh dijumpai melalui analisis kandungan sama ada daripada awam atau individual seperti diari, surat serta nota individual. Dalam kajian ini, analisis kandungan merupakan instrumen kajian untuk menganalisis kategori metafora dan makna dalam tiga buah *leka pelian* melalui proses pengekodan sistematik.

Makna yang dikaji dalam kajian ini ialah bahasa kiasan metafora. Metafora dikenal pasti berdasarkan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Abdul Wahab (1995) mengkategorikan metafora kepada lima iaitu, metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora alam, metafora haiwan dan metafora perbandingan atau analogi. Oleh itu, kajian ini menganalisis kategori metafora berdasarkan Abdul Wahab (1995) menggunakan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan bermaksud ketepatan *(appropriateness)* (Fraenkel & Wallen,1996), kebenaran *(truthfulness)* (Young & Muller, 2007), bermakna *(meaningfulness)* (Chen, 1998) dan kebolehgunaan *(usefulness)* (Tseng & Nutley, 2014) instrumen yang membolehkan data ditakrifkan. Kesahan juga membawa maksud persetujuan antara dua percubaan untuk mengukur ciri yang sama secara maksimum dengan kaedah yang berlainan (Champbell & Friske, 1959)

Manakala kebolehpercayaan pula merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran, alat ukur, kajian, atau soal selidik merentasi masa terhadap sesuatu gagasan. Kebolehpercayaan bertujuan untuk mengetahui sama ada ukuran itu memberikan jawapan yang sama apabila digunakan untuk mengukur konsep yang sama kepada populasi atau sampel atau responden yang sama

Buku *Pelian* dihasilkan The Tun Jugah Foundation dipilih kerana *leka pelian* yang terdapat di dalam buku tersebut merupakan hasil daripada rakaman Professor Clifford Sather bersama dengan pihak Yayasan Tun Jugah pada tahun 1995 dan 1996. Rakaman tersebut diperoleh daripada *manang* Bangga anak Anggat yang berasal dari Muton Debak, bahagian Betong, Sri Aman. Menurut Robert Menua Saleh et al. (2002) Rakaman tersebut adalah hasil daripada ritual *pelian* sebenar dijalankan.

Sebelum benar-benar menjalankan kajian, penyelidik terlebih dahulu menjalankan kajian rintis. Kajian rintis ini dijalankan bagi membantu pengkaji menentukan tahap kebolehpercayaan dan kebolehpercayaan kajian sebenar serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan kesahan instrumen kajian. Pengkaji menjalankan ujian rintis dengan informan sebenar. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui kesahihan soalan dan sama ada responden memahami soalan yang diberikan. Disebabkan oleh sekatan pergerakan, kajian rintis ini dijalankan secara dalam talian oleh penyelidik.

Hasil daripada kajian rintis ini pengkaji mendapat maklum balas secara positif. Yang pertama informan memahami kandungan soalan. Informan dapat membaca dengan jelas setiap soalan dan tidak berlaku kekeliruan meskipun terdapat penambahbaikan pada soalan yang dikemukakan. Pengkaji menerima maklum balas yang baik dan perbincangan dengan informan selepas soalan diajukan bagi mendapatkan info yang lebih tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian kualitatif memerlukan pengkaji berkenaan memberi makna kepada data-data yang dikumpul, maka interpretasi data bergantung kepada kebijaksanaan dan pengalaman pengkaji (Creswell, 2005). Bagi mengukuhkan kebolehpercayaan data dan tema dibina, data telah dikumpul melalui analisis dokumen. Kemudian data yang diperoleh disahkan kategori metafora, cara metafora membentuk maksud *leka pelian bebunuh* dan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dan alam ghaib oleh pakar.

3.8 Prosedur Pengumpulan data

Prosedur pengumpulan data ini adalah merupakan langkah-langkah yang tersusun dan jelas tentang bagaimana data kajian akan dikutip. Ini menunjukkan bahawa, tanpa


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyediaan prosedur pengumpulan data yang baik akan mengganggu kelancaran pengumpulan data bagi menjawab persoalan kajian.

Kajian ini dimulakan dengan menukar sistem ejaan *leka pelian bebunuh* mengikut sistem ejaan Bahasa Iban standard. Teks *leka pelian bebunuh* ditejemah dari Bahasa Iban kepada Bahasa Melayu. Kategori metafora setiap *leka pelian bebunuh* akan dikenal pasti dan dimasukkan ke dalam borang senarai semak (Lampiran D, E, & F) bagi memudahkan proses pengumpulan data dan mengelakkan data tidak tercicir. Kemudian temu bual akan dijalankan untuk menganalisis setiap metafora dan menganalisis penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dan alam ghaib dalam *leka pelian bebunuh*. Temu bual akan direkod dalam bentuk audio dan akan di transkrip bagi mendapatkan dapatan kajian. Secara ringkasnya prosedur pengumpulan data ialah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2. Prosedur pengumpulan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Tatacara Analisis Data

Analisis data adalah tahap proses kajian di mana data yang dikumpulkan dapat diproses untuk menjawab rumusan masalah. Dalam proses menganalisis data kajian, pengkaji menggunakan kajian kualitatif untuk mencari jawapan bagi persoalan-persoalan kajian seperti berikut:

Jadual 3.2

Tatacara Penganalisisan Data

Langkah 1	Kategori dan maksud yang terdapat dalam tiga buah *leka pelian.* • Mengkategorikan dan menganalisis maksud metafora dalam *leka pelian* berdasarkan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980)
Langkah 2	Metafora sebagai pengantaraan alam ghaib dan manusia. • Analisis data dan temu bual. • Mengenal pasti metafora yang terlibat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Data sekunder yang dipilih oleh pengkaji dalam kajian ini akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dengan membahagikan mengikut lima kategori yang dipilih. Kategori tersebut ialah metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora unsur haiwan, metafora alam, metafora perbandingan dan metafora analogi (Abdul Wahab, 1995) bagi menjawab persoalan kajian yang pertama. Maksud bagi setiap metafora pula dianalisis menggunakan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980) bagi menjawab persoalan yang kedua dalam kajian ini.

Setiap metafora dikategorikan mengikut kategori yang disyorkan oleh Abdul Wahab (1995). Kemudian data dianalisis dengan menggunakan dua jenis pengekodan. Pengekodan pertama ialah pengekodan terbuka *(open coding*) (Lampiran A, B & C) digunakan untuk mencari konsep yang menggabungkan setiap bahagian merentasi data. Pengekodan kedua ialah pengekodan substantif iaitu data di dalam teks dipecahkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada bahagian-bahagian yang berasingan, diteliti dengan mendalam dan kemudian dibandingkan untuk dikategorikan. Pengekodan substantif untuk mengenal pasti kategori metafora. Borang senarai semak (Lampiran D, E, dan F) digunakan untuk mendapatkan data dengan lebih sistematik dan tidak tertinggal.

Semasa menganalisis dan membincang data, metafora dirujuk mengikut kod berkenaan. Semasa proses mengenal pasti dan membincangkan setiap kategori metafora, telah membekalkan penterjemahan literal setiap metafora dari Bahasa Iban ke bahasa Melayu. Penterjemahan memudahkan para pembaca lebih memahami dan menikmati isi yang terkandung dalam setiap metafora.

Pengekodan subtantif digunakan untuk menganalisis metafora sebagai pengantaraan alam ghaib dengan alam manusia dalam *leka pelian bebunuh* (Lampiran H & I). Senarai semak digunakan untuk menemu bual informan yang merupakan seorang pakar dalam Bahasa Iban. Pengkaji merakam suara bagi mengelakkan data tercicir. Kemudian data di transkrip dan dikodkan. Setiap data yang di transkrip akan dihuraikan mengikut kategori yang telah ditetapkan.

3. 10 Rumusan

Bab ini menjelaskan metodologi yang digunakan dalam kajian *leka pelian*. Kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk deskriptif bagi menganalisis metafora dalam *leka pelian*. Data dalam kajian ini diambil dalam buku *Pelian* dan tiga *leka pelian* turut disertakan. Analisis kandungan digunakan untuk menjawab persoalan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penerangan setiap elemen dalam bab ini dimulai dengan reka bentuk kajian sehingga tatacara penganalisisan data. Kesahan dan kebolehpercayaan turut dijelaskan dalam bab ini. Berdasarkan penerangan yang terperinci yang dinyatakan dalam bab ini, prosedur kaedah pengekodan yang telah digariskan ini mencapai proses mendapatkan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kategori metafora berserta maksud yang diperoleh daripada data melalui buku *pelian* susunan Robert Menua Saleh, Jantan Umbat, Janang Ensiring dan Clifford Sather (2002). Metafora sebagai pengantaraan alam ghaib dan alam manusia juga dibincangkan dalam bab ini. Data yang dipilih merupakan tiga buah *leka pelian bebunuh* iaitu *pelian orang sakit ditunang utai*, *pelian belanchar ba wung* dan *pelian kara penjuang.* Data yang terdapat dalam tiga buah *leka pelian bebunuh* dianalisis menggunakan Teori Metafora Konseptual (Lakoff & Johnson, 1980).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Metafora yang terdapat dalam *pelian* terpilih dianalisis dengan menggunakan Teori Metafora Konseptual (Lakoff & Johnson, 1980). Penganalisisan ini bagi memahami metafora yang terdapat dalam *leka pelian bebunuh* masyarakat Iban. Oleh hal yang demikian, bab ini menganalisis kategori metafora yang berlandaskan berapa kategori metafora iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora alam, metafora haiwan serta metafora analogi. Bab ini diakhiri dengan rumusan.

4.2 Kategori Metafora dalam *Leka Pelian*

Metafora yang terdapat dalam *leka pelian* merupakan komponen yang penting dalam pembentukan satu-satu *leka pelian.* Menurut John Lakoff dan Mark Johnson (1987), metafora sering dipandang sebagai alat untuk menggambarkan imajinasi puitis. Bahasa ini memiliki aspek retoris yang kaya dan sering dianggap sebagai bentuk bahasa yang luar biasa. Metafora sering kali dilihat hanya sebagai ciri bahasa, yaitu sebagai kata-kata, bukan sebagai alat untuk berpikir atau bertindak. Penelitian Lakoff dan Johnson (1980) memberikan dampak yang besar pada semantik kognitif, khususnya studi tentang metafora. Lakoff dan Johnson (1980) menekankan bahwa metafora ada dalam kehidupan manusia sehari-hari melalui bahasa, pemikiran dan perilaku manusia. Metafora yang dianalisis dalam *leka pelian*, iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora haiwan, metafora alam dan metafora analogi.

Sebagaimana yang soalan kajian yang pertama dianalisis dengan menggunakan Teori Metafora Konseptual oleh Lakoff dan Johnson (1980). Berdasarkan teori tersebut, sumber domain (SD) bagi metafora ialah berkonsepkan abstrak ke realiti,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perumpamaan, berunsurkan haiwan, alam, perbandingan dan analogi untuk mencapai sumber sasaran (SS) yakni maksud sebenar metafora tersebut. Kajian ini mendapati *leka pelian* banyak menggunakan bahasa kiasan.

Metafora alam merupakan metafora yang paling banyak digunakan secara keseluruhan iaitu sebanyak 20 buah metafora. Metafora haiwan sebanyak tujuh buah, diikuti dengan metafora perumpamaan sebanyak enam buah. Metafora abstrak ke realiti pula digunakan sebanyak tiga buah dan yang terakhir metafora perbandingan dan analogi iaitu dua buah metafora. Jadual di bawah menunjukkan bilangan metafora yang digunakan dalam ketiga-tiga *leka pelian* yang dikaji. Jadual 4.1 menunjukkan hasil analisis kajian yang menunjukkan bilangan metafora yang diperoleh.

Jadual 4.1
Bilangan metafora

Kategori metafora Jenis *pelian*	Metafora abstrak ke realiti	Metafora perumpamaan	Metafora haiwan	Metafora alam	Metafora perbandingan dan analogi
Pelian orang sakit ditunang utai	2	3	1	11	1
Pelian belanchar ba wung	0	1	3	4	0
Pelian kara pejuang	1	2	3	5	1
Jumlah	3	6	7	20	2

Berdasarkan jadual di atas membuktikan bahawa metafora alam banyak digunakan dalam *pelian* iaitu sebanyak 20 buah metafora. Manakala metafora yang paling sedikit digunakan ialah metafora perbandingan dan analogi sebanyak dua buah sahaja. Metafora kedua tertinggi yang digunakan dalam *leka pelian* pula ialah metafora

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

haiwan sebanyak tujuh buah. Seterusnya metafora perumpamaan sebanyak enam buah dan diikuti metafora abstrak ke realiti iaitu sebanyak tiga buah sahaja.

Jadual 4.2.1

Metafora abstrak ke realiti

Jenis Pelian	Teks puisi	Terjemahan
Pelian orang sakit ditunang utai	*Oh, oh, oh kasai oh,* ***Bekeberai dih bunga kasai,*** *Gugur tuai ningang ulai ulak leletang.*	oh, oh, oh kasai (Buah kristal) oh, **Bunga Kasai jatuh berguguran,** Gugur matang menimpa ombak yang deras,
	Kami Menani anang diuji *Laban kami berani ati, tulung kempang, au kempang.* ***Tuat-tuat bunga lensat tunsang dekai ketupang**, au tupang,* *Baru jamat bala Rechap ka ngambi semengat* *Au taja tuai manang, au manang.*	Kami Menani (*yang manang*) jangan diuji Kerana kami berani sehabis hati, tidak teragak-agak, tidak takut, **Junjungan bunga langsat songsang tidak akan menjadi buah,** Barulah benar anggota Renchap (Gelaran untuk manang) hendak mengambil roh (roh pesakit) Ya sungguhpun ketua *manang* (pengamal ritual), ya *manang* (pengamal ritual)
Pelian kara pejuang	***Di puchuk kara berimbai leludai sama betentang**, ya tentang.*	Di **pucuk ara bersebelahan sepoi-sepoi sama bertentangan**

Jadual 4.2.1 menunjukkan penggunaan metafora abstrak ke realiti dalam *Leka Pelian. Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* menggunakan dua buah metafora abstrak ke realiti. Manakala *Pelian Belanchar Ba Wung* tidak terdapat penggunaan metafora yang sama. *Pelian kara pejuang* terdapat satu penggunaan metafora abstrak ke realiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.2

Metafora Perumpamaan

Jenis *leka pelian*	Teks puisi	Terjemahan
Pelian orang sakit ditunang utai	*Oh, oh, oh, ulak leletang,* *Lama lemai bala Gendai* *Ke bejalai niti sentali rumah panjai,* *Ka ngumbai ambai orang* ***peransang tulang,*** *oh tulang. (lambang kekuatan)*	Oh, oh, oh ombak deras, Lambat benar si Gendai Berjalan di sepanjang rumah panjang Ingin menyeru kekasih orang **peransang tulang** Oh Tulang
	Oh, oh, oh, ringgas di gagang *"Ni nuan Melanyi Bujang Lempung tak lubah datai?"* *Baru bala Bidu nepan di menagu bali belumpung,* *Ke sayap bala Rechap adi Chelung,* *Kangau kami Duau enggau sentalau ujung dabung,* *Enda ga nuan datai.* Ambi kami ***Ensung enggau geri leka gerunung,*** *Nadai ga nuan ninga telai jaku serengung,* *Lama kami udah naga ka utai diempa piring tepung,* *Sekumbang kedang bulan kembung.*	Oh, oh, oh, pokok yang tidak berdaun, "Di manakah dikau *Melanyi Bujang Lempung* lambat sampai?" *Bidu* baru naik Dijadikan sayap para *Rechap* (Gelaran untuk manang) adik *Chelung,* Kami seru *Duau (yang manang)* dengan seruan di hujung puncak Tidak jua engkau kemari. Diseru dengan **siulan bunyi loceng kecil**, Tidak jua kau mendengar Sekian lama kami sediakan hidangan *piring tepung* buat mu, Semenjak bulan penuh.
	Oh, oh, duduk betentang, *"Uji kitu dulu nuan Melanyi Bujang Tinggi,* *Kami Jelapi ka* ***besendi kerigai jarang.***	Oh, oh, duduk betentang, Kemarilah dikau *Melanyi Bujang Tinggi*, Kami *Jelapi* ingin **berdamping seperti tulang rusuk jarang.**
Pelian belanchar ba wung	*Aih, orang, aih orang,* *Tak enda beriap bangkung Rechap,* *Belanchar ba wung ringkat empat,* *Ngelaban bakat oh taja* ***gigi gumbang****, au gumbang.*	Tidak riak *bangkung* (sj perahu) *Rechap,* Meluncur di air terjun empat tingkat, Melawan bakat meskipun **gigi bergelombang.**

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.2 *(sambungan)*

Pelian kara pejuang	*Tu baru kami ngumbai* *Yang kami manang udah ka nuntung datai,* *Enggau ke besaruk duduk berimbai,* *Tinda kami betapak mua,* ***Segulai kerigai rusuk marang.***	Ini aku baru menyeru *Yang* (pendamping roh *manang)* kami sudah tiba, Dengan bersama/bercampur duduk bersebelahan, Tidak menyembunyikan muka, **Bersama seperti rusuk** (simbol dekat yang teramat sangat)
	"Kati ku enda ngumbai, *Peda penyakit sida Indai Burung Ruai,* *Nyawa iya enda masuk* ***sera padi nubai,*** *Lama penyakit ke ingga lekat di kerigai rusuk jarang.* *Aku mai nuan ngumbai enggau Batu Bangkai,* *Nya ukai batu ngapa, batu pia,* *Kena tua ngangkat bangkai* *Orang ke nadai, lama tumbang,"*	"Bagaimana aku tidak menyeru, Lihatlah penyakit *Indai Burung Ruai,* **Dia tidak berselera** Lama sudah penyakit singgah lekat di rusuk Ku bawa kau menyeru dengan *Batu Bangkai,* Bukan batu sembarangan batu, Batu untuk membangkitkan mayat/ roh Orang yang telah lama mati"

Jadual 4.2.2 di atas menunjukkan penggunaan metafora perumpamaan dalam *leka pelian.* Terdapat enam metafora perumpamaan yang digunakan dalam *leka pelian*. *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* mendominasi penggunaan metafora perumpamaan ia itu tiga metafora perumpamaan. Di ikuti *Pelian Kara Pejuang* menggunakan dua metafora dan *Pelian Belanchar Ba Wung* menggunakan satu metafora perumpamaan.

Jadual 4.2.3

Metafora Haiwan

Jenis *Pelian*	Teks Puisi	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	*"Au dih Gendai kaban Chelung,* *Aku ke laun datai tadi ari Bukit Irung-Irung,*	"Ya, *Gendai* saudara *Chelung*, Aku terlambat dari Bukit Irung-Irung,

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.3 *(sambungan)*

	Aku agi belala begulai enggau Dara Lempung, *Bejalai nengah tatai muting kampung,* *Ngambi mengkala* ***burung*** *la mipau umbang."*	Tidak ku puas bergaul bersama *Dara Lempung*, Berjalan melalui lereng - lereng bukit di hutan yang tebal, Tatkala **burung** makan buah berkulit nipis"
Pelian Belanchar Ba Wung	*Baru mai Nyara ke belanchar di wung beranggung ringkat lima,* *Masukka kepiu baju taya enggau sengkilung labung perecha,* *Enda ga aku bebadi lesi lela,* *Enda basah lelaga ya* ***bulu ruai lalang***	Baru bawa *Nyara* melunchur di air terjun bersusun lima tingkat, Memakai baju putih seperti kapas disertakan dengan serban lingkaran sapu tangan, Tidak jua aku mati Tidak basah jambul **lalang bulu ruai.**
	Oh, awa, *Tak ruat-ruat mih yang kitai berani changka,* *Belanchar belabuh ke di wung ringkat tiga,* *Ngagai menua sida Endu Dara Rambai Geruda,* *Ngansau semengau sida Endu Dara,* *Lama udah sakit ke di kulit senda rasa,* *Dia iya balat nyelai tak beli panggung gila.* *Oh, enti munyi nya,* *Anang kakang kitai ngumbai yang kitai* ***Baya,*** *Dia tinda kitai belanchar enggau singkap pinggai kemuja,* *Nepan di pala yang kitai* ***Baya****,* *lya endang berani nukangka nyawa pun rang, au rang.*	Oh, awa, Sagat berani *yang* (pendamping roh) kita, Mula meluncur ke air terjun tiga tingkat, Ke dunia *Endu Dara Rambai Geruda,* Mencari roh mereka *Endu Dara,* Lama sudah menghidapi sakit kulit, Oleh itu dia aneh seolah-olah bodoh seperti orang gila, Oh, jika begitu, Janganlah kau ragu-ragu menyeru *yang* (pendamping roh) kita **Buaya,** Kita akan meluncur dengan menggunakan sekeping pingan, Menungang kepala *yang* (pendamping roh) kita **Buaya,** Ia sangat berani membuka mulut dengan luas,
	Oh, awa, wa, pun rang, *Ni dih yang kitai jelu* ***Remaung*** *Belanchar ke di kaki pala wung,*	Oh, awa, wa, pun rang, Di manakah yang kita **Remaung** Meluncur dari kaki kepala air terjun,

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.3 *(sambungan)*

	Uji nuan kitu bekayuh-kayuh *Nepan di luan atas pinggai jebung,* *Aku nepan ba nuan **kerampu jelu Remaung**,* *Ngagai menua sida Linggung* *Belanchar di wung gegurung tujuh gelenggang,* *Laban yang kami jelu **Remaung** berani rampung,* *Ku taja ngepung oh, oh la ngepung orang.*	Kemari kau berkayuh-kayuh Naik ke atas pinggan jebung, Aku menumpang di atas kau **kerampu jelu Remaung**, Ke dunia mereka *Linggung* Meluncur di air terjun mengalir tujuh tingkat Kerana kami **Remaung** sungguh berani, Meskipun sekadar mengepung.
Pelian Kara Pejuang	*Ari puchuk kara bebandung* *Tepan burung **Bangau Labang,*** *au Labang.*	Dari pucuk kara berkembar Dihinggapi burung **Bangau Labang (putih)**
	Oh, kami enda kakang masuk kepiu baju panjai, *Terebai kami ngansau semengau sida **indai Burung Ruai**,* *Ada nipas puting baju panjai sida Gendai* *Kelapung* (hujung) *burai* (rambu pada rantai leher yang diperbuat daripada manik) *gerunung sanggang* (loceng kecil yang diperbuat daripada tembaga)*, oh sanggang.*	Kami tidak teragak-agak memakai perisai baji panjai, Kami terbang mencari roh **Ibu Burung Ruai,** Lahir menepis hujung baju panjai *Gendai,* *Kelapung* (hujung) *burai* (rambu pada rantai leher yang diperbuat daripada manik) *gerunung sanggang* (loceng kecil yang diperbuat daripada tembaga)*, oh sanggan*
	*Uii churi-churi tua Menani ke **Lelabi*** *Ku taja **indu Gumba** au Gumba,* *Tulung uji tua ma Ulih yang kitai kekamba Manang berambau dara au dara* *Bai terebai semengat kitai Gendai pulai ke menua,* *Sida indai tu tadi sakit enda nyamai,* *Bai kita pulai,* *Bai yang kitai Mentawai chita au chita.*	Curi-curi kita Menani (dewa/ manang) untuk **labi-labi** Walaupun ***indu Gumba** au Gumba (sj labi-labi air tawar)* Cuba kita pikul Bolehkah kita *Manang* bersama dara Bawa terbang roh *Gendai* kembali ke dunia, Ibu mereka sakit tidak selesa, Bawa kembali,

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.3 *(sambungan)*

	Enda lama kami baru leka pelian nya, *Kitai Nyara ke telengga,* *Semengat diambi kitai pulai* *Ngagai jangka taja rumah raya, au raya.*	Bawa *yang Mentawai chita* Sebentar saja masih baru *leka pelian itu,* Kita menyambut yang terbuka, Roh diambil kita kembali Ke tulang selangka sungguhpun rumah sakit tenat

Jadual 4.2.3 menunjukkan penggunaan metafora haiwan. Tujuh buah metafora haiwan digunakan dalam *leka pelian. Pelian Belanchar Ba Wung* dan *Pelian Kara Pejuang* masing-masing menggunakan tiga metafora alam sebagai medium komunikasi. Seterusnya, *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* menggunakan satu metafora haiwan dalam teks.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.4

Metafora alam

Jenis *Pelian*	Teks puisi	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	*"Au," ku jaku Gendai,* *"Kebuah aku laun datai* *Ari bukit ba* ***pun bungai*** *sepiak menua Mandai,* *Aku agi belala begulai enggau Dara Pandai* *Ngambi engkerebai ringgas di gagang".*	"Ya" kata Gendai, "Aku lambat sampai kerana Dari bukit ***pokok bunga*** sebelah dunia *Mandai* (alam roh), Aku masih tidak puas bersama dengan *Dara Pandai* Masih mekar meskipun tidak berdaun di tangkai".
	Oh, oh, oh, ***ringgas di gagang***	Oh, oh, oh, **pokok yang tidak berdaun di tangkai**
	Ngambi ***engkerebai ringgas di gagang***	Supaya *engkerebai (psychotaria)* tidak berdaun di tangkai.
	"Au dih Gendai kaban Chelung, *Aku ke laun datai tadi ari* ***Bukit Irung-Irung,***	"Ya, *Gendai* saudara *Chelung*, Aku terlambat dari **Bukit Irung-Irung,**

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.4*(sambungan)*

	Aku agi belala begulai enggau Dara Lempung, Bejalai nengah tatai muting kampung, Ngambi mengkala burung la mipau umbang."	Tidak ku puas bergaul Bersama Dara Lempung, Berjalan melalui lereng - lereng bukit di hutan yang tebal, Tatkala burung memakan buah"
	"Au dih Gendai adi Mepa", Kebuah aku laun nurun Ari menua raya kami empu Melanyi Bujang Bula ari ***Ulu Bukit,***	*"Au dih Gendai adi Mepa", Kebuah aku laun nurun Ari menua raya kami empu Melanyi Bujang Bula ari* ***Ulu Bukit,***
	Masukka labung tinggi ujak suli genalang ngembang, Laban iya agi belala mai aku ngambi ***lemba*** *Ke bejila ya merundai di gagang.*	Pakai topi (seperti tengkolok) Kerana masih tidak puas untuk mengambil daun ***lemba*** (piper umbellatum) Yang berjela di tangkai.
	Agi belala begulai enggau Dara Mereti, Nurun menyaung Bukit Mempadi. Amat nuan udah naga ka utai diempa pamping piring sungki, Nya alai aku agi belala begulai enggau Dara Mereti, Tak lanji-lanji lekat di ***tisi daun lalang,*** *Tempat betusi bekenang rambang."*	Tidak puas ku bersama dara Mereti Turun *Menyaung* (rusa lalang/ hutan belantara) *Bukit Mempadi.* Benarkah dikau sudah menyediakan hidangan persembahan piring sungki? Disebabkan itu aku masih tidak puas bersama dengan Dara Mereti, Cantik melekat di **sisi daun lalan**g Tempat bercerita kenangan dulu"
	Seringgang tanah liat *Bujang Manchal, Kami Sutar enda minjar enggau Gandar mata berayang. Kami Sayuh enda munuh nuan enggau sangkuh besantuk bangkang, oh bangkang. Kami Lansu nadai nganu nuan enggau duku taja keris manang, oh manang.*	**Seluas tanah liat** Bujang Manchal, *Kami Sutar enda minjar enggau Gandar mata berayang.* Kami *sayuh* tidak membunuh kau dengan sangkuh bersalut timah, Kami *Lansu* (dewa) *manang* tidak marah menggunakan parang meskipun keris *manang*

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.4 *(sambungan)*

	Kami enda mujuk Bujang Gauk, *Aku mai nuan saum ditu duduk,* *Au saum seringgang (terbuka luas/ duduk dengan dua kaki terbuka luas) oh, ringgang.*	Kami tidak memujuk Bujang Gauk, Aku seru kau duduk bersama Berkongsi penduduk
	Oh, oh, udi retap-retap ***daun emperingat,*** *Endang nimang kami* *Rechap ke bepantap beputus* ***bukang***	Sesudah jatuh ***daun emperingat*** Sememangnya memuji *Rechap* yang bertarung hingga ke hujung nyawa
Pelian Belanchar Ba Wung	*Oh, awa, wai, lalang,* *Tu baru bala Gendai jauh* ***malam tegayam*** *lama lemai,* *Gali tak galan-galan mangkang* ***wung ke beranggung ringkat tigai,*** *Nepan di singkap pinggai pemakai,* *Endang perau kami Lansu bangkung Gendai,* *Bau dih bala Bidu* *Teleba tepan ke menyagu ampang belulai,* *Ukai tu pua ngapa pua pia,*	Oh, awa, wai, lalang, Ini dia anggota Gendai jauh di **dalam kepekatan malam**, Baring tidak berambut di **air terjun yang bertindih tiga tingkat,** Menaiki sekeping pinggan makan, Sememangnya perahu ka Lansu (*yang Manang*) bangkung (sejenis perahu) Gendai (*Yang manang*) Aroma *Bidu* Selalu menaiki *menyagu ampang belulai,* Ini bukan selimut biasa,
	Gaga Endu sulu sida Bidu Kumang Kelechai, *Lebuh iya ke belelang ke Batang Rajang ngulu Entabai,* *Dia iya ngibun* ***pun berangan tuai*** *Enggi Gepi adi Gendai,* *Dia randa iya ngaga pua ampang begajai,* *Endang disadang iya ke sayap beambaika sida Gendai.* *Nya alai iya tadi ngambi aku nyadi Matai,* *Belanchar di wung numbuk pendai sida Indai Bilai,* *Enda ga iya bebadi lesi laya nadai*	Ini bukan selimut biasa, Gembiralah *Endu Sulu* mereka *Bidu Kumang Kelechai* (makhluk mitos/ gelaran manang) Bila dia belayar ke Batang Rajang hulu Entabai, Di situlah dia memelihara **pohon berangan tua** milik *Gepi* adik *Gendai,* Di situlah kesuburannya membuat selimut bercorak gebar *(begajai) (satu corak dalam tenunan seperti katak)* Tidak sangka ia menjadi sayap bersama *Gedai* Oleh kerana itu, dia mempergunakan aku untuk menjadi Matai,

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.4 *(bersambung)*

	Nanjak wung gegurung ringkat tigai, *Ngasuh iya sidi ke di jari tunjuk pemakai,* *Bisa iya ke di nyawa dabung (banyak puncak) landai,* *Tau nyagam Batang Limban,* *Nyidi ai Ulu Batang Mandai.*	Meluncur di air terjun menumbuk permandian *Indai Bilai,* Tidak jua dia mati Melawan arus air terjun tiga tingkat, Meminta ia jejak yang di jari tunjuk makanan Bisanya yang di jiwa puncak-puncak bukit yang rata, Boleh bermain *Batang Limban* (tempat selepas kubur dalam perjalanan ke Mandai) Menelusuri air *Ulu Batang Mandai.*
Pelian kara pejuang	*Tu baru dih anak yang Gelanyang manang Empung,* *Bau bala Bidu tepan menyagu ampang belumpung,* *Tanchangka kami manang belembang bali landung,* *Nya ke tenggau kami Duau adi Chelung,* *Terebai bala Gendai ngagai **puchuk Kara Riung,*** *Ngansau semengau sida indai Dara Lempung,* *Ninga tak bisi mimpi kena churi sida Gerasi* *Ari puchuk **Kara Riung dua bebandung,*** *Beguai kami ngambi semengat iya pulai* *Ari puchuk **kara bebandung*** *Tepan burung Bangau Labang, au Labang.*	Inilah anak *Yang Gelanyang manang Empung* (gelaran) *Manang belembang bali landung* tolong ikatkan kami, Itu menjadi panduan kami *Duau adi Chelung,* *Gendai* terbang ke puncuk **pokok Kara Riung,** Mencari roh *indai Dara Lempung,* Desas-desus berita menyatakan bermimpi kena curi Gergasi (jin) Dari pucuk **Kara riung berkembar** Dengan pantas kami mengambil rohnya kembali Dari pucuk **kara berkembar** Dihinggapi burung Bangau Labang (putih)
	Ngansau semengau sida Indai Burung Ruai, *Lama ti udah sakit ke di kulit nyerak kerigai,* *Nyawa ke besera **padi nubai**,*	Mencari roh *Indai Burung Ruai,* Lama sudah sakit kulit antara rusuk, Selera seperti **padi nubai** (tidak berselera)
	Oh, oh, oh, lama tumbang,	Oh lama mati,

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.4 *(sambungan)*

	Nadai tua nemu semengar sida Indai Burung Ruai	Tidak kau tahu roh *Indai Burung Ruai*
	Di Kara Penjuang dua berimbai,	Di pokok ara berpangkah dua bersebelahan
	*Uji tua terebai **jauh malam lama lemai***	Cuba kita terbang **jauh malam lama petang**
	Ngulu ngagai menua orang bukai.	Menemani ke dunia orang lain.
	Mudik tua ngagai menua	Belayar ke tempat asal
	Enti iya bisi,	Jika dia ada,
	Beguai tua ngambi semengat iya pulai,	Dengan pantas kita mengambil rohnya kembali,
	Takutka iya begulai enggau sida Indai Bilai	Takut ia bersama dengan *Indai Bilai*
	***Seberai tatai madang kemelang,** oh melang.*	**Seberang lereng madang kemelang** (sj tumbuhan)

Jadual 4.2.4 menunjukkan penggunaan metafora alam dalam *leka pelian.* Penggunaan metafora alam menunjukkan penggunaan metafora yang tertinggi berbanding metafora yang lain. Terdapat 20 metafora alam yang digunakan dalam *leka pelian* hasil daripada analisis kajian ini. *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* mendominasi penggunaan metafora alam berbanding *pelian* yang lain iaitu 11. Seterusnya ialah *Pelian Kara Pejuang* sebanyak lima dan *Pelian Belanchar Ba Wung* iaitu menggunakan empat metafora alam.

Jadual 4.2.5

Metafora perbandingan dan analogi

Jenis *Pelian*	Teks puisi	Terjemahan
Pelian orang sakit di tunang utai	*Oh, oh, oh, peransang tulang,*	Oh semangatku
	"Ni nuan entupan laun datai?" ku melanyi Bujang Besai,	"Di manakah dikau pusaran air yang lambat sampai?" kata Bujang Besai
	Kangauka bala Duau nyerumba silau hari lemai,	Menyeru rombongan Duau di senja hari,

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.5 *(sambungan)*

	Tutung sida enggau gerunung geri Brunei *Lama kami Gepa udah ngaga utai diempa piring rendai,* ***Asai makai kamai sempadan arang.***	Lama mereka dengan tulang loceng kecil dari Brunei, Sudah lama kami Gepa sudah menyediakan hidangan persembahan untuk semangat Dewa Dewi, **Seperti rasa arang telur sempidan (sejenis burung)**
Pelian Kara Pejuang	*Tulung uji tua ma* *Ulih yang kitai kekamba* *Manang berambau dara au dara* *Bai terebai semengat kitai* *Gendai pulai ke menua,* *Sida indai tu tadi sakit enda nyamai,* *Bai kita pulai,* *Bai yang kitai Mentawai chita au chita.* *Enda lama kami baru leka pelian nya,* *Kitai Nyara ke telengga,* *Semengat diambi kitai pulai* ***Ngagai jangka taja rumah raya**, au raya.*	Cuba kita pikul Bolehkah kita *Manang* bersama dara Bawa terbang roh Gendai kembali ke dunia, Ibu mereka sakit tidak selesa, Bawa kembali, Bawa *yang Mentawai chita* Sebentar saja masih baru *leka pelian itu,* Kita menyambut yang terbuka, Roh diambil kita kembali Ke tulang selangka sungguhpun rumah sakit tenat

Jadual 4.2.5 di atas menunjukkan penggunaan metafora perbandingan dan analogi. Penggunaan metafora ini menujukkan penggunaan yang paling sedikit berbanding dengan metafora yang lain. Terdapat hanya dua metafora perbandingan dan analogi yang diperoleh. Satu daripada *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* dan satu daripada *Pelian Kara Pejuang.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Maksud Metafora yang Membentuk *Leka Pelian*

Metafora yang terdapat dalam *leka pelian* mempunyai maksud yang tertentu dalam kehidupan masyarakat Iban. Oleh hal yang demikian, metafora dalam leka pelian perlu dianalisis. Analisis metafora dalam *leka pelian* dibahagikan kepada beberapa subtopik, iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora haiwan, metafora alam dan metafora analogi.


4.3.1 Analisis Metafora Abstrak ke realiti dalam *Leka Pelian*

Masyarakat Iban menjadikan metafora sebagai asas berfikir bagi perkara-perkara abstrak yang cuba difahami dalam kehidupan mereka. Metafora abstrak ke realiti merupakan dua perkataan yang ringkas, padat dan tersusun. Satu daripada dua perkataan metafora bersifat konkrit dan menjadi objek untuk difikirkan dan perkataan lainnya bersifat abstrak.

Metafora digunakan untuk menyatakan perbandingan sehingga sesuatu yang sulit difahami menjadi lebih mudah difahami. Menurut Mary Fatimah Subet (2018), metafora mengungkapkan suatu hal yang sengaja disamakan dengan hal lain, suatu gagasan atau suatu perlakuan. Masyarakat Iban menggunakan metafora sebagai landasan berfikir tentang hal-hal abstrak yang cuba mereka fahami dalam kehidupan. Kajian ini menunjukkan *Pelian orang sakit di tunang utai* dan *Pelian kara pejuang* menggunakan metafora abstrak ke realiti. Rajah 4.1 di bawah menunjukkan senarai metafora abstrak ke realiti yang terdapat di dalam tiga buah *pelian* yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1. Senarai metafora abstrak ke realiti.

Jadual 4.2.1

Contoh 1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jenis *Pelian*	Teks puisi	Terjemahan
Pelian orang sakit ditunang utai	*Oh, oh, oh kasai oh,* ***Bekeberai dih bunga kasai,*** *Gugur tuai ningang ulai ulak leletang.*	oh, oh, oh kasai (Buah kristal) oh, **Bunga Kasai jatuh berguguran,** Gugur matang menimpa ombak yang deras,

Dalam contoh 1 di atas merupakan metafora abstrak ke realiti yang terdapat dalam *Pelian orang sakit ditunang utai.* Bunga kasai jatuh berguguran (Buah kristal) *(Bekeberai dih bunga kasai)* merupakan metafora abstrak ke realiti yang digunakan oleh *manang* (pengamal ritual). Bunga kasai yang digunakan di dalam *leka pelian* tersebut mewakili abstrak iaitu sesuatu objek yang dapat dilihat dan dirasa. *Manang* (pengamal ritual) menggunakan bunga kasai sebagai bahasa kiasan kerana pokok Kasai atau pun pokok Kristal sering tumbuh di tepi-tepi sungai. *Bekeberai* pula keadaan dasar antropologi manusia yang menjelaskan pembentukan makna secara metaforikal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kategori metafora tersebut merupakan bahasa kiasan yang membandingkan atau menghubungkan sesuatu objek atau perkara dengan perkara yang lain. Berdasarkan *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai* telah dikenal pasti metafora abstrak ke realiti yang telah digarap dlam *leka pelian* tersebut iaitu Bunga Kasai Jatuh Berguguran, Gugur matang menimpa ombak yang deras (*Bekeberai dih bunga kasai, Gugur tuai ningang ulai ulak leletang).* Penggunaan metafora tersebut telah memberikan maksud yang mendalam dalam kehidupan masyarakat Iban.

Berdasarkan Teori Metafora Konseptual Lakoff Johnson (1980), bunga kasai yang matang merupakan sumber domain (SD) manakala berguguran (*bekeberai)* adalah sumber sasaran (SS). Ini menunjukkan perasaan sedih di akhir tali percintaan yang harus diputuskan. Berdasarkan konteks *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai*, *Bujang Melanji* (entiti ghaib) dipaksa oleh *Manang* (Pengamal ritual) untuk melepaskan pesakit atau memutuskan pertunangan dengan pesakit. Hal ini kerana roh pesakit diganggu oleh *Bujang Melanyi* (entiti ghaib) yang menyebabkan pesakit merasa sakit di dunia nyata.

Oleh hal yang demikian, metafora abstrak ke realiti dalam *leka pelian orang sakit di tunang utai* dikenal pasti berdasarkan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Seterusnya, contoh 2 juga menunjukkan metafora abstrak ke realiti dalam *leka pelian* yang sama iaitu *Pelian Orang Sakit Di tunang Utai.*

Jadual 4.2.2

Contoh 2

Jenis *Pelian*	Teks *pelian*	Terjemahan:
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	*Kami Menani anang diuji Laban kami berani ati, tulung kempang, au kempang.*	Kami Menani (*yang manang*) jangan diuji

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.2 *(sambungan)*

	***Tuat-tuat bunga lensat tunsang dekai ketupang**, au tupang,* *Baru jamat bala Rechap ka ngambi semengat* *Au taja tuai manang, au manang.*	Kerana kami berani sehabis hati, tidak teragak-agak, tidak takut, **Junjungan bunga langsat songsang tidak akan menjadi buah,** Barulah benar anggota Renchap (Gelaran untuk manang) hendak mengambil roh (roh pesakit) Ya sungguhpun ketua *manang* (pengamal ritual), ya *manang* (pengamal ritual)

Berdasarkan contoh 2, metafora junjungan bunga langsat songsang tidak akan menjadi buah (*Tuat-tuat bunga lensat tunsang dekai ketupang)* yang digarap dalam *leka pelian Orang Sakit Ditunang Utai* memberikan maksud tahap keberanian *manang* (pengamal ritual) dan *yang* (pendamping roh *manang)* dalam mendapatkan roh pesakit. Dalam konteks ini, bunga langsat yang songsang berfungsi sebagai sumber domain (SD) dan junjung sebagai sumber sasaran (SS). Meskipun banyak bunga langsat sehinggakan terpaksa dijunjung atau ditongkat, jika ia sudah jatuh dari pokoknya semestinya ia tidak akan menjadi buah. Hal ini menunjukkan *Menani* dan anggota *manang* (pengamal ritual) tidak akan berundur sama sekali dalam menentang *Bujang melanyi* (entiti ghaib) untuk terus mengganggu pesakit. Ibaratkan seperti bunga langsat yang sudah jatuh dari pohonnya ia tidak akan kembali menjadi buah. Walau apa pun yang berlaku *manang* (*Rechap*) mesti mengambil roh pesakit dari genggaman *Bujang Melanyi* (entiti ghaib yang menunang pesakit).

Oleh hal yang demikian, metafora yang digunakan dalam *pelian Orang Sakit Ditunang Utai* menjelaskan maksud tahap keberanian pasukan *manang* (pengamal ritual) dan *yang* (pendamping roh *manang*) dalam mendapatkan roh pesakit dalam ritual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyembuhan di tunang oleh makhluk ghaib. Metafora dalam jadual 4.2.3 juga diambil dari *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai.*

Jadual 4.2.3

Contoh 3

Jenis *pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian kara pejuang	***Di puchuk kara berimbai leludai sama betentang**, ya tentang.*	Di **pucuk ara bersebelahan sepoi-sepoi sama bertentangan**

Jadual 3 tersebut memaparkan metafora abstrak ke realiti iaitu pucuk ara bersebelahan sepoi- sepoi sama bertentangan ialah metafora abstrak ke realiti dalam *pelian kara pejuang.* Pokok ara ialah sumber domain (SD) dalam *pelian* ini. Sumber sasaran (SS) pula ialah sepoi-sepoi. Pokok ara sangat sinonim dengan masyarakat Iban di mana mereka percaya pokok tersebut amat dekat dengan *Sebayan* (alam roh) dan didiami oleh pelbagai entiti ghaib seperti jin. Ciri-ciri pokok ara yang besar dan akarnya yang berjuntai turun ke bawah sehingga batang utama pokok tidak kelihatan. Sebatang pokok akan menjadi kawasan luas dengan akar di bahagian bawahnya yang berselirat. Oleh itu, pokok ara amat sinonim dengan pokok berhantu (Vermeulen & Marzuki, 2013).

Merujuk kepada konteks *leka pelian*, pokok ara bersebelahan dan bertentangan antara satu sama lain membawa maksud yang tidak baik dalam masyarakat Iban. Hal ini kerana roh jahat iaitu *antu gerasi* (jin) berkemungkinan membawa roh pesakit ke atas pucuk pokok ara. Pucuk ara yang terlihat normal seperti pokok lain tidak semestinya tidak ada entiti ghaib yang menjadi penunggu seperti *antu gerasi* (jin).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan menunjukkan bahawa penggunaan metafora abstrak ke realiti dalam *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai* menggunakan dua kategori metafora abstrak ke realiti manakala *Pelian Kara Pejuang* menggunakan satu sahaja. *Pelian Belanchar Ba Wung* pula didapati tidak menggunakan metafora abstrak ke realiti. Penggunaan metafora abstrak ke realiti adalah untuk *manang* (pengamal ritual) menunjukkan keadaan yang dihadapi oleh *manang* (pengamal ritual) dalam proses mengambil kembali roh pesakit di alam roh (*sebayan*). Kedua-dua buah *pelian* yang menggunakan kategori metafora tersebut bertujuan untuk menginterpretasikan emosi *manang* (pengamal ritual) sama ada *manang* (pengamal ritual) berada dalam keadaan sedar atau tidak sedar semasa berkomunikasi dengan entiti ghaib dalam *Dunia Sebayan* (Alam Roh) semasa ritual perubatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.3.2 Analisis Metafora Perumpamaan dalam *Leka Pelian*

Metafora perumpamaan juga digunakan dalam *leka pelian* oleh *manang* (pengamal ritual) dalam ritual perubatan masyarakat Iban. Metafora perumpamaan ialah sesuatu maksud yang diumpamakan atau dikiaskan kepada sesuatu perkara yang lain. Ia mempunyai dua lapisan maksud. Makna lapisan pertama mengandungi makna yang harfiah, manakala makna dilapiskan kedua membawa makna metafora. Dengan kata lain, metafora merujuk kepada pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan atau sebagai perbandingan dan kiasan (Za'ba, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.2 menunjukkan senarai metafora perumpamaan dalam tiga buah *leka pelian* yang digunakan iaitu *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai, Pelian Belanchar Ba Wung* dan *Pelian Kara Pejuang.* Rajah 4.2 menunjukkan *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* menggunakan metafora perumpamaan yang paling banyak. Seterusnya diikuti dengan *Pelian Kara Pejuang* dan *Pelian Belanchar Ba Wung*.



Rajah 4.2. Metafora perumpamaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.1

Contoh 1

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian orang sakit di tunang utai	*Oh, oh, oh, ulak leletang,* *Lama lemai bala Gendai* *Ke bejalai niti sentali rumah panjai,* *Ka ngumbai ambai orang* ***peransang tulang,*** *oh tulang.* *(lambang kekuatan)*	Oh, oh, oh ombak deras, Lambat benar si Gendai Berjalan di sepanjang rumah panjang Ingin menyeru kekasih orang **peransang tulang**

Jadual 4.2.1 di dalam contoh 1 di atas menunjukkan penggunaan metafora perumpamaan *peransang tulang* dalam *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai.* Tulang bertindak sebagai sumber domain (SD) dalam *leka pelian* yang dilagukan oleh *manang* (pengamal ritual). *Peransang* atau pembangkit semangat pula merupakan sumber

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sasaran (SS). *Peransang tulang* ialah membawa kepada simbol sumber kekuatan dalam melakukan sesuatu perkara (Saludin, 2009).

Metafora yang digunakan dalam *leka pelian* memberi maksud yang tertentu dalam masyarakat Iban. Leka pelian *Dara Pandai* membawa maksud sumber kekuatan atau pembangkit semangat bagi *Bujang Melanyi*. Hal ini kerana *Bujang Melanyi* telah jatuh cinta kepada *Dara Pandai* tersebut. Oleh itu, *manang* (pengamal ritual) dalam *leka pelian* mengarahkan *Gendai* (*yang manang)* untuk menyeru roh *Dara Pandai* dengan bahasa kiasan *perangsang tulang*. Seterusnya, jadual 4.2.2 menunjukkan contoh 2 penggunaan metafora perumpamaan dalam *pelian* yang sama iaitu *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai.*

Jadual 4.2.2

Contoh 2

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	*Oh, oh, oh, ringgas di gagang* *"Ni nuan Melanyi Bujang Lempung tak lubah datai?"* *Baru bala Bidu nepan di menagu bali belumpung,* *Ke sayap bala Rechap adi Chelung,* *Kangau kami Duau enggau sentalau ujung dabung,* *Enda ga nuan datai.* Ambi kami ***Ensung enggau geri leka gerunung,*** *Nadai ga nuan ninga telai jaku serengung,* *Lama kami udah naga ka utai diempa piring tepung,* *Sekumbang kedang bulan kembung.*	Oh, oh, oh, pokok yang tidak berdaun, "Di manakah dikau *Melanyi Bujang Lempung* lambat sampai?" *Bidu* baru naik Dijadikan sayap para *Rechap* (Gelaran untuk manang) adik *Chelung,* Kami seru *Duau (yang manang)* dengan seruan di hujung puncak Tidak jua engkau kemari. Diseru dengan **siulan bunyi loceng kecil**, Tidak jua kau mendengar Sekian lama kami sediakan hidangan *piring tepung* buat mu, Semenjak bulan penuh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kepada Jadual 4.2.2 dalam contoh 2 di atas yang diambil daripada *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai* terdapat juga metafora perumpamaan yang digunakan siulan loceng kecil *(leka gerunung). Pelian* tersebut menjelaskan bahawa *Manang* (pengamal ritual) dan *yang* (pendamping *manang*) menyeru *Bujang Melanyi* (entiti ghaib) namun lambat sampai. Walaupun diseru umpama bunyi loceng yang nyaring masih juga *Bujang Melanyi* tidak sampai untuk bertemu *manang* dan pendamping roh *manang.* Dalam situasi ini, loceng kecil (*geri leka gerunung*) ialah sumber domain (SD) kerana bersifat nyaring manakala siulan atau seruan yang nyaring merupakan sumber sasaran (SS). Justeru, metafora perumpamaan yang digunakan *manang* (pengamal ritual) tersebut menunjukkan tahap kesungguhan *manang* (pengamal ritual) dalam menyeru *Bujang Melanyi* supaya bertemu dengannya. Jadual 4.2.3 menunjukkan contoh 3 metafora perumpamaan dalam *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.3

Contoh 3

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	*Oh, oh, duduk betentang,* *"Uji kitu dulu nuan Melanyi Bujang Tinggi,* *Kami Jelapi ka* ***besendi kerigai jarang.***	Oh, oh, duduk betentang, Kemarilah dikau *Melanyi Bujang Tinggi*, Kami *Jelapi* ingin **berdamping seperti tulang rusuk jarang.**

Berdasarkan Jadual 4.2.3 di atas menunjukkan metafora perumpamaan iaitu *leka pelian bersendi kerigai jarang* (berdampingan seperti tulang rusuk jarang) yang digunakan dalam *leka pelian* tersebut. Tulang rusuk jarang merupakan sumber domain (SD) manakala berdampingan (*bersendi)* merupakan sumber sasaran (SS). Dalam konteks *pelian* ini seruan *manang* (pengamal ritual) menyeru *Bujang Melanyi* (entiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ghaib) untuk berbicara secara dekat dengan diwakili oleh *yang manang* (pendamping roh *manang*) iaitu *Jelapi*. Oleh itu, kedekatan antara satu sama lain diibaratkan dengan duduk bersebelahan tulang rusuk.

Dengan itu, metafora perumpamaan yang digunakan oleh *manang* (pengamal ritual) menunjukkan semangat dan menunjukkan keakraban antara *yang manang* (pendamping roh *manang*) dalam berkomunikasi di *Dunya Sebayan* (Alam Roh). Ia akan memudahkan proses *manang* (pengamal ritual) dalam mendapatkan roh pesakit semasa ritual perubatan tradisional Iban.

Dalam pada itu, terdapat juga penggunaan metafora perumpamaan dalam *Pelian Belanchar Ba Wung.* Setelah di analisis terdapat satu penggunaan metafora perumpamaan yang digunakan oleh *manang* (pengamal ritual) dalam *leka pelian* tersebut. Jadual 4.2.4 memaparkan penggunaan metafora perumpamaan dan disertakan dengan terjemahan dalam *leka pelian* tersebut.

Jadual 4.2.4

Contoh 4

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Belanchar Ba Wung	*Aih, orang, aih orang,* *Tak enda beriap bangkung Rechap,* *Belanchar ba wung ringkat empat,* *Ngelaban bakat oh taja* ***gigi gumbang****, au gumbang.*	Tidak riak *bangkung* (sj perahu) *Rechap,* Meluncur di air terjun empat tingkat, Melawan bakat meskipun **gigi bergelombang**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4 di atas menunjukkan, *gigi gumba* (gigi bergelombang) ialah metafora perumpamaan dalam *Leka Pelian Belanchar Ba Wung*. Gigi ialah sumber domain (SD) manakala bergelombang (*gumba)* ialah sumber sasaran dalam *leka pelian* ini. Dalam konteks *leka pelian* ini, *gigi gumba* membawa maksud kepada ombak yang bergelombang yang di bawa arus oleh air terjun empat tingkat (*wung ringkat empat*). Perkara ini menunjukkan *Rechap* (*yang manang*) sanggup melalui aliran air yang bergelombang dengan deras yang diumpamakan dengan *gigi gumba* demi mengambil atau mencari roh pesakit di *Sebayan* (alam roh).

Petikan tersebut atau metafora tersebut menunjukkan tahap keberanian *manang* (pengamal ritual) dalam mengubati pesakit yang mengalami mimpi buruk. Gigi yang bergelombang *(gigi gumba)* menunjukkan arus yang perlu direntas oleh *manang* (pengamal ritual) dalam proses mengambil roh pesakit. Jadual 4.2.5 menunjukkan petikan *Pelian Kara Pejuang* di mana ia menunjukkan penggunaan metafora perumpamaan serta terjemahannya.

Jadual 4.2.5

Contoh 5

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Kara Pejuang	*Tu baru kami ngumbai* *Yang kami manang udah ka nuntung datai,* *Enggau ke besaruk duduk berimbai,* *Tinda kami betapak mua,* ***Segulai kerigai rusuk marang.***	Ini aku baru menyeru *Yang* (pendamping roh *manang)* kami sudah tiba, Dengan bersama/bercampur duduk bersebelahan, Tidak menyembunyikan muka, **Bersama seperti rusuk** (simbol dekat yang teramat sangat)

Jadual 4.2.5 di atas diambil daripada *Pelian kara pejuang.* Bersama seperti rusuk ialah metafora perumpamaan yang digunakan dalam *pelian tersebut.* Rusuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertindak sebagai sumber domain (SD) manakala sumber sasaran bagi metafora tersebut ialah bersama atau *segulai.* Dalam konteks *pelian* ini, *segulai kerigai rusuk marang* adalah menunjukkan atau membawa maksud kedekatan di mana *Yang* (pendamping roh *manang*) yang membantu menyeru entiti ghaib untuk bekerjasama dalam mengembalikan roh pesakit. Hal ini kerana ritual *Pelian Kara Pejuang* ini ialah bagi mengubati pesakit yang tenat. Oleh itu, *manang* (pengamal ritual) menggunakan bahasa kiasan dalam berbicara supaya dapat melembutkan entiti ghaib yang berkomunikasi dengannya.

Petikan tersebut atau metafora tersebut menunjukkan hubungan dan keakraban di antara *Yang* (pendamping roh *manang*) dengan entiti ghaib yang diseru. Seterusnya, jadual 4.2.6 menunjukkan petikan dan terjemahan yang digunakan oleh *manang* dalam *Pelian Kara Pejuang.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.6

Contoh 6

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Kara Pejuang	*"Kati ku enda ngumbai,* *Peda penyakit sida Indai Burung Ruai,* *Nyawa iya enda masuk* ***sera padi nubai,*** *Lama penyakit ke ingga lekat di kerigai rusuk jarang.* *Aku mai nuan ngumbai enggau Batu Bangkai,* *Nya ukai batu ngapa, batu pia,* *Kena tua ngangkat bangkai Orang ke nadai, lama tumbang,"*	"Bagaimana aku tidak menyeru, Lihatlah penyakit *Indai Burung Ruai,* **Dia tidak berselera** Lama sudah penyakit singgah lekat di rusuk Ku bawa kau menyeru dengan *Batu Bangkai,* Bukan batu sembarangan batu, Batu untuk membangkitkan mayat/ roh Orang yang telah lama mati"

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh 6 di atas juga diambil daripada *Pelian kara pejuang* di mana *sera padi nubai* merupakan metafora perumpamaan yang digunakan sebagai medium komunikasi alam manusia dengan alam ghaib. Padi merupakan sumber domain (SD) manakala *sera* atau selera digunakan sumber sasaran (SS). Selera pesakit disamakan oleh *manang* (pengamal ritual) dengan *sera padi nubai.* Metafora yang digunakan tersebut menunjukkan pesakit sangat tidak berselera untuk makan kerana sudah lama menahan sakit yang sudah lama melekat di rusuknya. Keadaan pesakit disamakan seperti padi yang telah diracun. Ini menunjukkan bahawa tenat pesakit tersebut.

Secara keseluruhan, ketiga-tiga *pelian* yang dikaji iaitu *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai, Pelian Belanchar Ba Wung* Dan *Pelian Kara Pejuang* menggunakan kategori metafora perumpamaan. *Pelian orang sakit ditunang utai* menggunakan tiga metafora perumpamaan, *Pelian Belanchar Ba Wung* menggunakan satu metafora perumpamaan dan *Pelian Kara Pejuang* didapati menggunakan dua metafora perumpamaan. *Manang* (pengamal ritual) menggunakan metafora perumpamaan dalam berkomunikasi dengan alam ghaib. Metafora perumpamaan yang digunakan dalam *pelian* berkenaan merupakan medium komunikasi antara *manang* (pengamal ritual) dengan alam ghaib. Hal ini menunjukkan masyarakat Iban telah menggunakan perumpamaan dalam kehidupan seharian termasuk dalam *leka pelian* yang merupakan satu khazanah sastera yang tidak ternilai serta sarat dengan seni bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Analisis Metafora berunsurkan haiwan dalam *Leka Pelian*

Kategori metafora berasaskan haiwan sebenarnya adalah sebahagian daripada alam semula jadi, tetapi oleh kerana terdapat kategori berasingan bagi haiwan dalam kerangka metafora yang disarankan oleh Abdul Wahab (1995), metafora berasaskan haiwan dianalisis secara berasingan daripada kategori metafora berasaskan alam. Tambahan pula, masyarakat Iban amat sinonim dengan alam sekitar (Sandin, 1980). Oleh itu, metafora berdasarkan haiwan juga digunakan dalam tiga leka pelian sebagai medium komunikasi antara pengamal ritual dan alam ghaib. Rajah 4.3 menunjukkan senarai metafora haiwan yang digunakan di dalam ketiga-tiga buah *leka pelian* diikuti dengan huraian bagi setiap metafora yang digunakan dalam *leka pelian* yang di kaji. Seterusnya jadual 4.3.1 menujukkan petikan yang diambil daripada *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* berserta dengan terjemahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.3. Metafora haiwan.

Jadual 4.3.1

Contoh 1

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	*"Au dih Gendai kaban Chelung,* *Aku ke laun datai tadi ari Bukit Irung-Irung,* *Aku agi belala begulai enggau Dara Lempung,* *Bejalai nengah tatai muting kampung,* *Ngambi mengkala* ***burung*** *la mipau umbang."*	"Ya, *Gendai* saudara *Chelung*, Aku terlambat dari Bukit Irung-Irung, Tidak ku puas bergaul bersama *Dara Lempung*, Berjalan melalui lereng - lereng bukit di hutan yang tebal, Tatkala **burung** makan buah berkulit nipis"

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh 1 di atas, metafora haiwan diambil daripada *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai. Mengkala burung la mipau umbang* merupakan metafora haiwan dalam *leka pelian* tersebut. Burung merupakan sumber domain (SD) manakala makan buah merupakan sumber sasaran (SS). Dalam kehidupan masyarakat Iban, lazimnya kepercayaan terhadap haiwan merupakan simbol atau lambang kepada sesebuah kehidupan yang mereka jalani. Masyarakat Iban menganggap ia sebagai sesuatu petunjuk daripada *Petara* (Tuhan) sama ada petanda baik mahupun buruk (Maureen Mawang, 2016). Dalam konteks kajian ini, ketenangan burung yang memakan buah membawa kepada nasib baik untuk *Bujang Melanyi.* Selagi burung itu tidak lari ia menunjukkan keadaan masih aman dan harmonis.

Petikan tersebut atau metafora tersebut menunjukkan petunjuk atau petanda kepada *manang* (pengamal ritual) dalam proses perubatan. Jadual 4.3.2 di bawah menunjukkan metafora haiwan yang digunakan dalam *Pelian Belanchar Ba Wung.*

Jadual 4.3.2

Contoh 2

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Belanchar Ba Wung	*Baru mai Nyara ke belanchar di wung beranggung ringkat lima,* *Masukka kepiu baju taya enggau sengkilung labung perecha,* *Enda ga aku bebadi lesi lela,* *Enda basah lelaga ya* ***bulu ruai lalang***	Baru bawa *Nyara* melunchur di air terjun bersusun lima tingkat, Memakai baju putih seperti kapas disertakan dengan serban lingkaran sapu tangan, Tidak jua aku mati Tidak basah jambul **lalang bulu ruai.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3.2 di atas diambil daripada *Pelian Belanchar Ba Wung.* Bulu burung ruai merupakan metafora yang digunakan oleh *manang* (pengamal ritual) dalam *Pelian Belanchar Ba Wung.* Sumber domain (SD) ialah burung ruai, manakala sumber sasaran (SS) ialah bulu lalang. Dalam masyarakat Dayak khususnya Iban, burung ruai asal Kalimantan Barat ini merupakan salah satu elemen penting bagi masyarakat Dayak. Burung ruai memiliki keindahan pada bulu-bulu yang menempel mula daripada kepala hingga ekornya. Dalam *Pelian Belanchar Ba Wung,* bulu burung ruai disifatkan lembut dan kalis air. Metafora tersebut menunjukkan tahap kekebalan *yang manang* (pendamping roh *manang*) dalam mencari roh pesakit di alam ghaib.

Selain daripada itu, jadual 4.3.3 juga menunjukkan penggunaan metafora haiwan dalam *Pelian Belanchar Ba Wung.* Dalam jadual tersebut menunjukkan petikan dan juga terjemahan yang terdapat di dalam *pelian* berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3.3

Contoh 3

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Belanchar Ba Wung	*Oh, awa,* *Tak ruat-ruat mih yang kitai berani changka,* *Belanchar belabuh ke di wung ringkat tiga,* *Ngagai menua sida Endu Dara Rambai Geruda,* *Ngansau semengau sida Endu Dara,* *Lama udah sakit ke di kulit senda rasa,* *Dia iya balat nyelai tak beli panggung gila.* *Oh, enti munyi nya,* *Anang kakang kitai ngumbai yang kitai* ***Baya,*** *Dia tinda kitai belanchar enggau singkap pinggai kemuja,* *Nepan di pala yang kitai* ***Baya,*** *lya endang berani nukangka nyawa pun rang, au rang.*	Oh, awa, Sagat berani *yang* (pendamping roh) kita, Mula meluncur ke air terjun tiga tingkat, Ke dunia *Endu Dara Rambai Geruda,* Mencari roh mereka *Endu Dara,* Lama sudah menghidapi sakit kulit, Oleh itu dia aneh seolah-olah bodoh seperti orang gila, Oh, jika begitu, Janganlah kau ragu-ragu menyeru *yang* (pendamping roh) kita **Buaya,** Kita akan meluncur dengan menggunakan sekeping pingan, Menungang kepala *yang* (pendamping roh) kita **Buaya,** Ia sangat berani membuka mulut dengan luas,

Dalam contoh 2, buaya ialah berfungsi sebagai sumber domain (SD). Sifat yang terdapat pada buaya iaitu berani merupakan sumber sasaran (SS). Di dalam *leka pelian* ini*, manang* (pengamal ritual) menggunakan yang buaya kerana ini ialah *Pelian Belanchar Ba Wung* merupakan ritual untuk sakit mimpi karam perahu di sungai. Sifat buaya yang tinggal di dalam air menyebabkan *manang* (pengamal ritual) menggunakan khidmat *yang* (pendamping roh) buaya dalam mencari roh pesakit di *Sebayan (*alam roh). Masyarakat Iban sangat sinonim dengan buaya sebagai simbol keberanian. Segelintir penduduk Iban di Sarawak percaya bahawa legenda buaya raksasa Bujang Senang' yang mengganas di Sungai Batang Lupar, Sarawak sekitar 1980-an berasal daripada seorang manusia yang disumpah menjadi haiwan ganas berkenaan (Hu Ann

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Leh, 2016). Mengikut mitos lama masyarakat terbabit, asal buaya jelmaan itu ialah pahlawan Iban bernama *Simalungun*. Kehebatan *Simalungun* terserlah pada zaman mengayau (memotong kepala) dan ramai musuh menjadi korban di tangannya. Kehebatan *Simalungun* dikaitkan dengan ilmu kebal dimilikinya menyebabkan badannya tidak lut ditetak senjata.

Petikan tersebut atau metafora tersebut menunjukkan tahap keberanian *manang* (pengamal ritual) yang bekerjasama dengan buaya dalam *Dunia Sebayan* (Alam Roh) semasa ritual perubatan dijalankan. Seterusnya, jadual 4.3.4 dalam contoh 4 menunjukkan petikan dan terjemahan yang diambil daripada *Pelian* yang sama iaitu *Pelian Belanchar Ba Wung.*

Jadual 4.3.4
Contoh 4

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Belanchar Ba Wung	*Oh, awa, wa, pun rang,* *Ni dih yang kitai jelu **Remaung*** *Belanchar ke di kaki pala wung,* *Uji nuan kitu bekayuh-kayuh* *Nepan di luan atas pinggai jebung,* *Aku nepan ba nuan **kerampu jelu Remaung**,* *Ngagai menua sida Linggung* *Belanchar di wung gegurung tujuh gelenggang,* *Laban yang kami jelu **Remaung** berani rampung,* *Ku taja ngepung oh, oh la ngepung orang.*	Oh, awa, wa, pun rang, Di manakah yang kita **Remaung** Meluncur dari kaki kepala air terjun, Kemari kau berkayuh-kayuh Naik ke atas pinggan jebung, Aku menumpang di atas kau **kerampu jelu Remaung**, Ke dunia mereka *Linggung* Meluncur di air terjun mengalir tujuh tingkat Kerana kami **Remaung** sungguh berani, Meskipun sekadar mengepung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh 4 di atas menunjukkan metafora haiwan dalam *Pelian belanchar ba wung.* Unsur haiwan remaung atau memerang digunakan dalam *pelian* tersebut kerana sifatnya yang tinggal di dalam air. Memerang juga mempunyai kebolehan menahan nafas dalam tempoh masa yang lama. Selain itu, memerang mempunyai cakar tajam dan mempunyai ekor yang panjang serta kuat (Wilkinson & Richard James, 1901). Oleh itu, *manang* (pengamal ritual) menggunakan haiwan memerang (*remaung*) dalam *Pelian Belanchar Ba Wug.* Petikan tersebut membawa maksud tahap keberanian *yang manang* (pendamping roh *manang*) dalam berburu untuk mendapatkan roh pesakit dalam ritual perubatan. Justeru itu, *remaung* atau memerang ialah sumber domain (SD) manakala sifatnya ialah sumber sasaran (SS) dalam metafora haiwan yang digunakan dalam *Pelian belanchar ba wung.* Jadual 4.3.5 menunjukkan metafora yang berunsurkan haiwan dalam *Pelian Kara Pejuang*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3.5

Contoh 5

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Kara Pejuang	*Ari puchuk kara bebandung Tepan burung* ***Bangau Labang,*** *au Labang.*	Dari pucuk kara berkembar Dihinggapi burung **Bangau Labang (putih)**

Jadual 4.4.5 menunjukkan contoh 5, bangau labang ialah metafora perumpamaan yang digunakan oleh *manang* (pengamal ritual) dalam *leka pelian kara pejuang.* Burung bangau menjadi sumber domain (SD) manakala *labang* atau putih ialah sumber sasaran (SS) dalam metafora tersebut. Dalam masyarakat Iban burung bangau dipercayai sebagai lambang dari keabadian, umur panjang, kejujuran, keberuntungan dan kesetiaan terutama ragam yang dihiasi bentuk burung bangau (Diyah Wara Restiyati, 2020). Metafora yang digunakan dalam *leka pelian* tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bangau labang menunjukkan simbol kesucian kerana warna burung yang putih. Jadual 4.3.6 menunjukkan contoh 6 yang diambil dari *Pelian Kara Pejuang.*

Jadual 4.3.6

Contoh 6

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Kara Pejuang	*Oh, kami enda kakang masuk kepiu baju panjai,* *Terebai kami ngansau semengau sida* ***indai Burung Ruai****,* *Ada nipas puting baju panjai sida Gendai* *Kelapung* (hujung) *burai* (rambu pada rantai leher yang diperbuat daripada manik) *gerunung sanggang* (loceng kecil yang diperbuat daripada tembaga)*, oh sanggang.*	Kami tidak teragak-agak memakai perisai baji panjai, Kami terbang mencari roh **Ibu Burung Ruai,** Lahir menepis hujung baju panjai *Gendai,* *Kelapung* (hujung) *burai* (rambu pada rantai leher yang diperbuat daripada manik) *gerunung sanggang* (loceng kecil yang diperbuat daripada tembaga)*, oh sanggan*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3.6 menunjukkan contoh 6, Burung Ruai atau Kuai atau dengan nama Latin *Argusianus Argus* adalah metafora dalam *Leka Pelian Belanchar Ba Wung.* Dalam konteks *leka pelian* ini, burung ruai ialah sumber domain (SD). Bagi masyarakat Dayak khususnya Iban, haiwan yang tinggal di atas pohon ataupun di langit lebih diagungkan daripada haiwan yang tinggal di tengah hutan. Burung Ruai juga menjadi elemen yang penting bagi masyarakat Dayak karena memiliki banyak sejarah di sebalik lahirnya Burung Ruai dan memiliki peran penting bagi masyarakat Dayak sendiri. Burung ruai memiliki bulu sayap dan ekor yang sangat panjang, dihiasi dengan bintik-bintik besar menyerupai mata serangga ataupun *oceli* yang melambangkan kegagahan. Bagi masyarakat Dayak, satu bulatan atau satu mata yang ada di setiap helai bulunya membawa maksud sebuah gong yang di mana gong bagi masyarakat Dayak merupakan mas kahwin untuk menikah dan sebuah benda yang mahal harganya (Rusanda, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Petikan tersebut menunjukkan perwatakan pendamping roh *manang* (*yang)* yang pergi ke *Sebayan* (alam roh) untuk mengambil roh pesakit yang bermimpi karam. Mereka gagah dan tidak gentar untuk bertempur dengan entiti ghaib di alam roh kerana mempunyai cukup perisai. Dalam pada itu terdapat juga metafora haiwan pada baris *leka pelian* yang sama yang di tunjukkan dalam jadual 4.3.7.

Jadual 4.3.7

Contoh 7

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian kara pejuang	*Uii churi-churi tua Menani ke* ***Lelabi***	Curi-curi kita Menani (dewa/ manang) untuk **labi-labi**
	Ku taja ***indu Gumba*** *au Gumba,*	Walaupun ***indu Gumba***
	Tulung uji tua ma	*au Gumba (sj labi-labi air tawar)*
	Ulih yang kitai kekamba Manang berambau dara au dara	Cuba kita pikul
	Bai terebai semengat kitai Gendai pulai ke menua,	Bolehkah kita *Manang* bersama dara
	Sida indai tu tadi sakit enda nyamai,	Bawa terbang roh *Gendai* kembali ke dunia,
	Bai kita pulai,	Ibu mereka sakit tidak selesa,
	Bai yang kitai Mentawai chita au chita.	Bawa kembali,
	Enda lama kami baru leka pelian nya,	Bawa *yang Mentawai chita*
	Kitai Nyara ke telengga,	Sebentar saja masih baru *leka pelian itu,*
	Semengat diambi kitai pulai	Kita menyambut yang terbuka,
	Ngagai jangka taja rumah raya, au raya.	Roh diambil kita kembali
		Ke tulang selangka sungguhpun rumah sakit tenat

Contoh 7 dalam jadual 4.3.7 di atas menunjukkan terjemahan bagi metafora haiwan iaitu *Indu gumba* yang merupakan sejenis labi-labi air tawar. Sumber domain (SD) ialah labi-labi manakala sumber sasaran (SS) ialah sifat labi-labi itu sendiri. Labi-labi bersifat lembik meskipun mempunyai cangkerang tetapi di bahagian tepi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cangkerang labi-labi masih lembik. Oleh itu, petikan tersebut menunjukkan *Pelian Kara Pejuang* labi-labi digunakan sebagai kiasan pesakit yang tenat kian longlai dan lemah akibat menahan kesakitan yang teramat sangat. Labi-labi diibaratkan sebagai pesakit ataupun kiasan bagi pesakit.

Secara keseluruhan, ketiga-tiga *leka pelian* menggunakan tujuh buah metafora berunsurkan haiwan, iaitu *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai* menggunakan satu metafora haiwan, *Pelian Belanchar Ba Wung* dan *Pelian Kara Pejuang* masing-masing menggunakan tiga buah metafora haiwan sebagai medium komunikasi. Setiap haiwan yang digunakan dalam *leka pelian* adalah berasaskan maksud yang hendak disampaikan mengiut jenis-jenis *pelian*.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.4 Analisis Metafora alam dalam *Leka Pelian*

Shahnon Ahmad (1995) beranggapan bahawa hubungan karya kreatif sastera dengan pencipta dan masyarakat adalah hubungan yang amat halus serta bermakna. Karya kreatif menjadi objek utama dalam sesebuah karya. Contohnya metafora alam yang digunakan oleh pengamal ritual di dalam *leka pelian* yang dilagukan. Rajah 4.4 menunjukkan senarai metafora alam yang digunakan dalam tiga buah *pelian* yang dikaji iaitu *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai, Pelian Belanchar Ba Wung* dan *Pelian Kara Pejuang.* Huraian bagi setiap metafora dan terjemahan juga disertakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.4. Metafora alam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.4. Metafora alam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4.1

Contoh 1

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	*"Au," ku jaku Gendai,* *"Kebuah aku laun datai* *Ari bukit ba* ***pun bungai*** *sepiak menua Mandai,* *Aku agi belala begulai enggau Dara Pandai* *Ngambi engkerebai ringgas di gagang".*	"Ya" kata Gendai, "Aku lambat sampai kerana Dari bukit ***pokok bunga*** sebelah dunia *Mandai* (alam roh), Aku masih tidak puas bersama dengan *Dara Pandai* Masih mekar meskipun tidak berdaun di tangkai".

Jadual contoh 1, dari bukit di pokok bunga sebelah dunia *Mandai* (alam roh) merupakan metafora alam. Dalam hal ini, 'bukit di pohon bunga' dijadikan sumber domain (SD) dan keadaan di dunia Mandai (alam roh) sebagai sumber sasaran (SS). Bunga adalah lambang kepada simbol atau lambang 'cinta abadi' oleh berbagai kalangan (Rukmana, 1995). Dalam *Leka Pelian Sakit Ditunang Utai*, *Gendai* (entiti ghaib) lambat sampai untuk bertemu dengan *manang* (pengamal ritual) kerana dia masih tidak puas bersama dengan *Dara Pandai* kerana cintanya abadi terhadap *Dara pandai* tersebut. *Gendai* juga masih berat hati untuk menyerahkan *Dara Gendai* (roh pesakit) kepada *manang* (pengamal ritual) kerana dia masih sayang terhadapnya. Metafora yang digunakan dalam contoh 1 menunjukkan pohon bunga ialah lambang kepada cinta *Gendai* yang begitu kuat di dunia *Mandai* (Alam roh).

Seterusnya, jadual 4.4.2 menunjukkan contoh 2 metafora berunsurkan alam yang diambil daripada *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4.2

Contoh 2

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	*Oh, oh, oh,* ***ringgas di gagang***	Oh, oh, oh, **pokok yang tidak berdaun di tangkai**

Dalam contoh 2 di atas menunjukkan *ringgas di ganggang* (pokok yang tidak berdaun di tangkai merupakan metafora alam dalam *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai.* Pokok merupakan sumber domain (SD) manakala sifat daun iaitu tidak berdaun merupakan sumber sasaran (SS) dalam membawa erti maksud metafora alam yang berkenaan. Pokok yang tidak berdaun merujuk kepada perasaan *Bujang Melanyi* (entiti ghaib) kerana enggan berpisah dengan *Dara Pandai* yang merupakan panggilan kiasan kepada roh si pesakit di alam roh. *Bujang Melanyi* masih tidak puas bersama dengan *Dara pandai* di alam roh dan tidak bersedia menyerahkannya kepada *manang* (pengamal ritual).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Metafora yang digunakan dalam *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai* menggambarkan perasaan yang dialami oleh *Bujang Melanyi* terhadap *Dara Pandai.* Dia masih tidak puas bersama dengan *Dara Pandai*. Jadual 4.4.3 menunjukkan penggunaan metafora alam dalam *pelian* yang sama iaitu *engkerebai ringgas di ganggang.*

Jadual 4.4.3

Contoh 3

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian orang sakit di tunang utai	*Ngambi* ***engkerebai ringgas di gagang***	Supaya *engkerebai (psychotaria)* tidak berdaun di tangkai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh 3 di atas juga merupakan metafora yang menggambarkan kesedihan *Bujang Melanyi* yang enggan dipisahkan oleh *manang* (pengamal ritual) daripada *Dara pandai. Engkerebai (psychotaria)* merupakan sumber domain (SD) di mana merupakan sejenis tumbuhan yang menjalar. Tidak berdaun di tangkai (*ringgas di gagang)* merupakan sumber sasaran (SS) yang menggambarkan perasaan *Bujang Melanyi* terhadap keadaan yang dipisahkan oleh *manang* (pengamal ritual) daripada *Dara pandai.*

Petikan tersebut menggunakan metafora alam sebagai bahasa kiasan iaitu *ringgas di gangang.* Metafora tersebut menunjukkan keadaan perasaan sayu *Bujang Melanyi* yang enggan dipisahkan dengan *Dara Pandai* yang merujuk kepada si pesakit. seterusnya jadual 4.4.4 menunjukkan metafora alam yang digunakan dalam *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4.4

Contoh 4

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	*"Au dih Gendai kaban Chelung,* *Aku ke laun datai tadi ari* ***Bukit Irung-Irung,*** *Aku agi belala begulai enggau Dara Lempung,* *Bejalai nengah tatai muting kampung,* *Ngambi mengkala burung la mipau umbang."*	"Ya, *Gendai* saudara *Chelung*, Aku terlambat dari **Bukit Irung-Irung,** Tidak ku puas bergaul Bersama Dara Lempung, Berjalan melalui lereng -lereng bukit di hutan yang tebal, Tatkala burung memakan buah"

Contoh 4 di atas menunjukkan metafora alam iaitu Bukit Irung- Irung yang mana sifatnya di tengah hutan yang tebal. Sumber domain (SD) bagi metafora tersebut ialah Bukit Irung- Irung ataupun lereng-lereng bukit manakala sifatnya di tengah hutan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan susah untuk dilalui merupakan sumber sasaran (SS). Dalam konteks *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai* Bukit Irung-Irung merupakan tempat yang sangat jauh di tengah-tengah hutan dalam dunia *Sebayan* (Alam roh).

Petikan tersebut menggambarkan tahap kesukaran *Gendai* saudara *Chelung* yang merupakan *yang manang* (pendamping roh *manang*) untuk bersemuka dengan *manang* (pengamal ritual) apabila diseru. Dia terpaksa melalui lereng-lereng bukit di hutan yang tebal. Oleh itu, dia terlambat sampai untuk bertemu dengan *manang* (pengamal ritual) untuk memberi bantuan kepada *manang* (pengamal ritual) tersebut.

Jadual 4.4.5

Contoh 5

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	*"Au dih Gendai adi Mepa",* *Kebuah aku laun nurun* *Ari menua raya kami empu* *Melanyi Bujang Bula ari* ***Ulu Bukit,***	*"*Ya *Gendai adik Mepa",* Sebab aku lambat Dari tempat kami Melanyi Bujang Bula dari **Ulu Bukit,**

Contoh 5 juga menunjukkan metafora alam iaitu Ulu bukit di mana menggambarkan tahap kesukaran pergerakan *Gendai* (*yang manang*) ke tempat yang diseru oleh *manang* (pengamal ritual). Ulu bukit merupakan sumber domain (SD) manakala sifatnya yang jauh dan sukar dilalui merupakan sumber sasaran (SS). Dalam konteks *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* ulu bukit menunjukkan tempat yang jauh dalam dunia Sebayan (Alam roh) telah menyebabkan *Gendai* (*yang manang*) lambat sampai apabila diseru oleh *manang* (Pengamal ritual). Metafora alam seterusnya ialah *lemba* (piper umbellatum) yang ditunjukkan dalam jadual 4.4.6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4.6

Contoh 6

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	*Masukka labung tinggi ujak suli genalang ngembang,* *Laban iya agi belala mai aku ngambi* ***lemba*** *Ke bejila ya merundai di gagang.*	Pakai topi (seperti tengkolok) Kerana masih tidak puas untuk mengambil daun ***lemba*** (piper umbellatum) Yang berjela di tangkai.

Metafora dalam contoh 6 di atas masih menggambarkan perasaan *Gendai* (*yang manang)* yang lambat datang apabila diseru oleh *manang* (pengamal ritual). *Lemba* (*piper umbellatum*) merupakan sumber domain (SD) dan sumber sasaran (SS) ialah rupa bentuk serta sifatnya. Di kawasan Borneo daun lemba memainkan peranan dalam upacara penyembuhan perkara mistik (Astik & Nurmala, 2020). *Lemba* atau lebih dikenali sebagai pinang puyuh. Iaitu sejenis tumbuhan yang tumbuh secara berumpun yang agak besar yang biasa ditemui di kawasan belukar yang agak redup dan terlindung dari cahaya matahari. Dalam konteks *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* daun lemba amat sinonim dengan masyarakat Iban kerana kegunaannya yang menyeluruh. Ia amat berguna dalam kehidupan seharian bermula dari daun sehingga ke akar.

Oleh itu, dalam *leka pelian* berkenaan ia diambil untuk kegunaan dalam kehidupan seharian yang menyebabkannya terlambat sampai apabila diseru. Metafora alam yang digunakan dalam *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* iaitu *lemba* (*piper umbellatum*) untuk menyatakan keadaan *Gendai* yang melambatkan kedatangannya. Dalam jadual 4.4.7 menunjukkan metafora alam yang diambil dari *pelian* yang sama. Ia juga disertakan petikan dan terjemahan bagi metafora yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4.7

Contoh 7

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	*Agi belala begulai enggau Dara Mereti,* *Nurun menyaung Bukit Mempadi.* *Amat nuan udah naga ka utai diempa pamping piring sungki,* *Nya alai aku agi belala begulai enggau Dara Mereti,* *Tak lanji-lanji lekat di **tisi daun lalang,*** *Tempat betusi bekenang rambang."*	Tidak puas ku bersama dara Mereti Turun *Menyaung* (rusa lalang/ hutan belantara) *Bukit Mempadi.* Benarkah dikau sudah menyediakan hidangan persembahan piring sungki? Disebabkan itu aku masih tidak puas bersama dengan Dara Mereti, Cantik melekat di **sisi daun lalan**g Tempat bercerita kenangan dulu”

Seterusnya di contoh 7 di atas menunjukkan *sisi daun lalang* ialah metafora alam yang digunakan oleh *manang* (pengamal ritual) dalam *Leka Pelian Orang Sakit Ditunang Utai.* Lalang merupakan sumber domain (SD) manakala keadaan lalang yang ditiup angin yang menyebabkan perasaan hiba merupakan sumber sasaran (SS). Metafora alam yang digunakan dalam *pelian* membawa maksud *Bujang Melanyi* berat hati untuk melepaskan *Dara Mereti* kerana dia masih terngiang-ngiang akan kenangan ibarat cantik melekat di sisi daun lalang di mana merupakan tempat bercerita tentang kisah lalu. Tiupan angin sepoi-sepoi membawa perasaan rindu nya terhadap *Dara Mereti.*

Contoh 8 di bawah menunjukkan penggunaan metafora alam iaitu *seringgang tanah liat* (seluas tanah liat) yang digunakan dalam *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai.* Jadual tersebut disertakan dengan petikan yang dipetik dari *leka pelian* berkenaan dan juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4.8

Contoh 8

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	***Seringgang tanah liat*** *Bujang Manchal,* *Kami Sutar enda minjar enggau Gandar mata berayang.* *Kami Sayuh enda munuh nuan enggau sangkuh besantuk bangkang, oh bangkang.* *Kami Lansu nadai nganu nuan enggau duku taja keris manang, oh manang.* *Kami enda mujuk Bujang Gauk,* *Aku mai nuan saum ditu duduk,* *Au saum seringgang (terbuka luas/ duduk dengan dua kaki terbuka luas) oh, ringgang.*	**Seluas tanah liat** Bujang Manchal, *Kami Sutar enda minjar enggau Gandar mata berayang.* Kami *sayuh* tidak membunuh kau dengan sangkuh bersalut timah, Kami *Lansu* (dewa) *manang* tidak marah menggunakan parang meskipun keris *manang* Kami tidak memujuk Bujang Gauk, Aku seru kau duduk bersama Berkongsi penduduk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya dalam contoh 8 menunjukkan sekuas tanah liat (*seringgang tanah liat*) merupakan metafora alam yang digunakan dalam *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai.* Tanah liat merupakan sumber domain (SD) dalam metafora tersebut. Keluasan tanah liat tersebut pula merupakan sumber sasaran (SS). Metafora yang digunakan oleh *manang* (pengamal ritual) dalam *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* adalah untuk menggambarkan kelembutan hati *Bujang Mancal* untuk datang memberi kerjasama dengannya dalam menyerahkan roh si pesakit. *Manang* (pengamal ritual) dan *Yang* (pendamping roh *manang*) memujuk *Bujang Mancal* dengan bahasa kiasan supaya dapat melembutkan hati *Bujang Mancal.*

Metafora tanah liat yang digunakan dalam *Leka Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* merujuk kepada perasaan *Bujang Mancal.* Tanah liat digunakan dalam bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kiasan kerana sifatnya yang boleh dilembutkan dan boleh dibentuk. Seterunya jadual 4.4.9 menunjukkan contoh 9 yang menunjukkan penggunaan metafora alam iaitu *daun emperingat.*

Jadual 4.4.9

Contoh 9

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai	*Oh, oh, udi retap-retap* ***daun emperingat****,* *Endang nimang kami* *Rechap ke bepantap beputus* ***bukang***	Sesudah jatuh ***daun emperingat*** Sememangnya memuji *Rechap* yang bertarung hingga ke hujung nyawa

Seterusnya dalam contoh 9, *daun emperingat* (*Rubus moluccanus*) *bepantap putus bungkang* merupakan metafora alam yang digunakan *manang* (pengamal ritual) dalam *Pelian mengubati orang sakit. Bungkang* merupakan sejenis daun yang digunakan dalam masakan merupakan sumber domain (SD) manakala *putus* pula merupakan sumber sasaran (SS). Metafora *Bepantap putus bungkang* membawa maksud bertarung secara habis-habisan sehingga ke hujung nyawa. Dalam konteks *leka pelian berkenaan Renchap* yang merupakan *yang manang* (pendamping roh manang) berjuang habis-habisan dalam memburu roh pesakit supaya pesakit dapat sihat seperti sedia. Jadual 4.4.10 menunjukkan metafora yang terdapat dalam *Pelian Belanchar Ba Wung.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4.10

Contoh 10

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Belanchar Ba Wung	*Oh, awa, wai, lalang,* *Tu baru bala Gendai jauh* ***malam tegayam*** *lama lemai,* *Gali tak galan-galan mangkang* ***wung ke beranggung ringkat tigai****,* *Nepan di singkap pinggai pemakai,* *Endang perau kami Lansu bangkung Gendai,* *Bau dih bala Bidu* *Teleba tepan ke menyagu ampang belulai,* *Ukai tu pua ngapa pua pia,*	Oh, awa, wai, lalang, Ini dia anggota Gendai jauh di **dalam kepekatan malam**, Baring tidak berambut di **air terjun yang bertindih tiga tingkat,** Menaiki sekeping pinggan makan, Sememangnya perahu ka Lansu (*yang Manang*) bangkung (sejenis perahu) Gendai (*Yang manang*) Aroma *Bidu* Selalu menaiki *menyagu ampang belulai,* Ini bukan selimut biasa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam contoh 10, kepekatan malam (*malam tegayam*) ialah metafora alam yang digunakan dalam *Pelian Belanchar Ba Wung*. Malam ialah sumber domain (SD) yang menunjukkan hari yang sudah lewat. Kepekatan malam (*tegayam)* pula sumber sasaran (SS) yang menunjuk malam yang sangat gelap.

Air terjun juga merupakan metafora alam dalam *Pelian Belanchar Ba Wung.* Banyak jenis air terjun disebut oleh *manang* (pengamal ritual) dalam *leka pelian* tersebut. Dalam contoh 10 ini ialah air terjun yang mempunyai tiga tingkat. Sumber domain (SD) ialah air terjun manakala sumber sasaran (SS) ialah tingkat tiga. petikan tersebut membawa maksud setingkat menunjukkan tahap kesukaran *manang* (pengamal ritual) mengubati pesakit. Semakin tinggi setiap tingkat air terjun semakin deras air yang mengalir menyebabkan semakin sukar *manang* (pengamal ritual) untuk meluncur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ia akan semakin menyukarkan *manang* (pengamal ritual) dalam mencari dan mengambil roh pesakit.

Dalam pada itu, terdapat juga penggunaan metafora berunsurkan alam dalam baris yang lain *Pelian Belanchar Ba Wung.* Jadual 4.4.11 di bawah menunjukkan petikan yang menggunakan metafora alam berserta terjemahan.

Jadual 4.4.11

Contoh 11

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Belanchar Ba Wung	*Gaga Endu sulu sida Bidu Kumang Kelechai,* *Lebuh iya ke belelang ke Batang Rajang ngulu Entabai,* *Dia iya ngibun **pun berangan tuai*** *Enggi Gepi adi Gendai,* *Dia randa iya ngaga pua ampang begajai,* *Endang disadang iya ke sayap beambaika sida Gendai.* *Nya alai iya tadi ngambi aku nyadi Matai,* *Belanchar di wung numbuk pendai sida Indai Bilai,* *Enda ga iya bebadi lesi laya nadai* *Nanjak wung gegurung ringkat tigai,* *Ngasuh iya sidi ke di jari tunjuk pemakai,* *Bisa iya ke di nyawa dabung (banyak puncak) landai,* *Tau nyagam Batang Limban,* *Nyidi ai Ulu Batang Mandai.*	Ini bukan selimut biasa, Gembiralah *Endu Sulu* mereka *Bidu Kumang Kelechai* (makhluk mitos/ gelaran manang) Bila dia belayar ke Batang Rajang hulu Entabai, Di situlah dia memelihara **pohon berangan tua** milik *Gepi* adik *Gendai,* Di situlah kesuburannya membuat selimut bercorak gebar *(begajai) (satu corak dalam tenunan seperti katak)* Tidak sangka ia menjadi sayap bersama *Gedai* Oleh kerana itu, dia mempergunakan aku untuk menjadi Matai, Meluncur di air terjun menumbuk permandian *Indai Bilai,* Tidak jua dia mati Melawan arus air terjun tiga tingkat, Meminta ia jejak yang di jari tunjuk makanan Bisanya yang di jiwa puncak-puncak bukit yang rata, Boleh bermain *Batang Limban* (tempat selepas kubur dalam perjalanan ke Mandai) Menelusuri air *Ulu Batang Mandai.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam contoh 11 di atas menunjukkan pohon berangan sebagai metafora alam dalam *Pelian Belanchar Ba Wung.* Pohon berangan menggambarkan tahap kesuburan di kawasan berkenaan khususnya di Batang Rajang Ulu Entabai seperti yang dinyatakan dalam *Pelian Belanchar Ba Wung.* Penggunaan metafora pohon berangan merupakan sumber domain (SD) manakala sifatnya yang masih hidup meskipun sudah tua menggambarkan tahap kesuburan di sesuatu kawasan ialah sumber sasaran (SS).

Seterusnya, jadual 4.4.12 menunjukkan contoh 12. Jadual tersebut menunjukkan pengguna metafora alam dalam *Pelian Kara Pejuang.* Terjemahan bagi petikan tersebut juga disertakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4.12

Contoh 12

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Kara Pejuang	*Tu baru dih anak yang Gelanyang manang Empung,* *Bau bala Bidu tepan menyagu ampang belumpung,* *Tanchangka kami manang belembang bali landung,* *Nya ke tenggau kami Duau adi Chelung,* *Terebai bala Gendai ngagai* ***puchuk Kara Riung,*** *Ngansau semengau sida indai Dara Lempung,* *Ninga tak bisi mimpi kena churi sida Gerasi* *Ari puchuk* ***Kara Riung dua bebandung,*** *Beguai kami ngambi semengat iya pulai* *Ari puchuk* ***kara bebandung*** *Tepan burung Bangau Labang, au Labang.*	Inilah anak *Yang Gelanyang manang Empung* (gelaran) *Manang belembang bali landung* tolong ikatkan kami, Itu menjadi panduan kami *Duau adi Chelung,* *Gendai* terbang ke puncuk **pokok Kara Riung,** Mencari roh *indai Dara Lempung,* Desas-desus berita menyatakan bermimpi kena curi Gergasi (jin) Dari pucuk **Kara riung berkembar** Dengan pantas kami mengambil rohnya kembali Dari pucuk **kara berkembar** Dihinggapi burung Bangau Labang (putih)

Contoh 12 di atas diambil daripada *Pelian Kara Pejuang* di mana Pokok Kara atau Pokok Ara merupakan metafora alam yang digunakan oleh *manang* (pengamal ritual) dalam melagukan *leka pelian.* Pokok ara sangat sinonim dengan masyarakat Iban di mana mereka percaya pokok tersebut amat dekat dengan *Sebayan* (alam roh) dan didiami oleh pelbagai entiti ghaib seperti jin. Ciri-ciri pokok ara yang besar dan akarnya yang berjuntai turun ke bawah sehingga batang utama pokok tidak kelihatan. Sebatang pokok akan menjadi kawasan luas dengan akar di bahagian bawahnya yang berselirat. Oleh itu, pokok ara amat sinonim dengan pokok berhantu (Vermeulen & Marzuki, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks *Pelian Kara Pejuang* pokok ara merupakan sumber domain (SD) dan sifatnya yang berkembar pula merupakan sumber sasaran (SS). Oleh itu dalam ritual *pelian* tersebut *manang* (pengamal ritual) menggunakan anak pokok yang hidup mahupun *alu* yang disusun secara bersilang bagi menggambarkan keadaan sebenar pokok ara yang berkembar di *Sebayan* (alam roh). Banyak pokok ara yang disebut dalam *leka pelian* berkenaan kerana roh pesakit dibawa dan disembunyikan oleh *antu gerasi* (jin) satu pokok ke satu pokok yang lain. Jadual di bawah menunjukkan contoh 13 penggunaan metafora alam dalam *pelian* yang sama.

Jadual 4. 4.13

Contoh 13

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian kara pejuang	*Ngansau semengau sida Indai Burung Ruai,* *Lama ti udah sakit ke di kulit nyerak kerigai,* *Nyawa ke besera **padi nubai**,*	Mencari roh *Indai Burung Ruai,* Lama sudah sakit kulit antara rusuk, Selera seperti **padi nubai** (tidak berselera)

Seterusnya dalam contoh 13 juga metafora alam dalam *pelian kara pejuang* yang merupakan ritual perubatan orang sakit tenat. Padi merupakan sumber domain (SD) dalam *pelian* tersebut. *Nubai* pula merupakan sumber sasaran (SS). *Padi nubai* membawa maksud pesakit tidak berselera di alam nyata. Namun apabila *manang* (pengamal ritual) melagukan *leka pelian* dia menggunakan bahasa kiasan metafora bagi menunjuk tahap kesopanan dalam berkomunikasi dengan makhluk ghaib. *Manang* (pengamal ritual) meminta belas kasihan daripada *Indai burung ruai* untuk mencari roh pesakit di alam ghaib kerana pesakit sudah sekian lama menahan kesakitan di dunia nyata sehinggakan menyebabkan hilang selera makan. Oleh itu, *manang* (pengamal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ritual) menggunakan bahasa kiasan bagi menunjukkan tahap hormat terhadap makhluk dalam alam ghaib.

Petikan tersebut menunjukkan tahap kesihatan pesakit yang semakin memburuk sehinggakan tiada selera makan. Seterusnya Jadual 4.4.14 di bawah menunjukkan contoh 14. Ia menunjukkan petikan yang mengandungi metafora alam berserta terjemahan.

Jadual 4.4.14

Contoh 14

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Kara Pejuang	*Oh, oh, oh, lama tumbang,* *Nadai tua nemu semengar sida Indai Burung Ruai* *Di Kara Penjuang dua berimbai,* *Uji tua terebai* ***jauh malam lama lemai*** *Ngulu ngagai menua orang bukai.* *Mudik tua ngagai menua Enti iya bisi,* *Beguai tua ngambi semengat iya pulai,* *Takutka iya begulai enggau sida Indai Bilai* ***Seberai tatai madang kemelang,*** *oh melang.*	Oh lama mati, Tidak kau tahu roh *Indai Burung Ruai* Di pokok ara berpangkah dua bersebelahan Cuba kita terbang **jauh malam lama petang** Menemani ke dunia orang lain. Belayar ke tempat asal Jika dia ada, Dengan pantas kita mengambil rohnya kembali, Takut ia bersama dengan *Indai Bilai* **Seberang lereng madang kemelang** (sj tumbuhan)

Contoh 14 jauh malam lama petang merupakan metafora alam yang digunakan oleh *manang* (pengamal ritual) dalam *pelian kara pejuang.* Dalam konteks *pelian* tersebut menunjukkan mereka akan bertolak agak ke tempat asal iaitu *Sebayan* (Alam roh) untuk mengambil roh pesakit kerana takut roh jahat bersama *Indai Bilai* sedar akan kedatangan mereka di seberang lereng tempat tumbuhnya *kemelang* (sejenis tumbuhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di *Sebayan*). Jauh malam merujuk kepada sumber domain (SD) manakala lama petang merupakan sumber sasaran (SS).

Petikan tersebut menunjukkan waktu yang sedikit lewat untuk *manang* (pengamal ritual) berangkat ke alam roh bagi mendapatkan roh pesakit yang diubati. Setiap metafora alam yang digunakan dalam setiap *leka pelian* mempunyai maksudnya tersendiri. Metafora alam digunakan dalam berkomunikasi dan menceritakan kembali perjalanan *manang* (pengamal ritual) semasa ritual penyembuhan.


4.3.5 Analisis Metafora perbandingan dan metafora analogi dalam *Leka Pelian*

Analogi dan Metafora membuat perbandingan antara dua objek atau konsep yang tidak berkaitan dan berbeza. Analogi membuat perbandingan antara dua perkara sedemikian rupa sehingga anda dapat melihat hubungan antara keduanya. Metafora adalah satu jenis angka ucapan yang membantu untuk membuat perbandingan antara kedua-dua perkara. Secara ringkasnya, analogi adalah perbandingan antara dua perkara dan metafora adalah alat yang digunakan untuk membuat perbandingan ini. Ini boleh disebut sebagai perbezaan utama antara analogi dan metafora.

Kategori metafora perbandingan dan analogi digunakan di dalam *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai Dan Pelian* dan *Pelian Kara Pejuang* Rajah 4.5 di bawah menunjukkan senarai metafora perbandingan dan analogi yang digunakan dalam *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai* dan *Pelian Kara Pejuang* manakala *Pelian Belancahar Ba Wung* tidak terdapat penggunaan metafora tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.5. Metafora perbandingan dan analogi

Jadual 4.5.1

Contoh 1

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian orang sakit di tunang utai	*Oh, oh, oh, peransang tulang,* *"Ni nuan entupan laun datai?" ku melanyi Bujang Besai,* *Kangauka bala Duau nyerumba silau hari lemai,* *Tutung sida enggau gerunung geri Brunei* *Lama kami Gepa udah ngaga utai diempa piring rendai,* ***Asai makai kamai sempadan arang.***	Oh semangatku "Di manakah dikau pusaran air yang lambat sampai?" kata Bujang Besai Menyeru rombongan Duau di senja hari, Lama mereka dengan tulang loceng kecil dari Brunei, Sudah lama kami Gepa sudah menyediakan hidangan persembahan untuk semangat Dewa Dewi, **Seperti rasa arang telur sempidan (sejenis burung)**

Petikan dalam contoh 1, kategori metafora ini menunjukkan erti bahawa hidangan persembahan yang telah lama disiapkan di umpamakan seperti rasa telur burung sempidan yang dibakar lama sehingga menjadi arang. Seperti rasa arang telur sempadan ialah metafora perbandingan dan analogi dalam *leka pelian orang sakit ditunang utai.* Telur sempidan (sejenis burung) ialah sumber domain (SD). Manakala, rasa arang adalah sumber sasaran (SS). Sumber sasaran merujuk kepada kepahitan sebuah penantian. *Manang* menggunakan perumpamaan ini kerana semakin lama telur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sempidan dibakar semakin hangus dan pahit rasanya jika terus dibiarkan dibakar. Dalam *Leka Pelian Ditunang Utai* ini, semakin lama dibiarkan semakin perih rasa pesakit menahan sakitnya.

Penggunaan metafora pada petikan di atas menunjukkan tahap kesakitan yang dirasai oleh pesakit. Seterusnya jadual 4.5.2 menunjukkan contoh 2 yang terdapat dalam *Pelian Kara Pejuang* di mana terdapat penggunaan metafora analogi.

Jadual 4. 5.2

Contoh 2

Jenis *Pelian*	Teks	Terjemahan
Pelian Kara Pejuang	*Tulung uji tua ma* *Ulih yang kitai kekamba* *Manang berambau dara au dara* *Bai terebai semengat kitai* *Gendai pulai ke menua,* *Sida indai tu tadi sakit enda nyamai,* *Bai kita pulai,* *Bai yang kitai Mentawai chita au chita.* *Enda lama kami baru leka pelian nya,* *Kitai Nyara ke telengga,* *Semengat diambi kitai pulai* ***Ngagai jangka taja rumah raya**, au raya.*	Cuba kita pikul Bolehkah kita *Manang* bersama dara Bawa terbang roh Gendai kembali ke dunia, Ibu mereka sakit tidak selesa, Bawa kembali, Bawa *yang Mentawai chita* Sebentar saja masih baru *leka pelian itu,* Kita menyambut yang terbuka, Roh diambil kita kembali Ke tulang selangka sungguhpun rumah sakit tenat

Berdasarkan jadual 4.5.2 menunjukkan *Ngagai jangka taja rumah raya* merupakan metafora perbandingan dan analogi dalam *Pelian Kara Pejuang.* Rumah merupakan sumber domain (SD) manakala rumah raya merupakan sumber sasaran. Dalam konteks *pelian* tersebut rumah raya merujuk kepada badan pesakit di alam nyata. *Manang* (pengamal ritual) mesti mengambil roh pesakit daripada roh jahat meskipun pesakit sudah tenat di rumah. Hal ini kerana jika roh pesakit berjaya diambil daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

roh jahat ia mampu menjadi kekuatan kepada badan pesakit yang lemah. Secara tidak langsung menyembuhkan pesakit daripada penyakit yang di hidapi.

Petikan tersebut menunjukkan penggunaan metafora yang menjurus kepada tahap kesihatan tempat yang didiami oleh pesakit. Ia dibandingkan dengan keadaan rumah yang tidak aman. Hal ini kerana keadaan pesakit yang semakin tenat berada dalam rumah tersebut. Apabila terdapat orang sakit di dalam sesebuah rumah maka rumah tersebut dianggap tidak amat atau panas dalam masyarakat Iban.

Manang (pengamal ritual) menggunakan metafora perbandingan dan analogi dalam *leka pelian.* Terdapat dua metafora perbandingan dan analogi secara keseluruhan yang digunakan dalam ketiga-tiga buah *Leka Pelian*. *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* dan *Pelian Kara Pejuang* masing-masing menggunakan satu kategori metafora tersebut. Namun, *Pelian Belanchar Ba Wung* tidak menggunakan kategori metafora tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.4 *Leka pelian* sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib

Dalam *leka pelian* terdapat komunikasi antara alam manusia iaitu *manang* (pengamal ritual) dengan alam ghaib seperti entiti ghaib dan jin. Dialog yang diajukan oleh *manang* (pengamal ritual) yang mewujudkan komunikasi timbal balik. Terdapat metafora yang digunakan dalam komunikasi pengantaraan ke dua-dua belah pihak. Dari aspek pengantaraan alam manusia dan alam ghaib hanya dua kategori metafora yang digunakan iaitu metafora alam, metafora perumpamaan dan metafora haiwan. Rajah 4.6

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di bawah menunjukkan penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dan alam ghaib yang digunakan dalam *leka pelian* yang berkaitan.



Rajah 4.6. Penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.6 menunjukkan penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib. *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai* menggunakan tujuh buah metafora alam dan lima buah metafora perumpamaan sebagai medium komunikasi alam manusia dengan alam ghaib. Seterusnya, *Pelian Kara Pejuang* menggunakan tiga jenis metafora sebagai pengantaraan iaitu, metafora alam, metafora haiwan dan metafora perumpamaan. *Pelian Belanchar Ba Wung* pula tidak terdapat sebarang penggunaan metafora dalam komunikasi timbal balik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1 Penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib dalam *Pelian orang sakit ditunang utai*

Pelian orang sakit di tunang utai ini ialah merujuk kepada pesakit yang sakit akibat daripada diganggu oleh makhluk halus atau di tunang oleh makhluk halus. Makhluk halus mempunyai tahap sensitiviti yang tinggi. oleh itu, *manang* (pengamal ritual) menggunakan bahasa kiasan metafora dalam berkomunikasi dengan mereka di alam ghaib bagi melambangkan kesopanan dan hormat terhadap mereka.

Dalam *pelian orang sakit di tunang utai, manang* (pengamal ritual) menggunakan kategori metafora alam dan metafora perumpamaan dalam berkomunikasi dengan alam ghaib. Alam ghaib yang terlibat dalam *leka pelian orang sakit di tunang utai* ini melibatkan jin, *yang* (pendamping roh *manang*) dan juga entiti-entiti ghaib yang lain. Di bawah menunjukkan contoh berserta huraian bagi setiap contoh yang dikemukakan oleh pengkaji.

Jadual 4.6.1

Contoh 1

Contoh 1	Terjemahan
"Au," ku jaku Gendai,	"Ya" kata Gendai,
"Kebuah aku laun datai	"Sebab kenapa aku lambat sampai
*Ari bukit ba pun **bungai** sepiak menua Mandai,*	Dari bukit **pokok bunga** sebelah dunia Mandai,
Aku agi belala begulai enggau Dara Pandai	Aku masih tidak puas bersama dengan Dara Pandai
*Ngambi **engkerebai** ringgas di gagang".*	Supaya ***engkerebai (psychotaria)*** tidak berdaun di tangkai".

Jadual contoh 1, metafora alam digunakan oleh *yang* (pendamping roh *manang*) dalam berkomunikasi dengan *manang* (pengamal ritual) dalam *leka pelian orang sakit*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di tunang utai. Metafora alam yang digunakan ialah *pun bungai* (pokok bunga) dan *engkerebai* (psychotaria). Pokok bunga merujuk kepada sumber domain (SD) dan sifat pokok bunga yang berada di Dunia Mandai merupakan sumber sasaran (SS) Metafora alam yang digunakan dalam contoh 1 adalah sebagai simbol cinta dan kebahagian. Oleh itu bila *manang* (pengamal ritual) menyeru untuk datang ke hidangan persembahan entiti ghaib lambat sampai kerana masih tidak puas bersama dengan *Dara Pandai*. Jadual 4.6.2 menunjukkan contoh dua dalam *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai.*

Jadual 4.6.2

Contoh 2

Contoh 2	Terjemahan
"Ni nuan ke Melanyi Bujang Bula? Tak lubah laun datai Dikangau kami Duau nyereta **silau sabung linda**, Ensung bala Empung enggau **gerunung geri** lama, Kangau bala Duau enggau tempalau dabung rasa, Lama aku udah naga ka nuan utai diempa, Piring asi ja enda jena-jena jantau jentawang?"	"Di manakah dikau Melanyi Bujang Bula? Lambat benar kau sampai, Kami seru Duau bersama **senja yang mendung,** Siulan para Empung dan bunyi **loceng kecil,** Seru Duau dengan seruan di puncak puncak bukit Sekian lama aku telah menyediakan hidangan buatmu Persembahan nasi sahaja?"

Jadual contoh 2, komunikasi *manang* (pengamal ritual) dengan *Bujang Melanyi.* Dalam *leka pelian orang sakit ditunang utai Bujang Melanyi* merupakan entiti ghaib yang mengganggu atau menunang roh pesakit. Dalam *pelian* ini terdapat banyak gelaran yang diberikan oleh *manang* (pengamal ritual) antaranya *Melanyi Bujang Bula* kerana dia berbohong akan kedatangannya terhadap seruan *manang* (pengamal ritual).

Metafora yang digunakan sebagai pengantaraan ialah metafora alam iaitu *silau sabung linda* yang membawa maksud senja yang mendung. Sumber domain (SD) ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

silau manakala sumber sasaran ialah *sabung linda.* Ini menunjukkan *Bujang Melanyi* tidak sampai meskipun hari telah menjelang senja semasa diseru oleh *Duau* (pendamping roh *manang*). *Manang* juga menggunakan metafora perumpamaan iaitu *gerunung geri* (loceng kecil) sebagai perumpamaan bunyi siulan. Hal ini kerana sifat loceng itu mengeluarkan bunyi yang nyaring.

Petikan tersebut menunjukkan komunikasi *manang* (pengamal ritual) *Bujang Melanyi* yang lambat sampai. Metafora *sabung linda* digunakan menggambarkan kedatangan *Bujang Melanyi* yang lambat meskipun sudah diusahakan seruan yang nyaring diumpamakan seperti *gerunung geri.* Terdapat juga contoh 3 dalam *pelian* yang sama yang dipaparkan dalam jadual 4.6.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6.3

Contoh 3

Contoh 3	Terjemahan
"Ni nuan Melanyi Bujang Lempung tak lubah datai?"	"Di manakah dikau Melanyi Bujang Lempung lambat sampai?"
Baru bala Bidu nepan di menagu bali belumpung,	Bidu baru naik
Ke sayap bala Rechap adi Chelung,	Dijadikan sayap para Rechap adik Chelung
Kangau kami Duau enggau sentalau ujung dabung,	Kami seru Duau dengan Sentalau di hujung puncak
Enda ga nuan datai.	Tidak jua engkau kemari.
*Ambi kami Ensung enggau **geri leka gerunung**,*	Diseru dengan siulan bunyi **loceng kecil,**
Nadai ga nuan ninga telai jaku serengung,	(sema k ngau gerunung laban bunyi nyaring) Tidak jua kau mendengar
Lama kami udah naga ka utai diempa piring tepung,	Sekian lama kami sediakan hidangan buatmu,
*Sekumbang kedang **bulan kembung.***	Semenjak **bulan penuh.**

Seterusnya, metafora perumpamaan dan metafora alam juga digunakan di dalam *leka pelian yang sama iaitu Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai*. Komunikasi dua hala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara *manang* (pengamal ritual) dengan entiti ghaib iaitu *Melanyi Bujang Bula.* Metafora perumpamaan dalam *leka pelian* tersebut ialah bunyi loceng kecil (*geri leka gerunung)* manakala metafora alam ialah bulan penuh *(bulan kembung).* Dalam konteks metafora perumpamaan *leka pelian* ini, menunjukkan tahap kesungguhan *manang* (pengamal ritual) dalam menyeru kehadiran *Bujang Melanyi* (entiti ghaib). Seruannya diumpamakan dengan bunyi loceng kecil (*geri leka gerunung*) kerana mempunyai sifatnya yang nyaring. Sumber domain (SD) ialah loceng kecil manakala sumber sasaran (SS) ialah sifatnya yang nyaring. Metafora alam bulan penuh (*bulan kembung*) pula membawa maksud kepada hidangan persembahan yang telah lama dihidangkan untuk *Bujang Melanyi* (entiti ghaib).

Metafora yang terkandung dalam petikan tersebut menunjukkan usaha *manang* (pengamal ritual) dalam menyeru *Bujang Melanyi* yang merupakan entiti ghaib yang menunang pesakit. *Bulan kembung* menggambarkan awalnya persiapan hidangan persembahan bagi memberi jamuan semasa proses ritual penyembuhan dijalankan. Jadual 4.6.4 di bawah menunjukkan contoh 4 dalam *pelian* yang sama berserta terjemahan.

Jadual 4.6.4

Contoh 4

Contoh 4	Terjemahan
"Au dih Gendai adi Mepa", Kebuah aku laun nurun Ari menua raya kami empu Melanyi Bujang Bula ari **Ulu Bukit**, Laban aku agi belala ka masukka tingga Mangka di janga bau nukang. Dara Tinggi agi belala pinta anti Masukka labung tinggi ujak suli genalang ngembang,	"Ya *Gendai* adik Mepa", Sebab aku lambat Dari tempat kami Melanyi Bujang Bula dari Ulu Bukit, Kerana aku masih tidak puas makan Dara Tinggi masih tidak puas untuk di tunggu Pakai topi (seperti tengkolok)

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6.4 *(sambungan)*

Laban iya agi belala mai aku ngambi **lemba** Ke bejila ya merundai di gagang.	Kerana masih tidak puas untuk mengambil daun lemba (*piper umbellatum*) Yang berjela di tangkai

Metafora alam juga digunakan sebagai pengantaraan dalam *pelian orang sakit ditunang utai.* Metafora alam yang digunakan ialah *Ulu Bukit* dan *daun lemba* (*piper umbellatum*). Ulu bukit ini menunjukkan betapa jauhnya tempat atau dunia yang di diami *Bujang Melanyi.* Oleh itu, *Bujang Melanyi* lambat sampai ke tempat yang diseru. *Daun lemba* pula adalah sejenis tumbuhan yang mempunyai banyak fungsi yang sering digunakan di Borneo. Tumbuhan ini amat dekat dengan kehidupan masyarakat Iban khususnya. Pokok lemba ini juga memainkan peranan penting dalam upacara penyembuhan perkara mistik. Dalam konteks *leka pelian* ini kelalaian *Bujang Melanyi* dan *Dara Tinggi* dalam mengumpulkan *daun lemba* yang menyebabkan mereka lambat sampai ke tempat yang diseru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis yang dijalankan menunjukkan penggunaan metafora alam adalah untuk berkomunikasi dengan alam ghaib *yang* (pendamping roh *manang*) mahupun entiti ghaib yang lain. Penggunaan metafora alam dalam *pelian* juga digunakan dalam menceritakan kembali apa yang dialami oleh *manang* (pengamal ritual) dalam alam roh semasa melagukan *leka pelian.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2 Analisis Penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib *Pelian Kara Pejuang*

Dalam *Pelian Kara Pejuang* juga metafora digunakan sebagai pengantaraan dalam *pelian kara pejuang.* metafora yang digunakan dalam *pelian* tersebut dalam metafora alam, metafora haiwan dan metafora perumpamaan. Terdapat komunikasi dua hala antara *manang* (pengamal ritual) dengan entiti ghaib dalam ritual *pelian t*ersebut. Jadual 4.7.1 di bawah menunjukkan contoh yang terdapat dalam *Pelian Kara Pejuang.*

Jadual 4.7.1

Contoh 1

Contoh 1	Terjemahan
"Nama ke dikumbai nuan Gendai Enda tau badu ***jauh malam lama lemai?"***	"Apa yang kau seru itu Gendai Tidak berhenti jauh malam petang yang lama?"

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh 1 ialah komunikasi antara entiti ghaib (*spirit*) dengan *Gendai* (pendamping roh *manang*) di mana entiti ghaib itu menggunakan metafora alam dalam pertanyaannya. *Jauh malam lama lemai* menunjukkan bahawa *Gendai* menyeru entiti ghaib yang mengganggu roh pesakit di larut malam. *Gendai* menyeru entiti ghaib yang menganggu roh pesakit tidak berhenti sehingga larut malam. Komunikasi dua hala ini berlaku di alam ghaib. Sumber domain (SD) waktu manakala sumber sasaran (SS) ialah larut malam (*jauh malam lama lemai).*

Berdasarkan metafora yang digarap dalam *Pelian Kara Pejuang* menjelaskan bahawa masyarakat Iban telah memasukkan metafora alam dalam mengambarkan usaha dalam menyeru dan berkomunikasi dengan alam ghaib. Dalam konteks *Pelian Kara Pejuang* usaha *manang* (pengamal ritual) yang menyeru *Gendai* tidak berhenti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sehingga larut malam. Terdapat juga metafora haiwan yang digunakan dalam *pelian* yang sama yang ditunjukkan dalam jadual 4.7.1 dalam contoh 2 di bawah.

Jadual 4.7.1

Contoh 2

Contoh 2	Terjemahan
"Kati ku enda ngumbai,	"Bagaimana aku tidak menyeru,
Peda penyakit sida ***Indai Burung Ruai,***	Lihatlah penyakit ***Indai Burung Ruai,***
Nyawa iya enda masuk ***sera padi nubai****,*	Dia tidak berselera
Lama penyakit ke ingga lekat di kerigai rusuk jarang.	Lama sudah penyakit singgah lekat di rusuk
Aku 128ain uan ngumbai enggau Batu Bangkai,	Ku bawa kau menyeru dengan *Batu Bangkai,*
Nya ukai batu ngapa, batu pia,	Bukan batu sembarangan batu,
Kena tua ngangkat bangkai	Batu untuk membangkitkan mayat/ roh
Orang ke nadai, lama tumbang,"	Orang yang telah lama mati",

Seterusnya dalam contoh 2 pula, komunikasi daripada entiti ghaib iaitu *Gendai* yang merupakan pendamping roh *manang (yang)* dalam ritual *pelian kara pejuang*. *Gendai* menggunakan metafora haiwan dan metafora perumpamaan dalam berkomunikasi dengan entiti ghaib yang mengganggu roh pesakit. Dalam konteks *pelian kara pejuang indai burung ruai* adalah mewakili kepada pesakit yang berada di dunia nyata. Metafora haiwan digunakan untuk berkomunikasi sebagai simbolik menggantikan nama sebenar pesakit. sumber domain (SD) bagi metafora haiwan tersebut ialah *Indai Burung Ruai* dan sumber sasaran (SS) ialah sifat *Indai Burung Ruai* tersebut.

Sera *padi nubai* pula membawa maksud kepada selera pesakit di dunia nyata. Ia menunjukkan bahawa pesakit tidak berselera untuk makan kerana sudah sekian lama sakit akibat roh nya diganggu oleh entiti ghaib dari dunia *Sebayan.* Sumber domain (SD) ialah padi manakala sumber sasaran (SS) *tubai* di mana *tubai* merupakan sejenis tumbuhan yang beracun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, terdapat 15 penggunaan metafora dalam pengantaraan alam manusia dan alam ghaib. Analisis kajian mendapati bahawa *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai* telah menerapkan sebanyak 12 metafora sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib yang terbahagi kepada tujuh metafora alam dan lima metafora perumpamaan. *Pelian Kara Pejuang* pula menerapkan tiga buah metafora iaitu satu metafora alam, satu menggunakan metafora haiwan dan metafora perumpamaan. Komunikasi dua hala antara *manang* (pengamal ritual) dengan entiti ghaib didapati dominan menggunakan metafora alam. Namun begitu, tidak terdapat komunikasi dua hala dalam *Pelian Belanchar Ba Wung.*

Hal ini membuktikan bahawa penggunaan metafora atau bahasa kiasan adalah untuk menggambarkan perkara yang berlaku terhadap *manang* (pengamal ritual) semasa proses ritual perubatan dijalankan. Penggunaan metafora perumpamaan, metafora alam dan juga metafora haiwan banyak digunakan sebagai medium komunikasi alam manusia seperti *manang* (pengamal ritual) khususnya dengan alam ghaib. Hal ini kerana, masyarakat Iban dipengaruhi dengan alam sekeliling yang tinggal di kawasan pendalaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Rumusan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang menjawab soalan kajian. Terdapat tiga dapatan yang diperoleh iaitu mengenal pasti kategori metafora yang membentuk *leka pelian,* berserta dengan maksud metafora menggunakan Teori Metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980) dan penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dan alam ghaib.

Berdasarkan perbincangan, metafora alam banyak digunakan dalam ketiga-tiga *leka pelian* iaitu, *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai, Pelian Belanchar Ba wung* dan *Pelian Kara Pejuang.* Selain daripada itu, penggunaan metafora alam juga banyak digunakan dalam komunikasi antara alam manusia dengan alam ghaib yang menunjukkan komunikasi timbal balik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian telah menunjukkan terdapat penggunaan kategori metafora yang disarankan oleh Lakoff dan Johnson (1984) dalam teori metafora konseptual. Benda-benda yang dijadikan sumber domain (SD) dalam kajian ini menunjukkan cara pemikiran masyarakat Iban tentang dunia ini. Shu Dingfang (2000) menyatakan bahawa, pemilihan sesebuah metafora adalah berdasarkan kepada beberapa faktor seperti bahasa, sosial dan kognisi. Pemahaman tentang sesuatu metafora yang bergantung kepada faktor-faktor tersebut

Berdasarkan dapatan kajian, *manang* (pengamal ritual) telah menggunakan unsur alam seperti hutan, dan tumbuhan sebagai sumber domain (SD). Pada masa yang sama, perlakuan manusia, dan binatang juga digunakan sebagai sumber domain (SD).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini kelima-lima kategori metafora iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora berunsurkan haiwan, metafora alam serta metafora perbandingan dan analogi digunakan dalam *leka pelian*. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa metafora juga digunakan sebagai pengantaraan alam manusia dan alam ghaib.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pendahuluan

Bab ini merumuskan perbincangan kajian secara keseluruhan kajian yang dilakukan menganalisis aspek metafora dalam puisi Iban iaitu *leka pelian* dengan menggunakan Teori Metafora Konseptual oleh Lakoff dan Johnson (1980). Di samping itu, kajian ini membuat kesimpulan berdasarkan analisis yang dihasilkan dalam Bab Empat serta memberi cadangan yang baharu untuk kajian lebih mendalam yang berkaitan dengan topik kajian ini. Di samping itu, sumbangan dan implikasi kajian juga dijelaskan. Bab diakhiri dengan kesimpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Kategori dan Maksud Metafora yang membentuk *Leka Pelian* berdasarkan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980)

Berdasarkan kajian dan analisis yang telah dilakukan terhadap tiga buah *leka pelian* iaitu *pelian orang sakit di tunang utai, pelian belanchar ba wung* dan *pelian kara pejuang* menggunakan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980) mendapati bahawa metafora alam banyak digunakan berbanding metafora yang lain. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian mengikut jenis *leka pelian* dan kategori metafora hasil analisis pada bab empat.

5.2.1 Perbincangan metafora abstrak ke realiti

Perbincangan dapatan kajian dalam bahagian ini selaras dengan soalan kajan iaitu apakah kategori dan metafora yang membentuk *leka pelian bebunuh* dalam perubatan tradisional Iban berdasarkan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Jadual 5.1 menunjukkan rumusan hasil daripada dapatan kajian. Jadual tersebut menunjukkan kategori metafora sekali gus membawa maksud yang terdapat dalam metafora yang terdapat dalam *leka pelian.* Teks puisi juga disertakan dalam jadual tersebut.

Jadual 5.1

Rumusan hasil dapatan pelian orang sakit ditunang utai

Jenis *Pelian*	Kategori metafora	Teks Puisi	Terjemahan
Pelian orang sakit	Metafora abstrak ke realiti	*Oh, oh, oh kasai oh,* ***Bekeberai dih bunga kasai,***	oh, oh, oh kasai (Buah kristal) oh,

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1 *(sambungan)*

ditunang utai		*Gugur tuai ningang ulai ulak leletang.*	**Bunga Kasai jatuh berguguran,** Gugur matang menimpa ombak yang deras,
		Kami Menani anang diuji Laban kami berani ati, tulung kempang, au kempang. ***Tuat-tuat bunga lensat tunsang dekai ketupang****, au tupang, Baru jamat bala Rechap ka ngambi semengat Au taja tuai manang, au manang.*	Kami Menani (*yang manang*) jangan diuji Kerana kami berani sehabis hati, tidak teragak-agak, tidak takut, **Junjungan bunga langsat songsang tidak akan menjadi buah,** Barulah benar anggota Renchap (Gelaran untuk manang) hendak mengambil roh (roh pesakit) Ya sungguhpun ketua *manang* (pengamal ritual), ya *manang* (pengamal ritual)
	Metafora perumpamaan	*Oh, oh, oh, ulak leletang, Lama lemai bala Gendai Ke bejalai niti sentali rumah panjai, Ka ngumbai ambai orang* ***peransang tulang****, oh tulang. (lambang kekuatan)*	Oh, oh, oh ombak deras, Lambat benar si Gendai Berjalan di sepanjang rumah panjang Ingin menyeru kekasih orang **peransang tulang** Oh Tulang
		Oh, oh, oh, ringgas di gagang "Ni nuan Melanyi Bujang Lempung tak lubah datai?" Baru bala Bidu nepan di menagu bali belumpung, Ke sayap bala Rechap adi Chelung, Kangau kami Duau enggau sentalau ujung dabung, Enda ga nuan datai. Ambi kami ***Ensung enggau geri leka gerunung,*** *Nadai ga nuan ninga telai jaku serengung,*	Oh, oh, oh, pokok yang tidak berdaun, "Di manakah dikau *Melanyi Bujang Lempung* lambat sampai?" *Bidu* baru naik Dijadikan sayap para *Rechap* (Gelaran untuk manang) adik *Chelung,* Kami seru *Duau (yang manang)* dengan seruan di hujung puncak Tidak jua engkau kemari. Diseru dengan **siulan bunyi loceng kecil**, Tidak jua kau mendengar

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1 *(sambungan)*

	Lama kami udah naga ka utai diempa piring tepung, *Sekumbang kedang bulan kembung.*	Sekian lama kami sediakan hidangan *piring tepung* buat mu, Semenjak bulan penuh.
	Oh, oh, duduk betentang, *"Uji kitu dulu nuan* *Melanyi Bujang Tinggi,* *Kami Jelapi ka* ***besendi kerigai jarang.***	Oh, oh, duduk betentang, Kemarilah dikau *Melanyi Bujang Tinggi*, Kami *Jelapi* ingin **berdamping seperti tulang rusuk jarang.**
Metafora haiwan	*"Au dih Gendai kaban Chelung,* *Aku ke laun datai tadi ari Bukit Irung-Irung,* *Aku agi belala begulai enggau Dara Lempung,* *Bejalai nengah tatai muting kampung,* *Ngambi mengkala* ***burung*** *la mipau umbang."*	"Ya, *Gendai* saudara *Chelung*, Aku terlambat dari Bukit Irung-Irung, Tidak ku puas bergaul bersama *Dara Lempung*, Berjalan melalui lereng - lereng bukit di hutan yang tebal, Tatkala **burung** makan buah berkulit nipis"
Metafora alam	*"Au," ku jaku Gendai,* *"Kebuah aku laun datai* *Ari bukit ba* ***pun bungai*** *sepiak menua Mandai,* *Aku agi belala begulai enggau Dara Pandai* *Ngambi engkerebai ringgas di gagang".*	"Ya" kata Gendai, "Aku lambat sampai kerana Dari bukit ***pokok bunga*** sebelah dunia *Mandai* (alam roh), Aku masih tidak puas bersama dengan *Dara Pandai* Masih mekar meskipun tidak berdaun di tangkai".
	Oh, oh, oh, ***ringgas di gagang***	Oh, oh, oh, **pokok yang tidak berdaun di tangkai**
	Ngambi ***engkerebai ringgas di gagang***	Supaya *engkerebai (psychotaria)* tidak berdaun di tangkai.
	"Au dih Gendai kaban Chelung, *Aku ke laun datai tadi ari* ***Bukit Irung-Irung,*** *Aku agi belala begulai enggau Dara Lempung,* *Bejalai nengah tatai muting kampung,*	"Ya, *Gendai* saudara *Chelung*, Aku terlambat dari **Bukit Irung-Irung,** Tidak ku puas bergaul Bersama Dara Lempung, Berjalan melalui lereng - lereng bukit di hutan yang tebal,

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1 *(sambungan)*

	Ngambi mengkala burung la mipau umbang."	Tatkala burung memakan buah"
	"Au dih Gendai adi Mepa", *Kebuah aku laun nurun* *Ari menua raya kami empu Melanyi Bujang Bula ari* ***Ulu Bukit,***	*"Au dih Gendai adi Mepa",* *Kebuah aku laun nurun* *Ari menua raya kami empu Melanyi Bujang Bula ari* ***Ulu Bukit,***
	Masukka labung tinggi ujak suli genalang ngembang, *Laban iya agi belala mai aku ngambi* ***lemba*** *Ke bejila ya merundai di gagang.*	Pakai topi (seperti tengkolok) Kerana masih tidak puas untuk mengambil daun ***lemba*** (piper umbellatum) Yang berjela di tangkai.
	Agi belala begulai enggau Dara Mereti, *Nurun menyaung Bukit Mempadi.* *Amat nuan udah naga ka utai diempa pamping piring sungki,* *Nya alai aku agi belala begulai enggau Dara Mereti,* *Tak lanji-lanji lekat di* ***tisi daun lalang,*** *Tempat betusi bekenang rambang."*	Tidak puas ku bersama dara Mereti Turun *Menyaung* (rusa lalang/ hutan belantara) *Bukit Mempadi.* Benarkah dikau sudah menyediakan hidangan persembahan piring sungki? Disebabkan itu aku masih tidak puas bersama dengan Dara Mereti, Cantik melekat di **sisi daun lalan**g Tempat bercerita kenangan dulu"
	Seringgang tanah liat *Bujang Manchal,* *Kami Sutar enda minjar enggau Gandar mata berayang.* *Kami Sayuh enda munuh nuan enggau sangkuh besantuk bangkang, oh bangkang.* *Kami Lansu nadai nganu nuan enggau duku taja keris manang, oh manang.* *Kami enda mujuk Bujang Gauk,* *Aku mai nuan saum ditu duduk,*	**Seluas tanah liat** Bujang Manchal, *Kami Sutar enda minjar enggau Gandar mata berayang.* Kami *sayuh* tidak membunuh kau dengan sangkuh bersalut timah, Kami *Lansu* (dewa) *manang* tidak marah menggunakan parang meskipun keris *manang* Kami tidak memujuk Bujang Gauk, Aku seru kau duduk bersama Berkongsi penduduk

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1 *(sambungan)*

	Au saum seringgang (terbuka luas/ duduk dengan dua kaki terbuka luas) oh, ringgang.	
	Oh, oh, udi retap-retap ***daun emperingat,***	Sesudah jatuh ***daun emperingat***
	Endang nimang kami Rechap ke bepantap beputus ***bukang***	Sememangnya memuji *Rechap* yang bertarung hingga ke hujung nyawa
Metafora perbandingan dan analogi	*Oh, oh, oh, peransang tulang,*	Oh semangatku
	"Ni nuan entupan laun datai?" ku melanyi Bujang Besai,	"Di manakah dikau pusaran air yang lambat sampai?" kata Bujang Besai
	Kangauka bala Duau nyerumba silau hari lemai,	Menyeru rombongan Duau di senja hari,
	Tutung sida enggau gerunung geri Brunei	Lama mereka dengan tulang loceng kecil dari Brunei,
	Lama kami Gepa udah ngaga utai diempa piring rendai,	Sudah lama kami Gepa sudah menyediakan hidangan persembahan untuk semangat Dewa Dewi,
	Asai makai kamai sempadan arang.	**Seperti rasa arang telur sempidan (sejenis burung)**

Jadual 5.1 menunjukkan kategori metafora dan maksud metafora dalam *pelian orang sakit di tunang utai*. Metafora merupakan sebuah alat dalam menyampaikan buah fikiran seseorang tentang konsep. Penggunaan metafora bertindak untuk mengindahkan sesuatu karya sastera, di samping menyampaikan maksud sesuatu konsep dengan mudah dan tepat. Ini turut disokong dengan pendapat Lakoff dan Johnson (1984) pemahaman tentang sesuatu konsep dan metafora memerlukan tahap kognisi yang tinggi. Penggunaan metafora dalam sesuatu karya dapat menonjolkan asal usul dan budaya sesuatu masyarakat (Lakoff & Johnson, 1980).

Berdasarkan jadual 5.1 di atas, kajian dan analisis yang telah dilakukan terhadap *leka pelian* menggunakan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didapati bahawa metafora alam paling banyak digunakan dalam *leka pelian orang sakit ditunang utai.* Hal ini kerana konteks alam dan budaya yang mendasari kewujudan bahasa kiasan metafora dalam puisi Iban (Saripab Banseng & Rosline Sandai). Selain itu, Metafora-metafora yang digarap dalam *leka pelian* ialah metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora haiwan dan metafora analogi. Kajian ini juga menunjukkan penggunaan metafora haiwan banyak digunakan dalam *leka pelian.*

Berdasarkan dapatan kajian, metafora alam lebih dominan dalam ketiga-tiga *leka pelian* yang terpilih iaitu sebanyak 20 buah metafora. Dalam *leka pelian orang sakit ditunang utai* terdapat 11 penggunaan metafora alam yang menunjukkan penggunaan metafora alam paling banyak digunakan. Hal ini kerana kewujudan metafora dalam masyarakat Iban di pengaruhi dengan kehidupan seharian yang dekat dengan alam. Kajian ini disokong oleh kajian Saripah Banseng dan Rosline Sandai (2017) dalam kajian unsur bahasa kiasan metafora dalam *sampi* Iban. Kajian tersebut menyatakan bahawa unsur alam yang mendasari kewujudan bahasa kiasan metafora kerana pengaruh daripada penempatan masyarakat Iban yang terkenal tinggal di pendalaman.

Kajian ini juga selaras dengan kajian Norjietta Julita Taisin (2019) yang menyatakan bahawa unsur metafora alam digunakan dalam pantun masyarakat Kadazandusun dalam menyampaikan, nasihat teguran dan sindiran. Kajian ini menggunakan metafora alam sebagai alat komunikasi untuk berkomunikasi secara sopan dengan makhluk ghaib. Contoh nya menggunakan metafora pokok bunga dalam menggambarkan perbezaan keadaan pesakit di alam roh dan dunia nyata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.2

Rumusan hasil dapatan pelian belanchar ba wung

Jenis Pelian	Kategori metafora	Teks Puisi	Terjemahan
Pelian belanchar ba wung	Metafora perumpamaan	*Aih, orang, aih orang,* *Tak enda beriap bangkung Rechap,* *Belanchar ba wung ringkat empat,* *Ngelaban bakat oh taja* ***gigi gumbang****, au gumbang.*	Tidak riak *bangkung* (sj perahu) *Rechap,* Meluncur di air terjun empat tingkat, Melawan bakat meskipun **gigi bergelombang**
	Metafora haiwan	*Baru mai Nyara ke belanchar di wung beranggung ringkat lima,* *Masukka kepiu baju taya enggau sengkilung labung perecha,* *Enda ga aku bebadi lesi lela,* *Enda basah lelaga ya* ***bulu ruai lalang***	Baru bawa *Nyara* melunchur di air terjun bersusun lima tingkat, Memakai baju putih seperti kapas disertakan dengan serban lingkaran sapu tangan, Tidak jua aku mati Tidak basah jambul **lalang bulu ruai.**
		Oh, awa, *Tak ruat-ruat mih yang kitai berani changka,* *Belanchar belabuh ke di wung ringkat tiga,* *Ngagai menua sida Endu Dara Rambai Geruda,* *Ngansau semengau sida Endu Dara,* *Lama udah sakit ke di kulit senda rasa,* *Dia iya balat nyelai tak beli panggung gila.* *Oh, enti munyi nya,* *Anang kakang kitai ngumbai yang kitai* ***Baya,*** *Dia tinda kitai belanchar enggau singkap pinggai kemuja,* *Nepan di pala yang kitai* ***Baya,***	Oh, awa, Sagat berani *yang* (pendamping roh) kita, Mula meluncur ke air terjun tiga tingkat, Ke dunia *Endu Dara Rambai Geruda,* Mencari roh mereka *Endu Dara,* Lama sudah menghidapi sakit kulit, Oleh itu dia aneh seolah-olah bodoh seperti orang gila, Oh, jika begitu, Janganlah kau ragu-ragu menyeru *yang* (pendamping roh) kita **Buaya,** Kita akan meluncur dengan menggunakan sekeping pingan,

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.2 *(sambungan)*

	lya endang berani nukangka nyawa pun rang, au rang	Menungang kepala *yang* (pendamping roh) kita **Buaya,** Ia sangat berani membuka mulut dengan luas,
	rang, *Ni dih yang kitai jelu* ***Remaung*** *Belanchar ke di kaki pala wung,* *Uji nuan kitu bekayuh-kayuh* *Nepan di luan atas pinggai jebung,* *Aku nepan ba nuan* ***kerampu jelu Remaung****,* *Ngagai menua sida Linggung* *Belanchar di wung gegurung tujuh gelenggang,* *Laban yang kami jelu* ***Remaung*** *berani rampung,* *Oh, awa, wa, pun Ku taja ngepung oh, oh la ngepung orang.*	Oh, awa, wa, pun rang, Di manakah yang kita **Remaung** Meluncur dari kaki kepala air terjun, Kemari kau berkayuh-kayuh Naik ke atas pinggan jebung, Aku menumpang di atas kau **kerampu jelu Remaung**, Ke dunia mereka *Linggung* Meluncur di air terjun mengalir tujuh tingkat Kerana kami **Remaung** sungguh berani, Meskipun sekadar mengepung.
Metafora alam	*Oh, awa, wai, lalang,* *Tu baru bala Gendai jauh* ***malam tegayam*** *lama lemai,* *Gali tak galan-galan mangkang* ***wung ke beranggung ringkat tigai****,* *Nepan di singkap pinggai pemakai,* *Endang perau kami Lansu bangkung Gendai,* *Bau dih bala Bidu* *Teleba tepan ke menyagu ampang belulai,* *Ukai tu pua ngapa pua pia,*	Oh, awa, wai, lalang, Ini dia anggota Gendai jauh di **dalam kepekatan malam**, Baring tidak berambut di **air terjun yang bertindih tiga tingkat,** Menaiki sekeping pinggan makan, Sememangnya perahu ka Lansu (*yang Manang*) bangkung (sejenis perahu) Gendai (*Yang manang*) Aroma *Bidu* Selalu menaiki *menyagu ampang belulai,* Ini bukan selimut biasa
	Gaga Endu sulu sida Bidu Kumang Kelechai,	Ini bukan selimut biasa,

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.2 *(sambungan)*

	Lebuh iya ke belelang ke Batang Rajang ngulu Entabai, *Dia iya ngibun **pun berangan tuai*** *Enggi Gepi adi Gendai,* *Dia randa iya ngaga pua ampang begajai,* *Endang disadang iya ke sayap beambaika sida Gendai.* *Nya alai iya tadi ngambi aku nyadi Matai,* *Belanchar di wung numbuk pendai sida Indai Bilai,* *Enda ga iya bebadi lesi laya nadai* *Nanjak wung gegurung ringkat tigai,* *Ngasuh iya sidi ke di jari tunjuk pemakai,* *Bisa iya ke di nyawa dabung (banyak puncak) landai,* *Tau nyagam Batang Limban,* *Nyidi ai Ulu Batang Mandai.*	Gembiralah *Endu Sulu* mereka *Bidu Kumang Kelechai* (makhluk mitos/ gelaran manang) Bila dia belayar ke Batang Rajang hulu Entabai, Di situlah dia memelihara **pohon berangan tua** milik *Gepi* adik *Gendai,* Di situlah kesuburannya membuat selimut bercorak gebar *(begajai) (satu corak dalam tenunan seperti katak)* Tidak sangka ia menjadi sayap bersama *Gedai* Oleh kerana itu, dia mempergunakan aku untuk menjadi Matai, Meluncur di air terjun menumbuk permandian *Indai Bilai,* Tidak jua dia mati Melawan arus air terjun tiga tingkat, Meminta ia jejak yang di jari tunjuk makanan Bisanya yang di jiwa puncak-puncak bukit yang rata, Boleh bermain *Batang Limban* (tempat selepas kubur dalam perjalanan ke Mandai) Menelusuri air *Ulu Batang Mandai*

Berdasarkan jadual 5.2 menunjukkan kategori metafora dan maksud metafora dalam *pelian belanchar ba wung*. *Pelian* ini digunakan untuk mengubati pesakit yang mengalami gangguan mimpi karam menggunakan perahu. Berdasarkan analisis kajian di bab 4 menunjukkan metafora alam banyak digunakan dalam *leka pelian* ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Saripah Banseng dan Rosline Sandai (2016) menyatakan bahawa unsur haiwan dan alam digunakan sebagai medium komunikasi masyarakat Iban. Dalam kajian *leka pelian* ini, metafora berunsurkan haiwan dam alam telah digunakan sebagai medium komunikasi. Hal ini kerana *manang* (pengamal ritual) melagukan *leka pelian* berlatarbelakangkan unsur alam seperti daun lalang, daun lemba, hutan dan lain-lain sebagai metafora. Selain itu, terdapat juga unsur haiwan seperti burung ruai, buaya, memerang, bangau putih dan labi-labi. Kajian ini disokong oleh Resa Sindi Harja (2014) yang menyatakan bahasa kiasan metafora terbentuk daripada unsur tumbuhan yang terbahagi kepada tiga struktur iaitu unsur tumbuhan, jenis tumbuhan dan perkara yang berkaitan dengan tumbuhan.

Pandangan masyarakat terhadap sesuatu perkara berbeza-beza berbanding orang lain. Penggunaan metafora alam seperti laut dalam *leka pelian* membawa sesuatu tempat yang tenang, indah dan sangat cantik jika memandang. Penggunaan laut sebagai jiwa yang tenang mahupun bergelora bergantung pada konteks penggunaannya mengikut tahap kekreatifan masing-masing. Lakoff dan Johnson (1980), menjelaskan bahawa untuk memahami metafora sangat penting bagi mewujudkan maksud dalam sesuatu karya.

Jadual 5.3

Rumusan hasil dapatan pelian kara pejuang

Jenis Pelian	Kategori metafora	Teks Puisi	Terjemahan
Pelian kara pejuang	Metafora abstrak ke realiti	***Di puchuk kara berimbai leludai sama betentang***, *ya tentang.*	Di **pucuk ara bersebelahan sepoi-sepoi sama bertentangan**
	Metafora perumpamaan	*Tu baru kami ngumbai*	Ini aku baru menyeru

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.3 *(sambungan)*

		Yang kami manang udah ka nuntung datai, *Enggau ke besaruk duduk berimbai,* *Tinda kami betapak mua,* ***Segulai kerigai rusuk marang.***	*Yang* (pendamping roh *manang)* kami sudah tiba, Dengan bersama/bercampur duduk bersebelahan, Tidak menyembunyikan muka, **Bersama seperti rusuk** (simbol dekat yang teramat sangat)
		"Kati ku enda ngumbai, *Peda penyakit sida Indai Burung Ruai,* *Nyawa iya enda masuk* ***sera padi nubai,*** *Lama penyakit ke ingga lekat di kerigai rusuk jarang.* *Aku mai nuan ngumbai enggau Batu Bangkai,* *Nya ukai batu ngapa, batu pia,* *Kena tua ngangkat bangkai* *Orang ke nadai, lama tumbang,"*	"Bagaimana aku tidak menyeru, Lihatlah penyakit *Indai Burung Ruai,* **Dia tidak berselera** Lama sudah penyakit singgah lekat di rusuk Ku bawa kau menyeru dengan *Batu Bangkai,* Bukan batu sembarangan batu, Batu untuk membangkitkan mayat/ roh Orang yang telah lama mati"
	Metafora haiwan	*Ari puchuk kara bebandung* *Tepan burung* ***Bangau Labang,*** *au Labang.*	Dari pucuk kara berkembar Dihinggapi burung **Bangau Labang (putih)**
		Oh, kami enda kakang masuk kepiu baju panjai, *Terebai kami ngansau semengau sida* ***indai Burung Ruai****,* *Ada nipas puting baju panjai sida Gendai*	Kami tidak teragak-agak memakai perisai baji panjai, Kami terbang mencari roh **Ibu Burung Ruai,** Lahir menepis hujung baju panjai *Gendai,*

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.3 *(sambungan)*

		Kelapung (hujung) *burai* (rambu pada rantai leher yang diperbuat daripada manik) *gerunung sanggang* (loceng kecil yang diperbuat daripada tembaga)*, oh sanggang.*	*Kelapung* (hujung) *burai* (rambu pada rantai leher yang diperbuat daripada manik) *gerunung sanggang* (loceng kecil yang diperbuat daripada tembaga)*, oh sanggan*
		Uii churi-churi tua *Menani ke* ***Lelabi*** *Ku taja* ***indu Gumba*** *au Gumba,* *Tulung uji tua ma* *Ulih yang kitai kekamba Manang berambau dara au dara* *Bai terebai semengat kitai* *Gendai pulai ke menua,* *Sida indai tu tadi sakit enda nyamai,* *Bai kita pulai,* *Bai yang kitai* *Mentawai chita au chita.* *Enda lama kami baru leka pelian nya,* *Kitai Nyara ke telengga,* *Semengat diambi kitai pulai* *Ngagai jangka taja rumah raya, au raya.*	Curi-curi kita Menani (dewa/ manang) untuk **labi-labi** Walaupun ***indu Gumba*** *au Gumba (sj labi-labi air tawar)* Cuba kita pikul Bolehkah kita *Manang* bersama dara Bawa terbang roh *Gendai* kembali ke dunia, Ibu mereka sakit tidak selesa, Bawa kembali, Bawa *yang Mentawai chita* Sebentar saja masih baru *leka pelian itu,* Kita menyambut yang terbuka, Roh diambil kita kembali Ke tulang selangka sungguhpun rumah sakit tenat
Metafora alam		*Tu baru dih anak yang Gelanyang manang Empung,* *Bau bala Bidu tepan menyagu ampang belumpung,* *Tanchangka kami manang*	Inilah anak *Yang Gelanyang manang Empung* (gelaran) *Manang belembang bali landung* tolong ikatkan kami,

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.3 *(sambungan)*

	belembang bali landung, *Nya ke tenggau kami Duau adi Chelung,* *Terebai bala Gendai ngagai* ***puchuk Kara Riung,*** *Ngansau semengau sida indai Dara Lempung,* *Ninga tak bisi mimpi kena churi sida Gerasi* *Ari puchuk* ***Kara Riung dua bebandung,*** *Beguai kami ngambi semengat iya pulai* *Ari puchuk* ***kara bebandung*** *Tepan burung Bangau Labang, au Labang.*	Itu menjadi panduan kami *Duau adi Chelung, Gendai* terbang ke puncuk **pokok Kara Riung,** Mencari roh *indai Dara Lempung,* Desas-desus berita menyatakan bermimpi kena curi Gergasi (jin) Dari pucuk **Kara riung berkembar** Dengan pantas kami mengambil rohnya kembali Dari pucuk **kara berkembar** Dihinggapi burung Bangau Labang (putih)
	Ngansau semengau sida Indai Burung Ruai, *Lama ti udah sakit ke di kulit nyerak kerigai,* *Nyawa ke besera* ***padi nubai****,*	Mencari roh *Indai Burung Ruai,* Lama sudah sakit kulit antara rusuk, Selera seperti **padi nubai** (tidak berselera)
	Oh, oh, oh, lama tumbang, *Nadai tua nemu semengar sida Indai Burung Ruai* *Di Kara Penjuang dua berimbai,* *Uji tua terebai* ***jauh malam lama lemai*** *Ngulu ngagai menua orang bukai.* *Mudik tua ngagai menua*	Oh lama mati, Tidak kau tahu roh *Indai Burung Ruai* Di pokok ara berpangkah dua bersebelahan Cuba kita terbang **jauh malam lama petang** Menemani ke dunia orang lain. Belayar ke tempat asal Jika dia ada,

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.3 *(sambungan)*

	Enti iya bisi, *Beguai tua ngambi semengat iya pulai,* *Takutka iya begulai enggau sida Indai Bilai* ***Seberai tatai madang kemelang,*** *oh melang.*	Dengan pantas kita mengambil rohnya kembali, Takut ia bersama dengan *Indai Bilai* **Seberang lereng madang kemelang** (sj tumbuhan)
Metafora perbandingan dan analogi	*Tulung uji tua ma* *Ulih yang kitai kekamba Manang berambau dara au dara* *Bai terebai semengat kitai* *Gendai pulai ke menua,* *Sida indai tu tadi sakit enda nyamai,* *Bai kita pulai,* *Bai yang kitai Mentawai chita au chita.* *Enda lama kami baru leka pelian nya,* *Kitai Nyara ke telengga,* *Semengat diambi kitai pulai* ***Ngagai jangka taja rumah raya****, au raya.*	Cuba kita pikul Bolehkah kita *Manang* bersama dara Bawa terbang roh Gendai kembali ke dunia, Ibu mereka sakit tidak selesa, Bawa kembali, Bawa *yang Mentawai chita* Sebentar saja masih baru *leka pelian itu,* Kita menyambut yang terbuka, Roh diambil kita kembali Ke tulang selangka sungguhpun rumah sakit tenat

Jadual 5.3 menunjukkan metafora yang terdapat di dalam *pelian kara pejuang.* Dalam *leka pelian* ini menunjukkan penggunaan metafora alam juga banyak digunakan oleh *manang* (pengamal ritual) sebagai bahasa kiasan dalam berkomunikasi dengan alam ghaib. Hal ini kerana pengaruh daripada keadaan penempatan kawasan Iban dahulu yang dikelilingi oleh alam dan juga haiwan-haiwan. Menurut Robert Menua Saleh (2022) masyarakat Iban kebanyakan tinggal di kawasan tebing sungai dan kawasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendalaman bagi memudahkan mendapatkan sumber makanan untuk kehidupan seharian sekali gus memudahkan sistem pengangkutan melalui sungai.

Pandangan masyarakat terhadap sesuatu perkara berbeza-beza antara satu sama lain. Pandangan pertama, hutan merupakan sesuatu tempat yang tenang yang dihiasi tumbuhan hijau dan dipenuhi bunyi unggas. Dari sudut pandang yang lain pula, hutan dihuni oleh pelbagai jenis binatang. Penggunaan hutan sebagai bahasa kiasan membawa maksud jiwa yang tenang. Namun begitu ia bergantung pada konteks di mana perkataan tersebut digunakan (Lakoff dan Johnson, 1980). Lakoff dan Johnson juga menjelaskan bahawa konteks ayat memainkan peranan yang penting dalam memahami sesuatu metafora. Kenyataan tersebut juga disokong oleh Derry dan Latifa (2022) dalam kajian *Tinjauan atas Relasi Bahasa dan Pikiran serta Implikasinya Terhadap Penerapan Teori Metafora Konseptual* menunjukkan hipotesis Sapir-Whorf menyatakan bahawa terdapat relasi tertentu antara bahasa dan fikiran.

Kajian ini juga didapati dengan pendapat Ricoeur (1978) bahawa perkataan sebagai unit untuk rujukan. Dengan hanya membaca unit leksikal sahaja boleh mengesan bahawa perkataan itu merupakan metafora. Metafora dikatakan sebagai satu perkataan tunggal yang membawa makna figuratif. Contohnya loceng kecil (*gerunung geri*) merujuk kepada seruan yang nyaring daripada *manang* (pengamal ritual) untuk memanggil *Bujang Melanyi* dalam *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai*. Hal ini kerana sifat atau simbol loceng yang menghasilkan bunyi yang nyaring ketika pergerakan berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980) digunakan dalam kajian ini berfungsi untuk menganalisis maksud kategori metafora yang digunakan dalam kajian ini. Pemahaman tentang sesuatu metafora dan konsep akan berubah mengikut tahap kognisi manusia (Lakoff & Johnson, 1980). Hal ini bermakna pandangan manusia tentang sesuatu objek dan konsep akan berubah mengikut tahap pemahaman masing-masing. Berdasarkan analisis kajian, terdapat lima kategori metafora iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora berunsurkan haiwan, metafora alam serta metafora perbandingan dan analogi.

Kajian ini selaras dengan kajian Zitul Azma Zainon dan Fuad Mat Hassan (2011) menyatakan bahawa bahasa kiasan diungkapkan dengan bersumberkan alam semesta. Menurut Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980), sumber domain (SD) yang digunakan mendasari bahasa kiasan metafora dalam *leka pelian* ini terdiri daripada lima kategori metafora iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora berunsurkan haiwan, metafora alam serta metafora perbandingan dan analogi.

Jessica Dato, Rosline Sandai dan Taufik Dermawan (2020) membuktikan bahawa unsur-unsur yang digunakan dalam metafora merupakan medium untuk menyatakan warisan tradisi, kehadiran entiti atau roh, pesembahan sajian (*piring*), jenis ayam, kekuatan ayam, perwatakan tetamu yang hadir ke persembahan sajian piring dan keindahan alam. Oleh kerana *leka pelian terpilih* berlatarbelakangkan kehidupan di hutan, unsur -unsur alam digunakan sebagai sumber domain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Penggunaan metafora sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib

Metafora merupakan medium komunikasi antara *manang* (pengamal ritual) dengan alah ghaib dalam kajian ini. Namun begitu, hanya dua buah *leka pelian bebunuh* yang menggunakan metafora dalam berkomunikasi. Dua *leka pelian* tersebut ialah *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai* dan *Pelian Kara Pejuang.* Jadual 5.2 menunjukkan jenis *pelian* besertakan terjemahan bagi metafora yang terlibat.

Jadual 5.4

Metafora sebagai pengantaraan alam manusia dan alam ghaib

Jenis *Pelian*	Kategori metafora	Teks	Terjemahan
Pelian Orang Sakit Ditunang Utai	Metafora alam	*"Au," ku jaku Gendai,* *"Kebuah aku laun datai* *Ari bukit ba pun* ***bungai*** *sepiak menua Mandai,* *Aku agi belala begulai enggau Dara Pandai* *Ngambi* ***engkerebai*** *ringgas di gagang".*	"Ya" kata Gendai, "Sebab kenapa aku lambat sampai Dari bukit **pokok bunga** sebelah dunia Mandai, Aku masih tidak puas bersama dengan Dara Pandai Supaya ***engkerebai (psychotaria)*** tidak berdaun di tangkai".
		"Ni nuan ke Melanyi Bujang Bula? Tak lubah laun datai Dikangau kami Duau nyereta **silau sabung linda**, Ensung bala Empung enggau	"Di manakah dikau Melanyi Bujang Bula? Lambat benar kau sampai, Kami seru Duau bersama **senja yang mendung,** Siulan para Empung dan bunyi **loceng kecil,**

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.4 *(sambungan)*

		gerunung geri lama, Kangau bala Duau enggau tempalau dabung rasa, Lama aku udah naga ka nuan utai diempa, Piring asi ja enda jena-jena jantau jentawang?"	Seru Duau dengan seruan di puncak puncak bukit Sekian lama aku telah menyediakan hidangan buatmu Persembahan nasi sahaja?"
		"Au dih Gendai adi Mepa", Kebuah aku laun nurun Ari menua raya kami empu Melanyi Bujang Bula ari **Ulu Bukit**, Laban aku agi belala ka masukka tingga Mangka di janga bau nukang. Dara Tinggi agi belala pinta anti Masukka labung tinggi ujak suli genalang ngembang, Laban iya agi belala mai aku ngambi **lemba** Ke bejila ya merundai di gagang.	"Ya *Gendai* adik Mepa", Sebab aku lambat Dari tempat kami Melanyi Bujang Bula dari Ulu Bukit, Kerana aku masih tidak puas makan Dara Tinggi masih tidak puas untuk di tunggu Pakai topi (seperti tengkolok) Kerana masih tidak puas untuk mengambil daun lemba (*piper umbellatum*) Yang berjela di tangkai
	Metafora perumpamaan	*"Ni nuan Melanyi Bujang Lempung tak lubah datai?"* *Baru bala Bidu nepan di menagu bali belumpung,* *Ke sayap bala Rechap adi Chelung,* *Kangau kami Duau enggau sentalau ujung dabung,*	"Di manakah dikau Melanyi Bujang Lempung lambat sampai?" Bidu baru naik Dijadikan sayap para Rechap adik Chelung Kami seru Duau dengan Sentalau di hujung puncak Tidak jua engkau kemari.

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.4 *(sambungan)*

		Enda ga nuan datai. *Ambi kami Ensung enggau* ***geri leka gerunung****,* *Nadai ga nuan ninga telai jaku serengung,* *Lama kami udah naga ka utai diempa piring tepung,* *Sekumbang kedang* ***bulan kembung.***	Diseru dengan siulan bunyi **loceng kecil,** (sema k ngau gerunung laban bunyi nyaring) Tidak jua kau mendengar Sekian lama kami sediakan hidangan buatmu, Semenjak **bulan penuh.**
Pelian Kara Pejuang	Metafora alam	*"Nama ke dikumbai nuan Gendai* *Enda tau badu* ***jauh malam lama lemai?"***	"Apa yang kau seru itu Gendai Tidak berhenti jauh malam petang yang lama?"
	Metafora haiwan	*"Kati ku enda ngumbai,* *Peda penyakit sida* ***Indai Burung Ruai,***	"Bagaimana aku tidak menyeru, Lihatlah penyakit ***Indai Burung Ruai,***
	Metafora perumpamaan	*Nyawa iya enda masuk* ***sera padi nubai****,* *Lama penyakit ke ingga lekat di kerigai rusuk jarang.* *Aku 151ain uan ngumbai enggau Batu Bangkai,* *Nya ukai batu ngapa, batu pia,* *Kena tua ngangkat bangkai* *Orang ke nadai, lama tumbang,"*	Dia tidak berselera Lama sudah penyakit singgah lekat di rusuk Ku bawa kau menyeru dengan *Batu Bangkai,* Bukan batu sembarangan batu, Batu untuk membangkitkan mayat/ roh Orang yang telah lama mati",

Jadual 5.4 di atas menunjukkan penggunaan metafora sebagai pengantaraan atau sebagai alat komunikasi antara alam manusia dengan alam ghaib. *Pelian Orang Sakit Ditunang Utai* banyak menggunakan metafora sebagai pengantaraan alam manusia iaitu *manang* (pengamal ritual) dengan entiti ghaib. Seterusnya diikuti dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelian Kara Pejuang. Namun begitu hanya tiga kategori metafora yang terlibat sebagai pengantaraan alam manusia dengan alam ghaib, sembilan metafora alam dan lima metafora perumpamaan.

Peter (2011), membuktikan bahawa terdapat penggunaan bahasa kiasan metafora dalam komunikasi alam manusia dengan alam ghaib Patricia Matusky (2012) menekankan bahawa terdapat jalur komunikasi yang kuat antara dunia nyata dan tidak nyata yang dijalin melalui nyanyian teks puisi ritual masyarakat Iban sangat berkesan dalam proses penyembuhan khusus. Penggunaan metafora menjelaskan hubungan yang baik antara alam manusia dan alam ghaib.

Metafora yang digarap dalam *leka pelian* terpilih menjadi saluran dalam berkomunikasi dengan alam ghaib dalam upacara ritual masyarakat Iban. Metafora alam mendominasi penggunaan metafora dalam *leka pelian* sebagai komunikasi antara alam manusia dengan alam ghaib. Hal ini kerana, *leka pelian* atau puisi Iban dipengaruhi oleh alam sekeliling yang berlaku (Sather, 1980). Tambahan pula, masyarakat Iban pada zaman dahulu tinggal di kawasan pendalaman dan amat sinonim dengan hutan yang tebal dalam melakukan segala aktiviti seperti berburu (Joan, 2015).

Perkara yang sama berlaku dalam penggunaan metafora haiwan. Penggunaan metafora haiwan dalam *leka pelian bebunuh* adalah dipengaruhi oleh aktiviti harian masyarakat (Julian Edward, 1998) Zaman dahulu yang sering berburu ke dalam hutan untuk mencari rezeki. Haiwan buas ataupun unggas dijadikan kiasan dalam berkomunikasi untuk tidak melanggar pantang larang semasa di dalam hutan. Hal ini kerana masyarakat Iban percaya jika mengeluarkan kata-kata yang tidak sopan akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendatangkan bala terhadap pelaku (Jefrry & Subet, 2018). Oleh itu, penggunaan bahasa kiasan sebagai komunikasi penting dalam berkomunikasi dengan alam ghaib mahupun sesama manusia.

Kajian ini selaras dengan kajian Empiang Liman et al. (2019) menggunakan unsur alam dalam *Timang Gawai Kelingkang.* Unsur alam digunakan bagi melemahkan semangat musuh. Setiap seni kata yang dilagukan dalam *timang* tersebut adalah berbentuk sindiran dan merendahkan martabat musuh. Para *lemambang* menggunakan istilah yang terdapat dalam proses bertanam padi bagi menggambarkan situasi yang berlaku di rumah musuh. Dalam *leka pelian bebunuh* digunakan sebagai kiasan untuk menggambarkan tahap selera makan pesakit di dunia nyata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rumusannya, metafora kajian ini mendapati unsur alam dan unsur haiwan yang mendominasi penggunaan metafora dalam *leka pelian bebunuh* memainkan peranan penting dalam mencetuskan bahasa kiasan metafora. Dapatan kajian ini disokong oleh teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980) yang melihat bahawa bahasa merupakan sesuatu lambang dan mempunyai maksud serta mempunyai unsur yang membentuknya (Lakoff & Johnson, 1980). Kajian ini turut menyokong bahawa masyarakat dipengaruhi oleh persekitaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Sumbangan Kajian

Kajian ini memberi sumbangan yang besar kepada generasi muda khususnya masyarakat Iban. Hal ini kerana berdasarkan kajian dapat menjadi medium untuk menyalurkan ilmu pengetahuan kepada generasi muda. Dengan adanya pengetahuan sedemikian, generasi muda khususnya masyarakat Iban boleh mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan dengan perubatan tradisional *pelian.*

Di samping itu, kajian ini menyumbang kepada organisasi pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sastera Bahasa Iban. Para pendidik boleh meluaskan ilmu pengetahuan berkaitan metafora dan *leka pelian* dalam pengajaran Bahasa Iban. Kajian ini bakal mengisi kelompong yang terdapat pada bidang semantik khasnya kesusasteraan Bahasa Iban.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini turut memberi sumbangan kepada pelestarian tradisi lisan masyarakat Iban. Pengekalan tradisi lisan membantu masyarakat memahami dan mengetahui sejarah, kepercayaan lama serta pemikiran budaya yang menjadi identiti dan keunikan sesebuah masyarakat di dunia. Mohd Taib Osman (1989), menyatakan bahawa sekiranya masyarakat tidak mengambil kira tentang pentingnya tradisi sendiri, tradisi lisan akan kehilangan fungsi dalam kehidupan sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Implikasi Kajian

Implikasi kajian ini ialah dapat memperkaya ilmu pengetahuan generasi muda khususnya masyarakat Iban tentang kemahiran berbahasa dengan betul. Hal ini kerana, penggunaan metafora yang digunakan di dalam *leka pelian* menunjukkan tahap kreativiti pengamal ritual dalam berkomunikasi dengan baik. Teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980) yang digunakan dalam kajian mendasari sumber domain (SD) digunakan untuk menyatakan maksud sebenar sumber sasaran (SS).

Selain itu, terdapat banyak jenis *pelian* dalam masyarakat Iban. Antaranya ialah *Pelian Nimang Lupung Enggau Ubat Tauka Besua, Pelian Mensiang Diri, Pelian Belimbu Enggau Betawai* dan *pelian* yang lain. Kajian ini mengkaji *Pelian Bebunuh.* Kajian ini boleh dijadikan panduan dalam menjalankan kajian dalam aspek yang sama iaitu metafora namun menggunakan jenis *pelian* yang lain.

Sistem pendidikan perlulah menekankan pengajaran dan pembelajaran tradisi lisan khususnya puisi-puisi tradisional. Bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pengenalan komponen sastera pada peringkat sekolah menengah telah lama diperkenalkan. Manakala bagi bahasa ibunda seperti Bahasa Iban hanya dijadikan sebagai mata pelajaran tambahan. Komponen sastera perlu diperluaskan dalam mata pelajaran Bahasa Iban kerana mampu menjadi medium dalam membentuk akhlak masyarakat melalui karya sastera.

Unsur metafora yang digunakan dalam *leka pelian* dapat mencetuskan pemikiran kreatif dan kritis murid. Tambahan lagi, penggunaan metafora dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengetengahkan cara hidup, budaya, adat tradisi dan pemikiran generasi dahulu. Hal ini kerana kajian ini membuktikan banyak penggunaan metafora dalam *leka pelian* sebagai alat komunikasi alam manusia dengan alam ghaib.

Kesimpulannya, penggunaan metafora menjadi asas kepada tercetusnya pemikiran kreatif dan kritis manusia. Manusia mampu berfikir dan membandingkan beza baik buruk sesuatu perkara dengan mudah menggunakan metafora. Pemahaman yang jelas berkaitan metafora dapat membantu masyarakat memahami maksud tersirat dan tersurat dalam *leka pelian.*

5.6 Cadangan Kajian Seterusnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian metafora perlu diperluaskan dengan mengkaji sampel kajian daripada bidang seperti pendidikan dan perubatan seperti mana yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji Barat.

Kajian ini menggunakan *leka pelian* yang merupakan puisi bagi mengubati orang sakit sebagai data. Jenis *pelian* adalah bergantung kepada jenis penyakit dan tujuan ritual yang hendak dijalankan. Awal dari ritual *pelian* ini, *manang* akan *begama* iaitu mengubati penyakit di bahagian badan pesakit menggunakan jari. Terdapat tujuh jenis *Pelian* yang terdapat di dalam buku *Pelian* iaitu *Pelian nimang lumpung enggau ubat tauka besapu, pelian mensiang diri, pelian bebunuh, belimbu engau betawai, beserara bunga, bebangun enggau betimba* dan *mulaika semengat.* Sehubungan dengan itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam mengkaji *leka pelian* yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lainnya. Hal ini kerana, terdapat banyak jenis *pelian* yang mempunyai teknik penulisan dan penyampaian yang lebih kurang sama.

Kajian terhadap karya sastera perlu diperbanyakkan supaya boleh memberi sumbangan dan faedah kepada mereka yang ingin menyertai dalam penulisan karya sastera. Pengkaji boleh mendedahkan masyarakat kepada cara penggunaan teknik penulisan sastera. Analisis yang dilakukan boleh membantu pembaca untuk mendapatkan idea baharu dalam penghasilan karya sastera yang menerapkan pelbagai jenis metafora.

Kesimpulannya, kajian ini mewujudkan banyak pengkaji yang berkaitan dengan teks dan karya sastera mampu mempelbagaikan lagi kajian yang berkaitan dengan metafora dari aspek yang lain. Kajian ini juga boleh dijadikan sumber rujukan bagi pengkaji yang akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7 Kesimpulan

Kajian ini dapat merungkai permasalahan dalam *leka pelian* iaitu maksud yang tersirat metafora dalam *leka pelian.* Sumber data diambil daripada buku *Pelian* disusun oleh Robert Menua Saleh, Jantan Umbat, Janang Ensiring dan Prof Clifford Sather (2002). Kajian ini tertumpu kepada *pelian bebunuh* sahaja.

Teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980) digunakan dalam mencapai objektif kajian dalam menganalisis maksud metafora yang terdapat di dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

leka pelian. Hal ini kerana teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980) memandang bahawa bahasa merupakan suatu lambang dan mempunyai makna yang tersendiri berdasarkan unsur yang membentuknya (Lakoff dan Johnson, 1980). Analisis teori ini melihat kepada konteks dan idea dalam penggunaan metafora. Hal ini menunjukkan peranan konteks dan situasi dalam teori yang digunakan menjadi faktor utama dalam pentafsiran makna. Hal ini kerana konteks merupakan binaan fikiran yang bersifat kognitif yang mewujudkan metafora berdasarkan pandangan pendengar (Lakoff & Johnson, 1988).

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah deskriptif secara kualitatif. Kajian ini menggunakan analisis kandungan dan temu bual sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian menunjukkan *leka pelian* banyak menerapkan penggunaan metafora dalam berkomunikasi. Penggunaan unsur-unsur metafora ini telah mengayakan *leka pelian* dan meningkatkan penggunaan bahasa dalam *leka pelian*. Keindahan unsur metafora yang digunakan mampu menarik untuk menghayati penggunaan bahasa kiasan dalam *leka pelian.* Metafora memainkan peranan penting dalam memberi pelbagai interpretasi dan medium pengantaraan alam manusia dan alam ghaib. Penggunaan metafora tertakluk kepada pengamalan dan kepakaran pengamal *leka pelian.* Hal ini menunjukkan *leka pelian* mempunyai nilai estetika yang unik dan eksklusif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Ab Razak Ab Karim. (2018). Transformasi perubatan tradisional ke arah perubatan moden. *Akademi Pengajian Melayu.* Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.

Abdul Halim, Zainab Zakirah, Azmi, Dania Salsabila, Jasmi & Kamarul Azmi (2019). *Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam.* University Teknologi Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/339399584_Media_Sosial_dan_Trend_Penggunaan_Menurut_Islam.

Abdul Wahab. (1995). *Isu linguistic: pengajaran bahasa dan sastra.* Surabaya: Air langga University Press. https://nla.gov.au/nla.cat-vn2846557

Abrams, M. H., (1981). *A Glossary of Literary Terms (5th* ed*.)*. New York: Holt Rinehart and Winston.

Ahmad Farid, Abdul Jalal, Rahimin Affandi Abd Rahim, Ab. Halim Ismail, Huzaimah Ismail & Muhammad Ikhlas Rosele. (2017). Ilmu kolonial di Malaysia: perspektif maqasid Syariah. *Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya , Kuala Lumpur. 16*(1), 51–83. http://dx.doi.org/10.18592/al-banjari.vl6i1.975

Aishah Mohamed & Abd Aziz Bidin. (2010). Makanan dan kepercayaan tentang etiologi penyakit: kes orang Melayu Kelantan. *Jurnal Melayu,* (5)*,* 29-46. https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/4943/2501

Akastangga, M. D. (2020). METAFORA: Metafora dalam Puisi Kerinduan Ibnu 'Arabi' (Kajian Semiotik-Pragmatik). *JURNALISTRENDI:JURNAL LINGUISTIK, SASTRA, DAN PENDIDIKAN*, *5*(1), 27-46. https://doi.org/10.51673/jurnalistrendi.v5i1.208.

Anne Saga, B., Empiang Liman, J., & Tugang, N. (2019). Perlindungan harta intelek terhadap tradisi lisan masyarakat Iban: leka timang. *Jurnal Dunia Pengurusan, 1*(2), 17-21. Retrieved from https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/6839

Asmah Haji Omar. (1996). Languages and Language Situation of Southeast Asia. *Jati-Journal of Southeast Asian Studies*.

Asmah Haji Omar. (2012). Kosmos dalam cerita rakyat Iban. *Ucap Utama, Simposium Bahasa dan Budaya Iban, dan Folklor Borneo/Kalimantan.*

Asmah Omar. (1981). *Iban Language of Sarawak: A Grammatical Description.* Tanjung Malim: Pustaka Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Aulia, Z. N. & Nur, T. (2020). Metafora Konseptual dalam Rubrik Unak-Anik Kahirupan Majalah Online Manglé: Analisis Semantik Kognitif. Lokabasa, *11*(2), 226-236. doi: https://doi.org/10.17509/jlb.v11i2.25251

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Creswell, J. W., (2005). Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.

Cruse, D.A., (2004). *An Introduction to Semantics and Pragmatics*. Oxford University Press.

Dato, J., Rosline Sandai. & Dermawan, T. (2020). Unsur yang membentuk metafora dalam Biau [The elements that form metaphor in Biau]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*. https://doi.org/10.33306/mjssh/87

Daud, N. (2007). Unsur metafora dalam pantun: suatu pendekatan semiotik. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, *18*(1), 120–134. Retrieved from https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9739

Delbaere M. (2013). Metaphors and myths in pharmaceutical advertising. *Social science & medicine (1982)*, *82*, 21–29. https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2013.01.020

Derry Sulisti Adi Putra & Latifa Shafa Maura Selohadi. (2022). *Tinjauan atas Relasi Bahasa dan Pikiran serta Implikasinya Terhadap Penerapan Teori Metafora Konseptual. Metafora.* (Jurnal Lintas Disiplin Studi Metafora) Vol.1, No.1, Januari 2022, Hlm. 15—34 ISSN: 2810-0603 DOI: https://doi.org/10.26877/mf.v1i1.10694

Dessiliona, T, & Nur,T. (2018). Metafora Konseptual Dalam Lirik Lagu Band Revolverheld Album In Farbe (Conceptual Metaphor In Songs Lyric Revolverheld Band Album In Farbe). *24*(2). DOI: https://doi.org/10.26499/sawer.v24i2.524

Dharmawijaya. (1974). *Warna maya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Diana Riboli. (2011). We Play in the Black Jungle and in the White Jungle. The Forest as a representation of the Shamanic Cosmos in the Chants of the Semang-Negrito (Peninsular Malaysia) and the Chepang (Nepal). *Shaman Volume 19 Numbers 1 & 2* Spring/Autumn. Athens, Greece: Panteio University.

Diyah Wara Restiyati. (2020). Fungsi ragam hias martavan pada masyarakat Tionghoa Jakarta. *Kindai Etam. 6*(2). Balai Arkeologi Provinsi Kalimantan Selatan.

Djafar, Chece. (2020). Menstimulasi Kemampuan Berbicara Melalui Praktik Drama Kreatif Pada Siswa Kelas XI SMA Negeri 1 Palopo. *Jurnal Andi Djemma| Jurnal Pendidikan*, 3(1), 1-13.

Djafar,Chece. (2020). Kajian Diksi dan Gaya Bahasa Metafora pada Puisi *Ininawa* karya Lakon Sang Kelana Modies Palopo. *Jurnal Andi Djemma| Jurnal Pendidikan*, *3* (2).

Drianti, Astik & Nurmala, Imas. (2020). Strategi Pemasaran Tenun Ulap doyo (Daun Lemba) Menggunakan Matriks SWOT (Studi Kasus pada UMKM Pokant Takaq). *Rawa Sains: Jurnal Sains STIPER Amuntai*. DOI:10.36589/rs.v10i2.138

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Empiang Liman, J., Anne Saga, B., Tugang, N., & Anggo, F. (2019). Tradisi Lisan Timang Gawai Kelingkang Nanga Dalam Masyarakat Iban Di Sarawak: Satu Penelitian Awal. *Jurnal Dunia Pengurusan, 1*(3), 30-35. Retrieved from https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/7464

Fontana, A., & Frey, J. (1994). *Interviewing: The Art of Science. In N. Denzin, & Y. Lincoln (Eds.), Handbook of Qualitative Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication, Inc.

Frankel, J. R., & Norman, E. W. (1993). How to design and evaluate research in education (2nd ed). New York: McGraw hill Inc.

Ganing, P. & Amat, A. (2017). Watak Dewi Kumang Dalam Entelah (Teka-Teki) Iban: Interpretasi Makna Kuasa Sakti. *Jurnal Gendang Alam (GA)*. DOI: https://doi.org/10.51200/ga.vi.1048

Ghassani, N, S. & Saifudin, A. (2020). Studi Metafora Konseptual pada Idiom Bahasa Jepang yang mengandung Bagian Tubuh dan Bermakna Emosi. *2*(2). DOI: https://doi.org/10.33633/jr.v2i2.3990

Hargrave, W. G., & Wilkinson, F. (1959). *Concerning confirmation.* DOI: https://doi.org/10.1177/0040571X5906246308

Hawkes, A. G. (1971). Point spectra of some mutually exciting point processes. *Journal of the Royal Statistical Society*. Series B (Methodological), *33*(3). DOI:http://www.jstor.org/stable/2984686https://doi.org/10.1017/CBO9781139173865.013

Hu, T. L. (2011). Taiwan shamanic chants in Taiwan: Texts and symbols. *Shaman Volume 19 Numbers 1 & 2* Spring. Taiwan: Academica Sinica, Taipei, Taiwan.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). Laporan Sosioekonomi Negeri Sarawak.

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif*, 1, 28-29.

Jeffrey, Russel & Subet, Fatimah. *(2018). Unsur Alam Dalam Peribahasa Iban (Jaku' Sempama): Satu Analisis Semantik Inkiusitif (Elements of Nature in Iban Proverbs (Jaku' Sempama): An Inqusitive Semantics Analysis). Trends in Undergraduate Research. 1. f10-15. 10.33736/tur.1169.2018.*

Jenny Minggat. (2009). Analysis of figurative language in Iban oral traditions: Biau. [Tesis Ijazah Sarjana Muda]. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.

Jenny, A. M. (2009). *Analysis of figurative language in iban oral traditions: Biau.* [Final Year Project Report]. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak. (Unpublished)

Juliza Kennedy. (2007). *Khazanah warisan Masyarakat Etnik Iban di Sarawak: Satu Kajian Dokumentasi harta intelek.* Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kao, Y. N. (2011). Crossing the Seas: Tai Shamanic Chanting and its Cosmology. *Shaman Volume 19 Numbers 1 & 2* Spring/Autumn. Hsinchu, Taiwan: National Tsing Hua University.

Katoi, N. (2021). Bentuk Puisi Tradisional Iban Timang Jalung. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 12*(2), 115-130. https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.9.2021

Keraf, G. (1994). *Diksi dan Gaya Bahasa*.Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.

Kövecses, Z. (2003). Language, Figurative Thought, and Cross-Cultural Comparison. *Metaphor and Symbol, 18*(4), 311-320. Budapest, Hungary: Eötvös Lörand University

Kövecses, Z. (2005). Metaphor in Culture: Universality and Variations. *Cambridge: Cambridge University Press.*

Kövecses, Z. (2015). Where Metaphors Come From: Reconsidering context in metaphor. *New York: Oxford University Press.*

Lakoff, G. (1993). The contemporary theory of metaphor in a ortony. *Metaphor and thought*. Cambridge: Cambridge University Press.

Lakoff, G., & Johnson, M. (1980*). Metaphors We Live By*. Chicago: University of Chicago Press.

Laura Beruin & Chemaline Osup. (2021). Geliga sebagai puisi adat dalam Komuniti Iban [Geliga as a customary poem in the Iban Community]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, *1*(3), 15-28.

Lwi, J. (2004). Penggunaan metafora dalam bahasa iklan cetak: satu kajian semantik. [Tesis Sarjana]. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Manggai Tugai, Mohammad Maulana Mugiman & Franklin Ragai. (2019). *International Conference On Social Sciences and Humanities.* Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Mary, *Fatimah* Subet. (2018). Analisis teori relevan dalam *metafora*. Jurnal Bahasa, *18* (1). pp. 159-188.

Matusky, P. (2006). Timang (Pengap), Pelian, And Sabak: Iban Leka Main Singing Styles. Borneo Reserach Bulletin, Vol 43, 114- 133.

McGlone, M. S. (2017). What is the explanatory value of conceptual metaphor?. *Language & Communication*. United states: The University of Texas AT Austin.

Merriam, S. B. (1998) Qualitative Research and Case Study Applications in Education. *San Francisco: Jossey-Bass Publishers.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muhd Abdul Hadi Johari & Ahmad Hakimi Khairuddin. (2019). Perlindungan diri di hutan daripada penyakit bawaan personalistik: Perspektif masyarakat Melayu Kedah. *Jurnal Melayu Sedunia.* Kuala Lumpur: University Malaya.

Norazit Selat. (1993). *Konsep asas antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noriza Daud. (2007). Unsur metafora dalam pantun: Suatu pendekatan semiotik. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 18.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Norjietta Julita Taisin. (2019). Unsur Metafora Dalam Puisi Lisan Tradisional Kadazanduzun. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 7* (1), 153-172.

Nurul Nadia Muhammad & Sabariah Md Rashid. (2014). Cat Metaphors in Malay and English Proverbs. SoLLs.INTEC.13: International Conference on Knowledge-Innovation-Excellence: Synergy in Language Research and Practice. Procedia - Social and Behavioral Sciences 118 (2014) 335 – 342. https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.02.046

Nurul Sabrina Zan. (2015). *Penterjemahan Metafora Bahasa Melayu ke Bahasa Sepanyol melalui Bahasa Inggeris.* (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Nuryadin, T. R., & Nur, T. (2021). Metafora Konseptual Bertema Rihlah (Jalan-Jalan) pada Majalah Gontor: Analisis Semantik Kognitif. *Diglosia: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya*, *4*(1), 91-100. https://doi.org/10.30872/diglosia.v4i1.72

Patricia Matusky. (2012). Timang (pengap), pelian, and sabak: Iban leka main singing styles. *Borneo Research Bulletin (Vol. 43).* Borneo Research Council, Inc.

Patrick Rigep Nuek. (2002). *A Dayak Bidayuh community: Rituals, ceremonies & festivals*. Kuching, Sarawak, Malaysia.

Peter Knecht. (2011). The itako, a bridge between this and the other world. *Shaman,* (19th ed). Nagoya: Japan.

Peter, F. L. (2011). Beguiling Minan: The language, gesture, and acoustics of disease-spirit extraction in temoq shamanic ritual. *Shaman 19 (1 & 2)*. Australia: Ballarat.

Pradopo, R. D. (1994). *Stilistika dalam Buletin Humaniora No.1 tahun 1994*. Yogyakarta: Fakultas Sastra UGM.

Rachmawati, D. (2019). Metafora Tangan dalam Idiom Bahasa Jepang Berdasarkan Teori Metafora Konseptual. 5(1). DOI: https://doi.org/10.33633/lite.v15i1.2393

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Resa Sindi Harja. (2014). Bentuk dan makna peribahasa bahasa Indonesia yang terbentuk oleh unsur tumbuhan, jenis-jenis tumbuhan, dan hal-hal yang berkaitan dengan tumbuhan.*Jurnal Bahtera Sastra: Antologi Bahasa dan Sastra Indonesia, 2*(2).

Ricoeur, P. (1978). The metaphorical process as cognition, imagination, and feeling. Chicago: The University Of Chicago Press Journals.

Robert Menua Saleh, Jantan Umbat, Janang Ensiring & Prof. Clifford Sather. (2002). *Pelian.* Sarawak: The Tun Jugah Foundation.

Rosline Sandai, Che Ton Mahmud & Doblin Sandai. (2019). An Integrated Pedagogy for Teaching Sung and Chanted Iban Traditional Poems (Leka Main). *Journal of Interactive Learning Research*. *30*(3), 301-326. Waynesville, NC: Association for the Advancement of Computing in Education (AACE). https://www.learntechlib.org/primary/p/178204/

Rosline Sandai. (2011). *A Survey on problems faced by Iban Language secondary school teachers.* The head Foundation. Routledge Critikal Studies in Asean Education.

Ruzanna Md. Ruslan, & Rozaimah Rashidin. (2014). Skema Imej dan Metafora Konsepsi dalam Skrip Teater Wangi Jadi Saksi. Jurnal Linguistik. (*18*(1), 10-24).

Saeed, J. I. (2003). *Semantic* (2nd ed.). Oxford: Blackwell Publishing.

Saidatul Nornis Hj. Mahali, and Mohd. Rasdi Saamah, (2013) Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang semai. *GEMA: Online Journal of Language Studies, 13* (1). pp. 83-98. ISSN 1675-8021. Official URL: http://www.ukm.my/ppbl/Gema/gemahome.html

Saludin, M. R. (2009). Teromba: Hubungan dengan pendidikan kesusasteraan. Shah Alam: Karisma Publication.

Sandin, B. (1980). *Iban Adat and Augury*, Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Saripah Banseng & Rosline Sandai. (2017). Unsur bahasa kiasan metafora dalam sampi Iban. *Pendeta Journal of Malay Language, Education And Literature*, (8), 116-12.

Sater, C. (2016). The Sugi Sakit Ritual Storytelling in a Saribas Iban rite of healing. Jurnal Ilmu Pengetahuan Budaya. *17*(2), 251-277.

Sather, C. (1980). Symbolic elements in Saribas Iban rites of padi storage. Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. *53*(2), 67-95.

Sather, C. (2001). *Seeds of play, words of power: An ethnographic study of Iban shamanic chants.* Kuala Lumpur: The Tun Jugah Foudation in cooperation with The Borneo Research Council. https://doi.org/10.4000/moussons.2528

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sather, C. (2011). Multiple Voices, Reportive and Reported Speech in Saribas Iban Shamanic Chants. *Shaman 19* (1 & 2). pp.169.

Sather, C. (2016). The sugi sakit ritual story telling in a Saribas Iban rite of healing. *Wacana Journal of the Humanities of Indonesia, 17*(2). Indonesia: University of Indonesia. 10.17510/wacana.v17i2.442

Selvi, L. (2018). *Penggunaan Metafora dalam Simili dalam Lirik Lagu Tamil Tempatan.* [Tesis Sarjana]. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Sewel, E. (1964). *The human methapor*. Notre Dame: University of Notre Dame Press.

Shamalah, S. (2017). *Metafora Dalam Puisi Klasik Tamil Muthurai.* [Tesis Sarjana]. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Siti Noraien Razali. (2016). Kesantunan berbahasa dalam buku *Pemimpin dana ungkapan Melayu* karya Tenas Effendy. *Akademik Pengajian Melayu.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Subet, M. (2018). Analisis Teori Relevans dalam Metafora. *Jurnal Bahasa, 18*(1), 159-188. http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/3444

Subet, M. (2018). Analisis Teori Relevans dalam Metafora. *Jurnal Bahasa, 18*(1), 159-188. Dicapai daripada http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/3444

Sugiharto, I. B. (1996). Postmodernisme: Tantangan bagi filsafat. *Jakarta: University Press.*

Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran-Ho Abdullah. (2017). Kehidupan Adalah Perjalanan: Analisis Metafora Konseptual Dalam Salina Dan La Vie Devant Soi. *Akademika*. 87(1), April 2017:189-205 http://doi.org/10.17576/akad- 2017-8701-14

Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1984). Introduction to qualitative research methods: *The search for meanings*. New York: John Wiley.

Tugau, M., Magiman, M. M., Kundat, F. R., & Salleh, N. (2022). Ritual Pelian Budaya Masyarakat Iban di Daerah Sebauh, Bintulu Sarawak. *ANP Journal of Social Science and Humanities, 3*, 52-61. https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v3sp.7.2022

Ungerer, F., & Schmid, H. J. (1996). *An introduction to cognitive linguistics.* London: Longman.

Wilkinson, Richard James (1901). A Malay-English dictionary. Hong Kong: Kelly & Walsh, limited. Rencana ini mengandungi teks dari sumber yang berada dalam domain awam.

Winstest, R. O. (1925). *Shaman, Saiva and Sufi: Astudy of the evoluation of Malay Magic.* http://www.blackmask.com

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. (2004). Perubatan tradisional dan moden. www.yadim.com. my/wacana_kesihatan/view.asp?ld=123

Yin, R. K. (2003). Case Study Research: Design and Methods. *Sage: Thousand Oaks, California.*

Zainal Abidin. (2002). *Analisis eksistensial untuk psikologi dan psikiatri.* Bandung: Refika Aditama.

Zaini, M.F., Sarudin, A., Muhammad, M.@., & Abu Bakar, S.S. (2020). Representatif Leksikal Ukuran sebagai Metafora Linguistik berdasarkan Teks Klasik Melayu (Representatives of Lexical Ukuran as Linguistics Metaphors Based on Malay Classic Text). *GEMA Online Journal of Language Studies, 20*, 168-187. DOI:10.17576/gema-2020-2002-10

Zheng, J. (2015). *The metaphorical meaning of Hong "Red" and Bai "White" in Chinese.* (Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Zulkifley Hamid & Nirwana Sudirman. (2017). Metafora konsepsi dan skema imej dalam pantun melayu. *Journal of Education and Social Sciences*, *6*(2).

Zurinah Hassan. (2001). Penggunaan unsur alam sebagai perlambangan dalam puisi Melayu moden. *Bahasa moden dan komunikasi.* Serdang: Universiti Putra Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maklumat informan



Nama: Jimbun anak Tawai

Asal: Lubuk Pantu, Ulu Engkari, Lubuk Antu.

Kelulusan: Diploma in Applied Linguistics (UM)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jimbun Tawai, PPN, ABK, ABS, dilahirkan pada 27.12.1950, di Daerah Lubuk Antu, Bahagian Sri Aman, Sarawak, Malaysia. Seorang guru sekolah menengah yang telah bersara. Dua puluh lima tahun pengalaman mengajar Bahasa Iban. Beliau masih aktif melestarikan dan mempromosikan Bahasa dan budaya Iban. Beliau telah menerbitkan beberapa buku mengenai Bahasa dan budaya Iban. Beliau memperoleh Diploma Linguistik Gunaan dari Universiti Malaya. Beliau adalah salah seorang ahli panel penulis buku teks sekolah Bahasa Iban, yang dilantik oleh Pembangunan Kurikulum Sekolah Kerajaan Malaysia. Dia membentangkan kertas mengenai pendidikan ibu bapa Minoriti Etnik Malaysia pada seminar yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Tinggi Dong Jiao Zong di kampus Kajang pada 1 & 2 November 1997. Pada masa ini, beliau bekerja sebagai Pembantu Penyelidik Sosial dengan Majlis Kastam dan Tradisi, Jabatan Ketua Menteri, Sarawak. Beliau sudah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pencapaian dalam meningkatkan Bahasa Iban;

- Mengajar mata pelajaran Bahasa Iban (1982-2006) di SMK Balai Ringin, Serian.
- Dianugerahkan Guru Cemerlang Bahasa Iban yang pertama oleh KPM, 1996- 2006.
- Menjadi Jurulatih Bahasa Iban kepada guru sekolah rendah dan menengah.
- Menjadi ahli dalam susun atur sistem ejaan Bahasa Iban yang dikeluarkan oleh Yayasan Kebudayaan Dayak, 1995.
- Menjadi ahli susun atur "*Bub Serba Reti*" yang dikeluarkan Tun Jugah Foundation.
- Menjadi ahli Panel Penggubal Kurikulum Bahasa Iban sekolah rendah dan menengah, 1998-2006.
- Ahli Panel Penulis Buku Teks Jaku Iban (Buku Teks Tahun 6, Buku Teks Tingkatan 1, Buku Teks Tingkatan 3 dan Buku Teks Tingkatan 4)
- Ketua Panel Penggubal Item Pentaksiran dan Ketua pemeriksa kertas Bahasa Iban peperiksaan menengah rendah,1998-2006, oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Penulis buku cerita rakyat Iban (*Ensera Ayor* dan *Kelimbak Darah*)
- Penulis buku aktiviti Bahasa Iban (Proaktif Bahasa Iban Tingkatan 1).
- Wakil SADIA (peringkat antarabangsa) "*Mother Togue Education:Challangers in The Implementation of Iban Language Curriculum in Malaysian School*" di Kuala Lumpur (1997)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Semenjak kerja di Ofis Majlis Adat Istiadat Sarawak, mengeluarkan buku "*Ngepan Asal Iban*" dan "*Jalai belajar Macha Jaku Iban*"
- Pengumpul dan merekod *Leka Timang /Pengap*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A

PELIAN ORANG SAKIT DITUNANG UTAI

OLEH

MANANG BANGGA ANAK ANGGAT

Pelian ini adalah bertujuan untuk mengubati pesakit yang terkena tunangan selain daripada manusia. Contohnya, kijang, labi-labi, buaya dan hantu air atau sejenis ular besar. Jika yang sakit adalah wanita, pengamal ritual hendaklah menjalankan upacara belian di satu kawasan dipangil tanju. Jika pesakit ialah lelaki, dan dipercayai di tunang oleh kijang, pengamal ritual hendaklah menjalankan upacara belian di tanah. Selain itu, jika pesakit lelaki tersebut ditunang oleh buaya, hantu air atau memerang, pengamal ritual hendaklah menjalankan ritual belian di tepi sungai.

Pelian ini boleh dijalankan seorang hingga tiga orang pengamal ritual. Pelian ini ditujukan ke dunia binatang yang menunang si pesakit. Pelian ini dijalankan untuk mengintai binatang tersebut semasa pergi ke tempat si pesakit. Oleh itu,pelian ini dijalankan dini hari . sebelum memulai ritual persembahan hendaklah disediakan dan diletakkan di pinggan serta digantung di tengah-tengah tanju iaitu salah satu kawasan luar rumah panjang

Leka Pelian	Terjemahan
Oh, oh, oh kasai oh, *Bekeberai dih bunga kasai,* *Gugur tuai ninggang ulai ulak leletang.*	oh, oh, oh kasai (Buah kristal) oh, Jatuh beguguran menimpa ombak yang deras,
Oh, oh, oh, ulak leletang, *Lama lemai bala Gendai* *Ke bejalai niti sentali rumah panjai,* *Ka ngumbai ambai orang peransang tulang, oh tulang. (lambang kekuatan)*	Oh, oh, oh ombak deras, Lambat benar si Gendai Berjalan di sepanjang rumah panjang Mengangap kekasih orang menjadi penyemangat Oh Tulang
Oh, oh, oh, peransang tulang, *"Ni nuan entupan laun datai?" ku melanyi Bujang Besai,* *Kangauka bala Duau nyerumba silau hari lemai,* *Tutung sida enggau gerunung geri Brunei,* *Lama kami Gepa udah ngaga utai diempa piring rendai,* *Asai makai kamai sempidan arang.*	Oh semangatku *"*Di manakah dikau pusaran air yang lambat sampai?" kata Bujang Besai Menyeru rombongan Duau di senja hari, Laga mereka dengan tulang loceng kecil dari Brunei, Lama kami Gepa sudah menyediakan hidangan makan untuk semangat Dewa Dewi, Seperti rasa arang telur sempidan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Au," ku jaku Gendai, *"Kebuah aku laun datai* *Ari bukit ba pun bungai sepiak menua Mandai,* *Aku agi belala begulai enggau Dara Pandai* *Ngambi engkerebai ringgas di gagang".*	"Ya" kata Gendai, "sebab kenapa aku lambat sampai Dari bukit pokok bunga sebelah dunia Mandai, Aku masih tidak puas bersama dengan Dara Pandai Supaya *engkerebai (psychotaria)* tidak berdaun di tangkai".
Oh, oh, oh, ringgas di gagang *"Ni nuan Melanyi Bujang Lempung tak lubah datai?"* *Baru bala Bidu nepan di menagu bali belumpung,* *Ke sayap bala Rechap adi Chelung,* *Kangau kami Duau enggau sentalau ujung dabung,* *Enda ga nuan datai.* *Ambi kami Ensung enggau geri leka gerunung,* *Nadai ga nuan ninga telai jaku serengung,* *Lama kami udah naga ka utai diempa piring tepung,* *Sekumbang kedang bulan kembung.*	Oh, oh, oh, pokok yang tidak berdaun di tangkai "Di manakah dikau Melanyi Bujang Lempung lambat sampai?" Bidu baru naik Dijadikan sayap para Rechap adik Chelung Kami seru Duau dengan Sentalau di hujung puncak Tidak jua engkau kemari. Diseru dengan siulan bunyi loceng kecil, (sema k ngau gerunung laban bunyi nyaring) Tidak jua kau mendengar Sekian lama kami sediakan hidangan buatmu, Semenjak bulan penuh.
"Au dih Gendai kaban Chelung, *Aku ke laun datai tadi ari Bukit Irung-Irung,* *Aku agi belala begulai enggau Dara Lempung,* *Bejalai nengah tatai muting kampung,* *Ngambi mengkala burung la mipau umbang."*	"Ya, Gendai saudara Chelung, Aku terlambat dari Bukit Irung-Irung, Tidak ku puas bergaul Bersama Dara Lemung, Berjalan melalui lereng -lereng bukit di hutan yang tebal, Tatkala burung makan buah berkulit nipis"
Oh, oh, oh, mipau umbang, *"Ni nuan ke Melanyi Bujang Bula?* *Tak lubah laun datai* *Dikangau kami Duau nyereta silau sabung linda,* *Ensung bala Empung enggau gerunung geri lama,* *Kangau bala Duau enggau tempalau dabung rasa,* *Lama aku udah naga ka nuan utai diempa,* *Piring asi ja enda jena-jena jantau jentawang?"*	O, oh, oh, kulit yang nipis, "Di manakah dikau Melanyi Bujang Bula? Lambat benar kau sampai, Kami seru Duau bersama senja yang mendung, Siulan para Empung dan bunyi loceng kecil, Seru Duau dengan seruan di puncak puncak bukit Sekian lama aku telah menyediakan hidangan buatmu Persembahan nasi sahaja?'

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Au dih Gendai adi Mepa", *Kebuah aku laun nurun* *Ari menua raya kami empu Melanyi Bujang Bula ari Ulu Bukit,* *Laban aku agi belala ka masukka tingga Mangka di janga bau nukang.* *Dara Tinggi agi belala pinta anti* *Masukka labung tinggi ujak suli genalang ngembang,* *Laban iya agi belala mai aku ngambi lemba* *Ke bejila ya merundai di gagang.*	*"ya Gendai adik Mepa",* Sebab aku lambat Dari tempat kami Melanyi Bujang Bula dari Ulu Bukit, Kerana aku masih tidak puas makan Dara Tinggi masih tidak puas untuk di tunggu Pakai topi (seperti tengkolok) Kerana masih tidak puas untuk mengambil daun (piper umbellatum) Yang berjela merundai di tangkai
diOh, oh, oh, merundai di gagang, *"Ni nuan Melanyi Bujang Mereti tak lubah laun datai,* *Dikangau bala Duau enggau tempalau dabung gigi* *Lama lemai dini hari,* *Ensung kami Chelung enggau gerunung geri besi,* *Laban lambu kami ke belian di tanju dini hari,* *Lama kami udah naga ka utai diempa pamping piring sungki,* *Tak lanji-lanji lekat di tisi daun lalang?"*	Oh, berjuntai di tangkai Di manakah dikau Melanyi Bujang Mereti lambat tidak sampai-sampai, Di panggil Si Duau dengan panggilan gigi (banyak puncak) Di petang hari Siulan Chelung dan loceng kecil Kerana kami menjalankan upacara belian dipelantar awal pagi sekian lama telah kami sediakan hidagan persembahan pinang berkibar kibar lekat di tepi daun Lalang?
"Kami Menani tadi", *Au dih Indai adi Menani* *Agi belala begulai enggau Dara Mereti,* *Nurun menyaung Bukit Mempadi.* Binatang turun Bukit Mempadi *Amat nuan udah naga ka utai diempa pamping piring sungki,* *Nya alai aku agi belala begulai enggau Dara Mereti,* *Tak lanji-lanji lekat di tisi daun lalang,* *Tempat betusi bekenang rambang."*	Tidak puas ku bersama dara Mereti Benarkah dikau sudah menyediakan hidangan persembahan piring sungki? Disebabkan itu aku masih tidak puas bersama dengan Dara Mereti, Tempat becerita kenangan dulu"
Oh, oh, oh, kenang rambang, *"Ni nuan Melanyi Bujang Tatau* *Tak laun datai lama lemai,* *Kami udah ngaga ka utai diempa piring semakau,* *Kena kami Duau merakau bala manang?"*	Oh, oh, oh, kenangan dulu Di manakah dikau Melanyi Bujang Tatau Sudah petang tidak jua engkau datang Telah kami sediakan persembahan hidangan tembakau
"Aku agi belala begulai enggau teruna Dara Bagau, *Ke berandau bejaku enda tau badu,* *Laban enti iya keras ka ambi ke bini*	Masih tidak ku puas bersama dengan Dara Bagau, Becerita, bercakap tidak henti-henti Kerana berkeras untuk diperisterikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ke enggai dibai jadi rambang."	Takut kawin secara rawak"
"Dini tau baka nya, *Kami udah naga piring sungki tadi piring semakau,* *Enti nuan enda datai,* *Nuan agi ngachau,* *Ditutuk Duau enggau tirau ya keris manang."*	*"*mana boleh begitu Telah kami sediakan hidangan persembahan Pinang dan hidangan persembahan tembakau, Jika engkau tidak ke mari Engkau masih menganggu Ditikam Duau dengan menggunakan keris manang"
<u>*Berubah patah nyawa-nyawa panjai*</u> *Oh, keris manang,* *"Tak anang rari nuan Bujang Mercti,* *Kami manang mai sekaki betambak singkang."*	<u>Lanturan suara berubah menjadi panjang</u> Oh, keris manang, Jangan kau lari Bujang Mereti, Mari bersama seiring sejalan.
Eh, eh, betambak singkang, *"Oh, tak anang takut nuan Melanyi Bujang Lembut kangau Likup,* *Kami ngelikup betangkup duduk betentang."*	"oh, jangan kau takut Melanyi Bujang Lembut seru Lingkup,
Oh, oh, duduk betentang, *"Uji kitu dulu nuan Melanyi Bujang Tinggi,* *Kami Jelapi ka besendi kerigai jarang.*	Oh, oh, duduk betentang, Kemarilah dikau Melanyi Bujang Tinggi,
Aih, kerigai jarang. *"Uji kitu dulu nuan Bujang Lempung.* *Kami Empung mai nuan saum serungkung sama ringgang."*	Kemarilah dikau Bujang Lempung. Kami Empung menyeru kau sama serungkung sama ringgang,
